

"Di KEBANYAKAN negara dunia dan serantau, sektor kerajaan bertindak selaku pemudah cara dan regulator, manakala sektor swasta berperanan sebagai penggerak ekonomi." - Titah sempena Sambutan Perayaan Hari Kebangsaan Ke-16 pada 23 Februari, 2000.



"KATAKANLAH wahai Muhammad, jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah aku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan ingatlah Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang." - Surah Ali 'Imran ayat 31.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan menerima kunjungan muhibah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Ismail Petra, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Kelantan Darulnaim dan Duli Yang Maha Mulia Tengku Anis, Raja Perempuan Kelantan. Majlis berlangsung di Istana Nurul Iman (gambar atas dan bawah).



Berkenan menerima kunjungan muhibah Sultan dan Raja Perempuan Kelantan

BANDAR SERI BEGAWAN. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan menerima kunjungan muhibah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Ismail Petra, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Kelantan Darulnaim dan Duli Yang Maha Mulia Tengku Anis, Raja Perempuan Kelantan. Majlis berlangsung di Istana Nurul Iman di sini pada 4 Februari lalu bagi lawatan muhibah tiga hari.

Keberangkatan tiba baginda berdua dialu-alukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri.

Oleh Dk. Hjh. Saldah PHOA

Baginda berdua kemudian disembahkan kepada ahli-ahli kerabat diraja.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri kemudian berkenan menerima kunjungan muhibah dari kerabat diraja Negeri Kelantan.

Berangkat ke majlis itu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia

Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, cunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raheemah Sanaul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna.

Ahli rombongan diraja Kelantan terdiri daripada anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Kelantan Darulnaim, Yang Teramat Mulia Tengku Muhammad Faris Petra, Tengku Mahkota Kelantan dan Yang Amat Mulia Tengku Muhammad Fakhry Petra, Tengku Temenggong Kelantan serta adinda kepada Duli Yang Maha Mulia Raja Perempuan Kelantan, Yang Mulia Datin Tengku Anisah, Yang Berhormat Dato' Tengku Shah Buddin, Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan dan isteri, Datin Tengku Rosiah.

Negeri Kelantan Darulnaim terletak di Pantai Timur Malaysia Barat bersempadan dengan Thailand, mempunyai keluasan hampir 15 ribu kilometer persegi. Ibu negerinya ialah Kota Bharu, manakala bandar-bandar utama termasuk Bachok, Pasir Putih dan Gua Musang.

ANTARA YANG MENARIK

Haluan :

PetroleumBRUNEI berperanan sebagai 'Regulatory Body' dan 'Commercial Entity' - Muka 2

Melirik Masa Silam :

Jajam Dalam Menghayati Kerja - Muka 3

Hukuman lebih berat kepada pesalah dadah - Muka 6

196 terima geran tanah, kunci perumahan dan Skim Bantuan Perumahan YSHHB

- Muka 8 & 9

Lebih banyak klinik pakar ditubuhkan

- Muka 10

Berkasih sayang perlu melalui saluran yang dibenarkan oleh syarak

- Muka 3 ANEKA

Hasilkan produk dorong masyarakat

- Muka 5 ANEKA

Menjana Kesihatan Biskita : Kelahiran pramasa

- Muka 7 ANEKA

Bukan dengan perkongsian ali baba : RAKYAT PERLU JADI PELAKU UTAMA

Oleh Abu Bakar HAR

TAHUKAH AWDA

MENURUT laporan Rancangan Kemajuan Negara Ke-8, bilangan rakyat dan penduduk tetap berkelulusan tinggi telah meningkat dari 16,896 orang pada tahun 1996 kepada 22,084 orang pada tahun 1999.

GADONG. - Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria mahukan rakyat di negara ini menjadi pelaku utama dalam industri pengangkutan di rantau ini.

Kerajaan, jelas Yang Berhormat, bersedia untuk memberikan bantuan untuk memajukan rakyat tempatan menjadi pengusaha pengangkutan yang berjaya, di samping memberikan keutamaan kepada mereka untuk mendapatkan permit kenderaan.

Walau bagaimanapun jelas Yang Berhormat, kerajaan tidak mungkin akan terus-

menerus dapat melindungi industri pengangkutan dari persaingan antarabangsa.

"Sudah sampai masanya pengusaha-pengusaha tempatan berani untuk menghadapi saingan luar dengan mengadakan usaha sama dengan pengusaha pengangkutan luar negeri terutama dalam meraih peluang-peluang di kawasan BIMP-EAGA dan bukan dengan perkongsian ali baba," tegasnya di Majlis Penyampaian Sijil Lantikan Ahli-ahli Lembaga Melesen Pengangkutan Bermotor Bagi Tahun 2002 - 2004 dan Mesyuarat Pertama Lembaga Melesen Pengangkutan Bermotor Negara Brunei Darussalam di Jabatan Pengangkutan Darat pada 28 Januari lalu.

Lihat muka 16

KONTAK PELITA BRUNEI
http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita 1.htm
e-mel: pelita@brunet.bn
TALIAN PENTING PELITA BRUNEI
02 383941 / 02 383804 / 02 382192
Faks : 02 381004 / 02 380507



6 FEBRUARI, 2002 BERSAMAAN 1422 23 ذوالقعدة

MENJADI KEBANGGAAN NEGARA

ALHAMDULILLAH, Negara Brunei Darussalam kini telah mempunyai syarikat minyak kebangsaannya sendiri yang dimiliki sepenuhnya oleh Perbadanan Perdana Menteri iaitu sebuah perbadanan yang dipunyai oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Syarikat tersebut telah pun didaftarkan secara rasminya dengan nama Syarikat Petroleum Kebangsaan Brunei Sendirian Berhad (Brunei National Petroleum Company Sendirian Berhad) atau panggilan pendeknya PetroleumBRUNEI.

Penubuhan syarikat berkenaan telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 6 November, 2001. Sesungguhnya penubuhan PetroleumBRUNEI menjadi kebanggaan negara dan segala isi di dalamnya. Ianya juga merupakan suatu langkah yang bijak dan menjadi nilai tambah kepada pelbagai projek dan perancangan yang sedia ada dalam usaha untuk meningkatkan kemakmuran dan kesejahteraan negara. Maka dengan penubuhan itu, segala pentadbiran minyak dan gas negara serta semua kepentingan kerajaan dalam syarikat-syarikat usaha sama akan ditadbir sepenuhnya oleh PetroleumBRUNEI.

Seperti yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia, penubuhan syarikat minyak kebangsaan mempunyai lima tujuan iaitu memperkukuhkan, menggerakkan dan sama-sama memelopori perkembangan industri petroleum negara; memainkan peranan lebih aktif/menyertai penerokaan dan kemajuan industri petroleum; mempercepatkan perkembangan berasaskan industri petroleum dalam negeri; dengan secepat mungkin boleh mewakili penyertaan negara di dalam memajukan industri petroleum antarabangsa dan memupuk perkembangan kecekapan tenaga manusia untuk menanai penyertaan di dalam dan di luar negeri.

Apa yang penting, secara langsung PetroleumBRUNEI dapat membantu mengukuhkan dan menggerakkan industri petroleum di negara ini. Selain daripada itu, syarikat berkenaan akan memainkan peranan yang lebih aktif di dalam bidang penerokaan dan kemajuan hasil minyak dalam bentuk hulu (upstream) dan hiliran (downstream). Di samping itu, syarikat itu juga bertindak dan berperanan untuk mewakili penyertaan negara di dalam memajukan industri petroleum antarabangsa.

PetroleumBRUNEI juga mempunyai peranan kembar di mana di samping berfungsi sebagai 'regulatory body' ianya juga akan berperanan sebagai 'commercial entity' iaitu selaku agensi pelaburan kerajaan dalam industri minyak dan gas di dalam dan di luar negara. Penggunaan konsep 'Production Sharing Contract' (PSC) dilihat sebagai mencapai hasrat kerajaan untuk memantapkan dirinya melalui PetroleumBRUNEI dalam mentadbir sumber minyak dan gas negara dengan lebih ketara lagi.

Bagi menjana dan menjalankan aktiviti, PetroleumBRUNEI telah diperuntukkan modal yang dibenarkan/authorized capital sebanyak B\$1 bilion dan modal berbayar (paid-up capital) sejumlah B\$500 juta. Selain daripada itu ianya juga diberi kuasa mengawal kawasan-kawasan tertentu dan mengagih-agihkannya kepada syarikat yang berminat. Alhamdulillah pada masa ini, beberapa buah konsortium telah pun diterima oleh kerajaan untuk membuka kawasan-kawasan baru bagi eksplorasi petroleum. Kawasan Laut Dalam Blok K diberikan kepada Shell Exploration Company B.V.(Shell), Mitsubishi Corporation (MC) dan Conoco Brunei Ltd (Conoco). Sementara penerokaan Kawasan Laut Dalam Blok J diberikan kepada Total Oil and Gas Exploration VII B.V, anak syarikat dimiliki sepenuhnya oleh TotalFinaElf (TOGE VII TFE), BHP Billiton Petroleum Great Britain Ltd (BHP) dan Amerada Hess Overseas Limited (AHOL).

Yang membanggakan kita, syarikat tersebut akan dipelopori, majukan dan usahakan sendiri oleh anak-anak tempatan kita sendiri yang mempunyai pelbagai kepakaran dan kemahiran. Semua ini berkat usaha gigih kerajaan yang lebih awal lagi telah menubuhkan Unit Petroleum, Jabatan Perdana Menteri, di mana sebilangan besar pegawai dan kakitangan unit berkenaan akan dipindahkan ke PetroleumBRUNEI. Sebagai sebuah syarikat korporat yang dimiliki sepenuhnya oleh kerajaan ianya sudah barang tentu akan memainkan peranan penting dalam membentuk dasar yang menjurus kepada memperkasakan lagi industri minyak dan gas di negara ini yang telah berumur 73 tahun.

Ke arah itu, kelahiran PetroleumBRUNEI walaupun sebagai 'newcomer' dalam industri minyak dan gas, sepatutnya tidak dilihat sebagai ancaman atau persaingan kepada syarikat-syarikat lain yang sudah lama bertapak di negara ini. Tetapi apa yang lebih penting dan diharapkan, agar semua pihak bekerjasama untuk membolehkan persefahaman dijalin dengan lebih padu dan kuat lagi di antara PetroleumBRUNEI dan syarikat-syarikat usaha sama.

Kita percaya, penubuhan PetroleumBRUNEI sudah barang tentu akan menjadi kebanggaan kita semua. Penubuhannya itu juga jelas menunjukkan usaha kerajaan yang berterusan dalam memantapkan dan memajukan lagi ekonomi negara. Industri 'emas hitam' ini tetap akan menjadi penyumbang utama kepada pendapatan dan ekonomi negara di masa akan datang.

HALUAN...

PetroleumBRUNEI berperanan sebagai 'Regulatory Body' dan 'Commercial Entity'

Bismillahir Rahmanir Rahim

SEGALA puji bagi Allah Subhanahu Wataala, selawat dan salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum kerabat para sahabat serta juga pengikut-pengikut Baginda yang taat lagi setia hingga ke akhir zaman.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Saya bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah rahmat dan hidayah-Nya juga kita semua telah dapat berkumpul beramai-ramai sekali lagi pada tahun ini di dalam suasana yang menggembirakan. Dalam suasana ini saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan Selamat Tahun Baru Masihi kepada kesemua yang hadir pada majlis malam ini. Majlis kita ini juga bertambah meriah lagi dengan adanya kehadiran Ketua Pegawai Eksekutif dari syarikat-syarikat usaha sama minyak dan gas serta juga dari syarikat minyak kebangsaan yang baru ditubuhkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Seperti mana pada tahun-tahun sebelumnya, majlis ini memberikan peluang sekali lagi bagi kita semua untuk mengimbas kembali segala pencapaian dan apa jua pengalaman dalam dua belas bulan yang telah berlalu dan seterusnya menjadikannya sebagai iktibar dan perangsang ke arah melaksanakan tugas dan tanggungjawab kita masing-masing dengan lebih gigih, cermat dan tekun di masa-masa akan datang demi mencapai kecemerlangan, khususnya dalam menyumbang kepada kemakmuran dan kesejahteraan sosioekonomi.

Di samping itu juga saya berharap majlis ini dapat memberikan peluang kepada kita semua untuk bertukar-tukar pandangan yang bernas dan membangun serta mengeratkan lagi jalinan persahabatan yang telah sedia ada.

Abad yang sedang kita tempuhi ini membawa bersama-bersamanya banyak cabaran baru yang perlu dihadapi, di samping juga peluang dan kemanfaatan yang dapat diraih darinya. Ini menimbulkan keperluan untuk kita saling bergantung di antara satu sama lain (interdependency) dari sudut kepakaran, teknologi dan juga modal dalam mana negara, kerajaan, syarikat mahupun individu, tidak lagi dapat bersendirian untuk maju secara efisien dan berterusan.

Dalam dunia yang kompetitif ini, bekerjasama di antara satu sama lain sangat diperlukan, terutama di mana pengetahuan dan kepakaran luaran dapat mengalirkan pemikiran dan tatacara baru dalam meningkatkan keupayaan dan kemampuan masing-masing.

Serentak dengan kemajuan ini, kita juga sedang menghadapi proses pembukaan pasaran dan pemuahan laluan perdagangan, pelaburan dan perkhidmatan secara meluas. Fenomena yang digelar sebagai proses globalisasi ini adalah bertujuan untuk memberikan peluang kepada perusahaan ataupun syarikat untuk berkembang maju dengan cara menembusi pasaran di luar negara dan memperluaskan lagi skop dan aktiviti mereka di tempat lain.

Proses ini merupakan satu keperluan yang boleh membawa kepada kejayaan dan kemakmuran negara ini di masa akan datang.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sangat peka akan perkara ini dan terus berusaha untuk meningkatkan keupayaan di semua sektor demi memper-

kukuhkan dan seterusnya menjamin kesejahteraan ekonomi negara yang berdaya tahan.

Minyak dan gas telah lama dihasilkan di negara ini sehinggalah sudah ramai anak-anak tempatan yang telah melibatkan diri dalam industri tersebut. Hasil daripada sumber-sumber ini telah menyumbang kepada kemakmuran dan pembangunan ekonomi negara yang mantap.

Apa yang nyata kepada kita adalah bahawa walaupun dengan adanya penerokaan dan pertemuan takungan-takungan hidrokarbon baru, jumlah sumber tersebut adalah terbatas. Dan kita juga maklum yang aktiviti-aktiviti syarikat usaha sama masa ini adalah terhad kepada pelaburan, penerokaan dan penghasilan sumber minyak dan gas di dalam negara kita sahaja.

Dengan kenyataan itu tadi serta juga dengan mengambil kira bahawa sudah terdapat ramai anak tempatan yang berpengalaman dan mempunyai kepakaran untuk menerajui dalam industri ini, di samping menjamin industri tersebut terus memberikan kemanfaatan dan 'relevancy' kepada negara, walaupun setelah simpanan (reserves) sumber minyak dan gasnya pupus, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah memutuskan bahawa masanya sudah bertepatan bagi sebuah syarikat minyak kebangsaan ditubuhkan.

Pada kesempatan ini, sukacita saya memaklumkan bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah meluluskan bagi syarikat minyak kebangsaan



UCAPAN Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Awang Haji Mohamed Taib selaku Pengerusi Lembaga Minyak dan Gas Brunei (BOGA) di Majlis Malam Lembaga Pengarah-Pengarah bertempat di Kelab Polo Jerudong Park pada 19 Januari, 2002.

tersebut dinamakan sebagai Syarikat Petroleum Kebangsaan Brunei Sendirian Berhad ataupun dengan singkatannya 'Petroleum BRUNEI'.

Saya percaya pengumuman bagi penubuhan Syarikat Petroleum Kebangsaan Brunei telah menarik perhatian banyak pihak, terutamanya mereka yang mempunyai kepentingan di dalam industri minyak dan gas baik di dalam mahupun di luar negeri. Di samping itu juga, tidak kurang juga persoalan-persoalan yang telah dibangkitkan mengenai penubuhan syarikat berkenaan terutama dari sudut implikasi dan kesannya terhadap pihak-pihak yang terlibat dalam industri minyak dan gas tempatan sama ada sebagai sebuah syarikat ataupun individu.

Kepakaran sedia ada dalam kerajaan bagi menangani urusan-urusan minyak dan gas di negara telah sejauh ini terletak pada Unit Petroleum. Jadi tidak hairanlah bagi tenaga kerja Syarikat Petroleum Kebangsaan Brunei yang ditubuhkan itu nanti terdiri dari sejumlah besar pegawai dan kakitangan daripada Unit Petroleum. Dengan adanya hubungan rapat yang sudah lama terjalin bersama unit tersebut, saya percaya segala pengurusan di antara syarikat-syarikat usaha sama dengan syarikat petroleum kebangsaan akan terlaksana dengan lancar.

Seluruh sempurnanya penubuhan syarikat petroleum kebangsaan ini nanti, semua kepentingan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam syarikat

dalam aktiviti-aktiviti yang berunsurkan komersial seperti menjual kepentingan kerajaan selaku pemegang saham syarikat-syarikat usaha sama berkenaan, di samping berperanan sebagai sebuah agensi yang memantau syarikat-syarikat tersebut dalam melaksanakan dasar-dasar kerajaan dengan teratur.

Syarikat Petroleum Kebangsaan Brunei walaupun sebagai 'newcomer' dalam industri minyak dan gas sepatutnya tidak dilihat sebagai ancaman ataupun 'competitor' kepada syarikat-syarikat lain yang sudah bertapak di negara ini. Apa yang diharapkan sekarang ini ialah supaya semua pihak bekerjasama untuk membolehkan persefahaman dijalin dengan kuat di antara Syarikat Petroleum Kebangsaan Brunei dengan syarikat-syarikat usaha sama.

Selain dari penubuhan Syarikat Petroleum Kebangsaan Brunei, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah meluluskan penggunaan konsep Production Sharing Contract (PSC) sebagai tatacara terbaru dalam cari gali minyak dan gas di negara ini.

Penggunaan konsep PSC ini adalah dipilih bagi mencapai hasrat kerajaan untuk memantapkan dirinya melalui Syarikat Petroleum Kebangsaan Brunei dalam mentadbir sumber minyak dan gas di negara ini dengan lebih ketara lagi. Sehubungan dengan itu, pelaksanaan PSC ini akan digunakan buat pertama kalinya dalam memajukan kawasan-kawasan baru yang ditawarkan pada tahun lalu yang mana meliputi kawasan laut dalam Exclusive Economic Zone (EEZ) Negara Brunei Darussalam.

Dari apa yang saya telah nyatakan itu tadi, jelas kepada kita tahun 2002 akan merupakan tahun yang penuh dengan cabaran dan dugaan baru. Insya-Allah, dengan adanya persefahaman, setia kawan dan kerjasama di antara pegawai dan kakitangan tempatan mahupun 'expatriate' di dalam dan di antara syarikat-syarikat usaha sama serta juga dengan agensi-agensi kerajaan yang lainnya, jalan yang belum pernah dilalui ini akan dapat kita tempuhi dengan selamat sehingga mencapai kecemerlangan di dalam industri minyak dan gas dan seterusnya membawa kepada kesejahteraan dan kemakmuran negara yang sama-sama kita cintai ini.

Sebelum saya mengakhiri, saya sukacita mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan dan tahmiah di atas usaha gigih semua pegawai dan kakitangan di dalam Unit Petroleum dan juga syarikat-syarikat usaha sama pada merealisasikan matlamat syarikat dan negara pada tahun 2001. Tanpa adanya usaha dan kerjasama yang gigih di kesemua pihak itu sudah pasti kecemerlangan dan kejayaan berkenaan tidak akan dapat dicapai.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi Bersama dan Ahli-ahli Jawatankuasa Pengajaran atas usaha mereka dalam merancang dan seterusnya menayakan majlis kita pada malam ini.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamuallaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

MELIRIK MASA SILAM

(HAJI AHMAD ARSHAD MENULIS ...)

JAJAM DALAM MENGHAYATI KERJA

ADA beberapa perkara dari lirik penulis yang tidak memuaskan. Orang mahu dua perkara yang pernah timbul dalam tulisan-tulisan dahulu itu sekurang-kurangnya mengenai apakah bendanya yang menyebabkan orang dahulu itu senang mencari kerja. Inilah yang akan dijelaskan berdasarkan apa yang saya alami sendiri. Mungkin pengalaman ini tidak sama dengan pengalaman orang lain terutama di kalangan orang yang sudah berumur dan mempunyai pekerjaan mereka dengan rasa puas. Ini umpamanya, orang yang sudah sedia ada kerja kejuruan, yang bermutu tinggi dengan peralatan-peralatan yang sungguh baik sehingga menyebabkan nilai kerja mereka mempunyai mutu yang baik berbanding dengan orang-orang yang tidak tentu bahan kerja yang dilakukan atau kerja-kerja yang diupahkan orang kepada mereka itu membuatnya sehingga selesai. Kumpulan begini, kebanyakan sudah terkenal dan hasil kerja mereka diiktiraf orang pada waktu itu sebagai sungguh baik. Kebanyakan hal ini iaitu yang bermutu baik adalah memang sudah menempah nama dan dianggap yang terbaik dan boleh dipercayai. Kumpulan ini juga adalah kumpulan yang sudah nampak. Kumpulan ini masing-masing mempunyai kakitangan yang agak ramai selain dari memiliki peralatan-peralatan yang mencukupi lagi komplet. Pekerja yang diterima bekerja di sini seperti lazimnya, mestilah mengikut sistem yang sudah terpakai dan jangan cuma untuk menawarkan sistem baru walaupun lebih baik dari sistem lama. Sebabnya, operasi yang berjalan itu dilaksanakan secara tradisi. Selain daripada itu, jika ada yang berhajat untuk mengubah tradisi ini, maka hal yang demikian bukanlah senang untuk mengubah pemikiran mereka dan mengalihkan sama ada minda, pandangan dan lain-lainnya kerana amalan tradisi itu dapatlah dianggap sebagai sesuatu yang belum lagi boleh diguna, memandangkan alat-alat tradisi pertukangan bukan senang untuk diubah. Sebab, setiap yang tradisi merupakan ilmu mereka yang diwarisi turun-temurun dan tenaga kerjanya pun melibatkan agak ramai juga. Di antara yang ramai bekerja itu pula adalah terdiri dari anak-anak, para remaja yang terus digalakkan membuat kerja-kerja tersebut dengan harapan mereka itu pula akan dapat mewarisinya dan yang kemudiannya lagi akan menurunkan kepakaran itu kepada keturunan mereka. Ini bererti, mereka tetap berpegang kepada kepercayaan bahawa pewaris kepada kepandaian mereka itu diturunkan kepada generasi yang terdapat di antara sesama mereka. Dengan itu adalah jelas bahawa hampir semua keturunan mereka yang ramai itu tidak merasa bimbang untuk melakukan kerja lain apalagi kerja yang dilakukan oleh perindungan mereka itu dapat menjamin hidup keluarga masing-masing, selain terus dapat mewarisi kepandaian tangan bertukang yang juga dapat menjaga mutu pertukangan mereka yang indah dan tidak boleh ditiru oleh orang lain. Ini juga satu cara yang sungguh ketat selain dari mengawal yang orang lain tidak akan melakukan kerja-kerja pertukangan ini kecuali waris-warisan mereka sahaja. Cara yang demikian ini sekali gus sebagai jaminan yang kuat bahawa keturunan mereka akan tetap dengan kerjanya dengan jumlah pendapatan yang sungguh baik dan menjamin masa depan mereka. Perkara seperti ini berlaku kebanyakannya di kalangan tukang-tukang emas, perak, tembaga, sementara tukang-tukang besi pun demikian hampir sama caranya. Tukang-tukang besi ini akan melakukan kerja mereka untuk menghasilkan parang, candong, cangkul, pisau, pahat, mata katam surung, mata belung, membuat kikir, kapak, pisau peraut, pisau belati, mata bujak dan banyak lagi termasuk keris-keris yang bermutu tinggi dan seumpamanya. Kerja-kerja begini juga merupakan pendapatan untuk hidup mereka seharian dan pekerja-pekerjanya pula agak ramai yang juga dari waris-warisan mereka sahaja. Kalaupun ada orang di luar dari keluarga mereka, peluang akan dibukakan kepada mereka yang rajin dan jajam melakukan kerja.

Dari kerja-kerja yang disebutkan di atas itu sahaja, ganjaran yang memuaskan akan tetap menunggu pada setiap kali diadakan 'hari berkira' iaitu hari menghitung berapa banyak pendapatan yang diperolehi dan kemudiannya akan dibayar kepada pekerja-pekerja yang terlibat menurut 'performance' masing-masing. Ada juga yang melakukan cara pembayaran mengikut jumlah kerja yang dihasilkan. Ertinya siapa banyak yang menghasilkan, maka banyakkah yang akan diterimanya.

Tetapi, sekarang ini, perkara yang demikian ini tidak lagi berlaku seperti masa silam itu. Amat sedikit yang meneruskan usaha ini. Itu pun hanya di kalangan orang-orang yang sudah berumur dan pekerjaan ini pula dilakukan tidak lagi secara sepenuh masa kerana sebahagian besar dari kalangan mereka ini telah mengalihkan perhatian kepada bidang kerja lain kerana mahu mencari pendapatan yang lebih, terutama di kalangan mereka yang masih muda dan ditambah pula dengan adanya sebilangan besar dari waris-warisan mereka itu ada yang sudah berjaya mencapai pendidikan yang tinggi malah ada yang mencapai ke menara gading yang dengan sendirinya telah mengalihkan perhatian mereka dari meneruskan kerja-kerja yang disebutkan di awal tadi.

Bagaimanapun, sebenarnya kerja-kerja yang demikian itu masih berjalan tetapi dalam konteks dan konsepnya yang lain tetapi matlamatnya masih tidak jauh berbeza iaitu untuk melahirkan 'petukang-petukang' muda di bidang-bidang tersebut menerusi usaha yang sudah lama berjalan di bawah kendalian Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di Jalan Subok iaitu kelas-kelas pertukangan termasuk tenunan, membuat songkok, bertukang tembaga, perak dan lain-lain lagi. Kiranya mereka itu, selepas tamat dari pengajian, mendapat insentif galakan yang berpatutan dan membolehkan mereka berdiri sendiri untuk mengembangkan ilmu yang diperolehi mereka itu. Jika ini dapat dicapai, bukan sahaja mereka akan dapat membantu meningkatkan kecemerlangan seni tukang Brunei, meningkatkan imej negara dan bangsa yang berseni budaya dan menarik minat ramai pelancong-pelancong luar negara, bahkan isu susah mencari kerja pada masa ini akan tidak tambah membesar. Melalui peluang-peluang yang dibuka luas itu juga, bidang usaha niaga mereka akan boleh mengambil kedudukan di banyak lagi tempat di seluruh negara ini. Kegiatan begini akan memberi makna yang besar sebagai sebuah bangsa yang kaya dengan seni selain dari merasa bangga sebagai bangsa yang berbudaya tinggi dan direalisasikan melalui adunan seni, budaya dan perdagangan.

Hubungan Brunei Darussalam India terus erat

Oleh Samle HJ

BERAKAS. - Negara Brunei Darussalam akan terus berusaha mengeratkan kerjasama dengan Republik India dalam hubungan dua hala mahupun rakan kongsi melalui forum-forum serantau dan antarabangsa.

Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam

Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa telah menjelaskan perkara itu di Majlis Resepsi Hari Kebangsaan Republik India Ke-53 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa pada 26 Januari lalu.

Yang Berhormat juga melahirkan

keyakinan Negara Brunei Darussalam dan Republik India mempunyai banyak bidang yang boleh meningkatkan kerjasama yang lebih erat.

Awal dari itu, Pesuruhjaya Tinggi Republik India ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Tuan Ajai Choudhry berkata, Negara Brunei Darussalam telah memainkan peranan penting dalam mengeratkan hubungan Republik India dengan ASEAN secara keseluruhan.

Tuan Yang Terutama menambah, sebagai rakan dialog ASEAN, Republik India telah bekerjasama dengan lebih dekat dengan Negara Brunei Darussalam dan negara-negara ASEAN yang lain sambil berusaha untuk terus bekerjasama dalam mempromosikan kedamaian dan keselamatan di rantau ini.

Negara Brunei Darussalam dan Republik India telah menjalin hubungan diplomatik pada 10 Mei, 1984 di mana lawatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada tahun 1992 menjadi dorongan utama bagi hubungan dua hala di antara kedua-dua negara.

Hubungan Negara Brunei Darussalam dan Republik India terus terserlah melalui kemesraan, persahabatan dan persefahaman, di samping pertukaran lawatan di peringkat menteri.

Ketika ini kebanyakan warganegara berkenaan yang berkhidmat di sini adalah di bidang-bidang kepakaran, pendidikan dan buruh.

Kedua-dua buah negara merupakan ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Komanwel dan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM).



PENASIHAT Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa hadir selaku wakil kerajaan di Majlis Resepsi Hari Kebangsaan Republik India Ke-53. Juga hadir di majlis itu ialah Pesuruhjaya Tinggi Republik India ke negara ini, Tuan Yang Terutama Tuan Ajai Choudhry. Majlis berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Ditetapkan jawatan Ketua Pendaftar Mahkamah Besar dan Hakim Mahkamah Perantaraan

BANDAR SERI BEGAWAN. - Jabatan Perdana Menteri sukacita memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi Awang Haji Hairolami bin Haji Abdul Majid, (gambar kanan) Pemangku Ketua Pendaftar Mahkamah Besar dan Pemangku Hakim Mahkamah Perantaraan ditetapkan dalam jawatannya sebagai Ketua Pendaftar Mahkamah Besar dan Hakim Mahkamah Perantaraan.

Menurut siaran akhbar Jabatan Perdana Menteri bertarikh 31 Januari, 2002 penetapan beliau ke jawatan berkenaan bermula pada 18 Zulkaedah, 1422 bersamaan 1 Februari, 2002.



Senyum Budiman





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan watakah perantikan kepada Pesuruhjaya Kehakiman bagi Mahkamah Besar yang baru dilantik Yang Amat Arif Hakim Nicholas John Barnett. - Gambar oleh Abdullah HAD.

Pesuruhjaya Kehakiman bagi Mahkamah Besar yang baru dilantik

BANDAR SERI BEGAWAN. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan mengurniakan watakah perantikan kepada Pesuruhjaya Kehakiman bagi Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam yang baru dilantik.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengurniakan watakah perantikan kepada Yang Amat Arif Hakim Nicholas John Barnett sebagai Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam. Majlis Mengangkat Sumpah berlangsung di Istana Nurul Iman di sini pada 2 Februari lalu.

Oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA

Watakah perantikan dibacakan oleh Grand Chamberlain, Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Aliuddin.

Perlantikan Yang Amat Arif Hakim Nicholas John Barnett bermula 2 Februari lalu hingga 1 Februari, 2004.

Selepas Majlis Mengangkat Sumpah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima mengadap hakim baru itu.

Berangkat ke Majlis Mengadap tersebut Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda

Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himamah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.

Yang Amat Arif berusia 52 tahun dilahirkan di England, mempunyai latar belakang pendidikan guaman sejak tahun 1962. Beliau pernah bertugas di Hong Kong dari tahun 1969 hingga 1999.

Sebelum itu beliau pernah memegang beberapa jawatan penting di negaranya, antaranya Peguamcara, Majistret, Pembantu Pendaftaran Mahkamah Agung dan Hakim Mahkamah Tinggi.

Ahli Parlimen India diterima mengadap

Oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA

BANDAR SERI BEGAWAN. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menerima mengadap serombongan Ahli Parlimen dan Pegawai Kanan Republik India yang diketuai oleh Tuan Yang Terutama Tuan Mohammad Anwarul Haque. Majlis Mengadap berlangsung di Istana Nurul Iman di sini pada 2 Februari lalu.

Di majlis tersebut, Tuan Yang Terutama Tuan Mohammad Anwarul Haque dan rombongan disertai oleh Pesuruhjaya Tinggi Republik India ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Tuan Ajai Choudhry.

Hadir di majlis mengadap itu, Yang Berhormat Pehin

Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utami Haji Awang Isa, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri; Dato Paduka Haji Hazair, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri dan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Awang Lim Jock Seng, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Rombongan tersebut berada di negara ini bagi lawatan rasmi bertujuan mengeratkan lagi hubungan dan kerjasama yang sedia wujud di antara kedua-dua buah negara.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap serombongan Ahli Parlimen dan Pegawai Kanan Republik India yang diketuai oleh Tuan Yang Terutama Tuan Mohammad Anwarul Haque. Majlis Mengadap berlangsung di Istana Nurul Iman. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Berangkat ke Sambutan Hari Puja Usia anjuran BISTARI

JERUDONG. - Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia yang disembahkan oleh Badan Kebajikan Isteri dan Pegawai-Pegawai Wanita Kerajaan

(BISTARI) pada 3 Februari lepas.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia di Dewan Santap Kelab Polo Jerudong dijunjung oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Penganjur yang diketuai oleh Pengerusi Jawatankuasa Kerja Majlis, Datin Hajah Mai-

moonah binti Haji Omar yang juga selaku Timbalan Yang Dipertua BISTARI.

Berangkat sama ke majlis itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadilah Lubabul Bulqiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna.

Oleh Bolhassan HAB

Di majlis tersebut, Duli Yang Teramat Mulia telah berkenan memotong kek dan seterusnya berkenan mengurniakan derma \$1,000.00 yang disembahkan oleh BISTARI untuk Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam kepada Pengerusi Pengurusan pusat berkenaan, Pengiran Datin Hajah Noraini.

Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan mengurniakan hadiah-hadiah kepada para pemenang Peraduan Masakan sempena majlis itu dan seterusnya berkenan menyaksikan pelbagai jenis masakan yang dipamerkan.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan menerima junjung ziarah para hadirin. BISTARI yang ditubuhkan pada tahun 1982 merupakan sebuah persatuan wanita yang turut membabitkan diri dalam hal-ehwal kebajikan dan sosial yang dihasratkan dapat memartabatkan pelaburan wanita melalui peranannya dalam pembangunan negara.



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam ketika berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia yang disembahkan oleh BISTARI.

BERHATI-HATI TERHADAP WANG PALSU B\$500.00, B\$100.00

BANDAR SERI BEGAWAN. - Pasukan Polis Diraja Brunei mengingatkan orang ramai khususnya para peniaga gerai, bank, stesen minyak dan pекdai agar berhati-hati ketika menerima wang kertas semasa menjalankan urusan jual beli berikutan wujudnya laporan berhubung kegiatan penggunaan wang kertas palsu bernilai B\$500.00 dan B\$100.00.

"Pihak polis menyeru orang ramai dan pihak-pihak berkenaan agar melaporkan dengan segera ke balai-balai polis yang berdekatan atau menelefon terus ke talian 'Hotline 993' sekiranya mereka mempunyai maklumat mengenai kegiatan berkenaan," jelas Ketua Perhubungan Awam Polis, Penguasa Polis Awang Haji Abdul Murad bin Abdul Hadi dalam siaran akhbar pada 29 Januari, 2002.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenaan menerima junjung ziarah bakal-bakal jemaah haji Negara Brunei Darussalam yang akan menunaikan fardu haji bagi tahun 1422 Hijrah/2002 Masihi.

Menerima junjung ziarah bakal-bakal jemaah haji

Oleh Sahari Akim
Gambar-gambar
oleh Pengiran Haji
Bahar PHO, Ramli
Tengah dan Hj.
Masmaleh HMA

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenaan menerima junjung ziarah bakal-bakal jemaah haji yang akan menunaikan fardu haji ke Tanah Suci Mekah pada tahun ini. Majlis Junjung Ziarah bagi bakal-bakal jemaah haji berlangsung di Istana Nurul Iman pada 26 Januari lepas.

Berangkat sama ke majlis tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan putera baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenaan menerima mengadap dan junjung ziarah dari bakal jemaah haji lelaki.

Sementara itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenaan menerima junjung ziarah bakal-bakal jemaah haji perempuan di ruang lain Istana Nurul Iman.

Teramat Mulia Pengiran Isteri berkenaan menerima mengadap dan junjung ziarah bakal jemaah haji wanita di ruang lain Istana Nurul Iman.

Seperti juga di tahun-tahun lepas, bakal jemaah haji lelaki menerima kurnia kain ihram manakala bakal jemaah haji wanita menerima kurnia telekung.

Bakal-bakal jemaah haji juga disajikan dengan jamuan tengah hari dan menunaikan sembahyang fardu Zuhur berjemaah di Istana Nurul Iman.

Dari jumlah keseluruhan 1,331 orang bakal jemaah haji negara ini yang akan menunaikan fardu haji ke Tanah Suci Mekah bagi musim haji

1422 Hijrah/2002 Masihi, seramai 665 orang adalah jemaah lelaki dan 666 orang lagi terdiri dari jemaah wanita.

Pemergian bakal-bakal jemaah haji ke Tanah Suci sebahagiannya mengikuti Pakej Darussalam Holdings, manakala sebahagian lagi menggunakan agensi-agensi pengembaraan yang lain.

Bakal-bakal jemaah haji yang mengikuti Pakej Darussalam Holdings bertolak ke Tanah Suci dengan menggunakan empat penerbangan Penerbangan Diraja Brunei (RBA) bermula pada 29 Januari lepas.

Selain dari itu tiga lagi penerbangan menggunakan pesawat Penerbangan Diraja Brunei akan membawa bakal-

bakal jemaah haji yang menggunakan agensi-agensi pengembaraan lain.

Agensi-agensi pengembaraan terlibat terdiri Titian Travel & Tours, Travel Centre (Borneo), Tenaga Travel Agency, Seri Islamic Tours & Travel, H.T.H. Travel Agency, Travel Trade Agency dan Talwah Travel Service Sendirian Berhad.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan Urusan Haji terus memainkan peranannya bagi memastikan bakal-bakal jemaah haji negara ini cukup bersedia untuk menunaikan Rukun Islam kelima itu dengan memberikan Kursus-kursus Haji.



BAKAL-BAKAL jemaah haji lelaki dan wanita menunaikan sembahyang fardu Zuhur berjemaah di Istana Nurul Iman sebelum Majlis Junjung Ziarah (gambar atas dan bawah).



PARA bakal jemaah haji lelaki dikurniakan kain ihram, sementara jemaah wanita dikurniakan telekung oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Pelan Pelaksanaan Kempen Melawat ASEAN diberi perhatian

YOGYAKARTA. - Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Awang Haji Mohamed Taib, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam telah menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Pelancongan ASEAN (ASEAN Tourism Ministers Meeting) Kali Ke-5 dan Mesyuarat Pertama Menteri-menteri Pelancongan ASEAN dengan menteri-menteri daripada Republik Rakyat China, Korea dan Jepun yang diadakan di Yogyakarta, Republik Indonesia sempena Forum Pelancongan ASEAN 2002 (ASEAN Tourism Forum - AFT 2002) pada 24 hingga 25 Januari, 2002. Tema Forum Pelancongan ASEAN pada tahun ini ialah 'Nature Links and Cultural Corridors'.

Seperti lazimnya semasa Forum Pelancongan ASEAN, beberapa aktiviti promosi akan diadakan. Salah satu di antaranya Pameran Pelancongan (Travex) dalam mana sektor swasta terutama daripada syarikat ejen-ejen pelancongan, penerbangan dan perhotelan serta agensi-agensi kerajaan dari negara-negara ahli ASEAN dan bukan ASEAN mempamerkan produk-produk dan khidmat pelancongan masing-masing.

Pada tahun ini juga terdapat beberapa perwakilan daripada syarikat ejen-ejen pelancongan dan perhotelan dari Negara Brunei Darussalam yang menyertai forum tersebut.

Menurut kenyataan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, mesyuarat tersebut menumpukan perhatian terhadap Program dan Pelan Pelaksanaan Kempen Melawat ASEAN (Visit ASEAN Campaign) yang mana telah dilancarkan di Negara Brunei Darussalam semasa ASEAN Tourism Forum 2001, serta juga melaksanakan Pelan Tindakan Kerjasama Pelancongan ASEAN yang terkandung dalam Pelan Tindakan Hanoi (Hanoi Action Plan).

Di samping itu, mesyuarat juga membincangkan isu-isu rundingan pelancongan sektoral di bawah persetujuan Rangkaian Kerja ASEAN di dalam perkhidmatan; kesan dari tragedi 11 September kepada industri pelancongan ASEAN; pencapaian pelancongan ASEAN di tahun 2001 dan program kerja bagi tahun 2002, di samping susulan mengenai dengan "Tourism ASEAN Agreement- T-ASEAN Agreement" yang mana telah dibincangkan semasa di Persidangan Kemuncak ASEAN Ke-7 yang telah diadakan pada 5-6 November, 2001 di Negara Brunei Darussalam.

Manakala Mesyuarat Pertama Menteri-menteri Pelancongan ASEAN bersama Menteri-menteri Pelancongan Republik Rakyat China, Republik Korea dan Negara Jepun membincangkan langkah-langkah awal dalam memulakan dan seterusnya meningkatkan kerjasama dalam bidang pelancongan di antara ASEAN bersama negara-negara tersebut.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain ketika menerima kunjungan muhibah Timbalan Pengarah Agung Sekuriti Sosial Viet Nam, Tuan Nguyen Thanh Xuyen dan rombongan. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Menerima kunjungan muhibah

BERAKAS. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain telah menerima kunjungan muhibah daripada para pegawai Sekuriti Sosial Viet Nam.

Yang Berhormat yang juga selaku Lembaga Pengerusi Tabung Amanah Pekerja (TAP) telah mengalu-alukan perwakilan dari negara itu di pejabatnya di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di sini pada 28 Januari lepas.

Rombongan itu terdiri dari enam orang pegawai Sekuriti Sosial Viet Nam diketuai oleh Timbalan Pengarah Agung Sekuriti Sosial Viet Nam, Tuan Nguyen Thanh Xuyen.

Rombongan itu yang berada di negara ini bagi lawatan sambil belajar selama tiga hari juga akan menjalani penempatan di Pejabat Tabung Amanah Pekerja yang akan tertumpu kepada pengurusan kewangan dan sekuriti.

Sosial ASEAN.

Oleh Aliddin HM

Negara Brunei Darussalam merupakan salah sebuah anggota Sekuriti

Hubungan sekuriti antara kedua-dua buah negara akan dapat diperkukuhkan lagi melalui pertukaran lawatan ini.

AHLI-AHLI LEMBAGA TABUNG AMANAH PEKERJA (TAP) YANG BARU

PENGERUSI Lembaga Pengarah Tabung Amanah Pekerja telah mengumumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan bagi lantikan-lantikan Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Ahli-ahli Lembaga Tabung Amanah Pekerja bagi tempoh tahun 2002 hingga tahun 2004. Ahli-ahli lembaga baru ini dianggotai oleh:-

Pengerusi:

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Mohd. Yusof, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Timbalan Pengerusi:

Dato Paduka Haji Hazair bin Haji Abdullah, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri.

Ahli-ahli:

Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan.

Dato Paduka Awang Haji Zakaria bin Dato Paduka Haji Noordin, Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan.

Awang Haji Diris bin Haji Belaman, Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Awang Haji Ibrahim bin Haji Ismail, Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

Pengarah Urusan Agensi Pelaburan Brunei.

Awang Haji Mat Zahri bin Haji Yusof, Pesuruhjaya Buruh.

Dato Paduka Dr. Awang Haji Mat Sunny bin Haji Mohd. Hussein, wakil sektor swasta.

Pengiran Ali bin Pengiran Ahmad, Pengarah Urusan Penerbangan Diraja Brunei, wakil sektor swasta.

Ahli Ex-Officio: Awang Haji Khalid bin Haji Ghazali, selaku Pengarah Urusan.

Hukuman lebih berat kepada pesalah dadah

GADONG. - Mahkamah akan menjatuhkan hukuman lebih berat dan mandatori kepada mereka yang menyalahgunakan dadah, penagih dan pengedar di negara ini.

Hukuman tersebut akan dilaksanakan sedikit masa lagi dengan tujuan membersihkan negara dari gejala merugikan banyak pihak.

Pindaan hukuman baru dilaksanakan memandangkan hukuman yang ada sekarang masih dianggap ringan jika dibandingkan dengan hukuman yang dikenakan di negara-negara jiran di rantau ini.

"Sementara menunggu perlulusannya, Biro Kawalan Narkotik (BKN) terus mengawal dan mengawasi sempadan negara ini khususnya Teluk Brunei dan kawasan perairan yang lain dari terus digunakan untuk menyeludup dadah yang menjadi musuh utama negara dan bangsa," kata Pengarah BKN, Awang

Oleh Abdullah Asgar

Haji Momin bin Haji Shawal semasa mengadakan Sidang Media pada 24 Januari lepas.

Beliau juga menyatakan, tangkapan terutamanya jenis dadah sintatik seperti Methyamphetamine (syabu) terus membimbangkan.

Katanya, walaupun tahun lalu tangkapan hanya 546 orang berbanding tahun sebelumnya yang mencapai 672 orang namun jumlah kes yang melibatkan dadah syabu melebihi 90 peratus iaitu 489 kes.

"Apa yang menyedihkan ialah majoriti kes tangkapan yang dibuat melibatkan anak-anak tempatan dan penduduk tetap dan ada di kalangan mereka ini yang berumur di bawah 13 tahun yang dijadikan pengedar oleh

orang yang tidak bertanggungjawab," jelasnya.

Sementara pada tahun lalu mereka yang terlibat itu katanya terdiri dari mereka yang berkhidmat dengan sektor awam seramai 60 orang dan bilangan mereka dari sektor swasta ialah seramai 48 orang tahun lalu.

Pada tahun yang sama apabila tangkapan dibuat lebih 96 orang berumur 31 tahun ke atas dan bilangan mereka itu telah ditangkap beberapa kali serta terdiri di kalangan mereka adalah penganggu.

Tambahnya, bagi mengatasi kekurangan pegawai dan kakitangan di BKN yang ada sekarang dan melicinkan tugas mereka satu peruntukan tambahan pegawai-pegawai seramai 50 orang telah diluluskan oleh pihak atasan.

Lanya bagi memperkatakan lagi usaha BKN untuk menangkap pesalah-

pesalah dadah di negara ini yang sering mempelbagai-kannya taktik mereka dari tertangkap dan didakwa, tambahna.

Sehubungan dengan itu beliau menyeru orang ramai dan setiap anggota masyarakat di negara ini supaya tampil ke hadapan memberi sebarang maklumat kepada pihaknya supaya mereka senang membuat serbuan dan menangkap mereka yang bersalah.

Jelasnya, lagi perancangan bermula dari tahun 2002 hingga 2004 adalah dengan meminda undang-undang ke atas penderaan dadah jenis syabu mempertingkatkan lagi keberkesanan kawalan di Daerah Tutong dan Temburong serta kawalan di kawasan perairan dan memberkesakan penggunaan sistem komputer yang ada sekarang.

Walau bagaimanapun jelas beliau, tiada makmal



PENGARAH Biro Kawalan Narkotik (BKN), Awang Haji Momin bin Haji Shawal menjelaskan, tangkapan pesalah dadah sintatik seperti Methyamphetamine (syabu) terus membimbangkan.

pernah diserbu di negara ini untuk menghasilkan dadah syabu tetapi pihaknya percaya bahawa ianya (syabu) ada dihasilkan di Manila, Taiwan dan Tanah Besar China secara rahsia dan diseludup masuk ke negara ini dengan apa jua cara pun.

LAGU 'Bangau oh bangau' salah sebuah nyanyian yang popular dalam era 60-an dahulu. Lagu itu menceritakan kisah seekor bangau yang kurus kerana tidak dapat memakan ikan disebabkan rumput yang panjang ikan tidak mahu timbul. Rumput pula menyalahkan kerbau tidak memakannya sehingga ia menjadi panjang. Kerbau juga pandai membuat alasan dengan mengatakan ia tidak dapat memakan rumput kerana perutnya sakit akibat memakan beras mentah. Beras pula tidak mahu dipersalahkan sebaliknya dia juga menyalahkan pihak lain. Begitulah seterusnya lagu itu menceritakan watak yang tidak habis-habisnya menyalahkan pihak lain atau tuduh-menuduh. Walaupun lagu lama dan sesuai untuk hiburan kanak-kanak, tetapi mesej dan pengajaran yang dibawanya masih boleh di 'apply' dengan kehidupan kita di era moden dan serba canggih ini.

Mengenangkan lagu tersebut teringat pula kepada masalah pembuangan sampah di negara ini yang nampaknya sehingga kini belum menemui jalan penyelesaian yang bukan sahaja dapat diterima oleh semua pihak, malah juga dapat menutup kealihan kita, masyarakat dan negara. Tidak juga dinafikan di setengah-setengah kawasan memang boleh dipuji kebersihannya atas kesedaran dan keprihatinan penduduknya dengan sikap penuh tanggungjawab masing-masing.

Kerajaan memang mempunyai agensi-agensinya yang telah diper-tanggungjawabkan untuk menangani masalah berkenaan dan memang tidak dapat dinafikan usaha-usaha telah dibuat. Masalah pembuangan sampah bukan sahaja kerana di kawasan bandar malah juga di kampung-kampung terutamanya di kawasan-kawasan perumahan. Pada mulanya kerajaan telah menyediakan tong-tong sampah yang besar atau tempat-tempat khas di kawasan-kawasan tertentu untuk memudahkan orang ramai membuang sampah sarap mereka itu. Biasanya tong-tong sampah itu ditempatkan di tepi-tepi jalan dengan harapan

Kan Halnya ...

menjadikan lagi orang ramai membuang sampah di tempat-tempat yang disediakan itu. Memang benar, semakin diberi kemudahan ada lagi yang suka memperluaskannya, betapa tidak, humber sabaja sampah dari kereta, sama ada masuk ke tong atau tidak, itu tidak penting asalkan sahaja sampai ke tempat tersebut. Kan halnya jua tong-tong sampah itu biasanya penuh dan melimpah ruah sehingga kadang-kadang menjadikan timbunan sampah sarap sebelum kereta pengangkut sampah datang. Ini mungkin berlaku berpunca dari kekerapan pengambilan sampah-sampah tersebut sedangkan sampah sarap sentiasa datang mencurah-curah. Timbul pula keadaan yang menjijikkan ditambah lagi dengan bau yang tidak menyenangkan tetapi cukup membahagiakan anjing, tikus, lalat dan lain-lain lagi yang membubukkan lagi keadaan serta menjadi sarang atau pembiakan penyakit.

Akhirnya sibuuklah orang berkata tentang masalah alam sekitar, masalah kesihatan dan itu ini yang sekadar menjadi permainan mulut. Ada yang menyalahkan kelemahan pengangkutan sampah-sampah tersebut sehingga ia berlonggok dan bahkan ada yang menubukit. Di akhir-akhir ini sistem pembuangan sampah di rumah-rumah, premis-premis dan tempat-tempat perniagaan diperkenalkan yang dikendalikan oleh pihak swasta dengan dikenakan bayaran tertentu. Sistem ini kurang mendapat sambutan, ramai yang beralasan tidak mampu dengan kadar bayaran yang dianggap mahal. Kemudian pihak kerajaan telah berusaha menurunkan kadar tersebut, namun masih ada juga yang enggan menerimanya. Akibatnya sikap membuang sampah secara liar terus berulang sehingga ada kawasan perumahan, tempat-tempat perni-

agaan dan di tepi-tepi jalan dilambaki oleh sampah sarap.

Kan halnya apa sudah jadi dengan penguatkuasaan undang-undang atau peraturan mengenainya. Apa halnya dengan Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan banyak lagi yang patut turun tangan. Memang patut diucapkan syabas kepada pihak-pihak yang ada inisiatif mengadakan kempen-kempen kebersihan, kerja-kerja gotong-royong atau memucung-mucung. Malangnya kempen-kempen seumpama itu juga tidak memadai kerana terlalu jarang diadakan. Ada pula pihak yang mempersoalkan adakah patut pihak-pihak yang berkenaan itu dilibatkan sedangkan bukan mereka punya angkara, tidakkah boleh dibuat satu sistem yang lebih kemas dan teratur serta terantau dengan rapi sehingga semua pihak boleh akur atau rela dalam paksa sekalipun asalkan kebersihan terpelihara dengan sempurna kerana kesihatan adalah jaminan kehidupan kita.

Kebanyakan negara luar mempunyai sistem pembuangan sampah yang berkesan dan sempurna tanpa perlu menimbulkan sikap bangau oh bangau. Di setengah-setengah negara telah membuat peraturan setiap permohonan untuk membina rumah, bangunan atau premis-premis tertentu akan ditentukan bersamanya dengan peraturan-peraturan pembuangan sampah, saluran najis, pembekalan elektrik, pembekalan air dan lain-lain lagi. Mereka tidak akan dibenarkan menduduki rumah, bangunan atau premis mereka itu kecuali bayaran yang dikenakan untuk perkhidmatan-perkhidmatan yang disebutkan itu ditunaikan terlebih dahulu. Pemantauan terhadap pihak-pihak yang menjalankan perkhidmatan-perkhidmatan itu juga dijalankan secara lebih tegas berasaskan kepada peraturan yang sewajarnya dipatuhi. Dengan yang demikian bangau, rumput, ikan, kerbau dan lain-lain seperti dalam lagu bangau oh bangau tidak berpeluang memding jari menyalahkan mana-mana pihak.

Dua konsortium ditawarkan kontrak Eksplorasi Petroleum Laut Dalam

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR) JABATAN PERTANIAN KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

Bil.	PERKHIDMATAN	TPOR
1.	Pengesahan ke atas 'Term of Reference' projek, atau garis pandu-garis pandu am untuk projek	4 minggu
2.	Pengesahan ke atas 'design brief' atau ringkasan reka bentuk	4-8 minggu
3.	Pengesahan ke atas 'preliminary design' atau reka bentuk di peringkat awal	12-24 minggu (bergantung kepada kerumitan atau kemudahan reka bentuk)
4.	Pengesahan ke atas 'master plan' atau pelan induk	4 minggu
5.	Menyiapkan 'detailed design' atau reka bentuk yang terperinci yang akan melibatkan reka bentuk arkitek binaan dalam kejuruteraan struktur, mekanikal, elektrik, jalan raya, saliran, bekalan air, pembebasan dan lain-lain keperluan penggunaan bangunan dan infrastruktur	8-24 minggu (bergantung kepada kerumitan atau kemudahan reka bentuk)

JALAN MENTERI BESAR. - Syarikat Petroleum Kebangsaan Brunei Sendirian Berhad, PetroleumBRUNEI dalam perkembangan terbaru memaklumkan bahawa ke arah usaha-usaha membuka kawasan-kawasan baru bagi eksplorasi petroleum dan penelitian ke atas tawaran-tawaran telah pun selesai dilaksanakan.

Hasil penelitian tersebut tawaran-tawaran daripada dua konsortium yang mengandungi enam buah syarikat cari gali telah pun diterima oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di dua kawasan laut dalam negara ini.

Konsortium pertama Shell Exploration Company B.V., Mitsubishi Corporation (MC) dan Conoco Brunei Limited ditawarkan kontrak untuk membuat pemerolehan di kawasan Laut Dalam Blok K.

Sementara itu, konsortium kedua yang disertai oleh Total Oil and Gas Exploration VII B.V (anak syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh TotalFinaElf), BHP Billiton Petroleum Great Britain

Oleh Bolhassan HAB

Limited (BHP) dan Amerada Hess Overseas Limited (AHOL) akan menerokai kawasan Laut Dalam Blok J.

Perkara itu diumumkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif PetroleumBRUNEI, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Alimin bin Haji Abdul Wahab dalam sidang akhbar yang berlangsung di Bilik Persidangan Padang Berawa, Unit Petroleum di Bangunan Bahirah di sini 29 Januari, lepas.

"Rundingan akan dijalankan dengan konsortium-konsortium yang terpilih ke arah penyediaan dan seterusnya penandatanganan perjanjian Production Sharing Contract di antara ahli-ahli di dalam konsortium-konsortium berkenaan dengan Syarikat Petroleum Kebangsaan Brunei Sendirian Berhad," jelas Dato Paduka.

Ke arah merencana rancangan kerja jangka masa pendeknya, objektif-objek-

tif utama PetroleumBRUNEI antaranya adalah penumpuan kepada pasaran dalam negeri dan mengenal pasti serta meneliti peluang pelaburan dalam masa pendek.

Di samping itu ia juga untuk memajukan 'data base' industri petroleum tempatan dan meningkatkan keupayaan 'in house' dari segi sumber tenaga manusia dan teknologi dengan mengenal pasti keupayaan-keupayaan yang ada dan keperluan meningkatkan (upgrade) dan menambah baik (improved) serta mendapatkan (acquired) keupayaan-keupayaan baru dan tambahan.

Berasaskan objektif-objektif yang digariskan, jelas penubuhan Syarikat Petroleum Kebangsaan Brunei Sendirian Berhad merupakan langkah bijak dan menjadi nilai tambah kepada pelbagai projek yang sedia ada dalam usaha meningkatkan kemakmuran dan kese-



KETUA Pegawai Eksekutif PetroleumBRUNEI, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Alimin menjelaskan dua konsortium yang mengandungi enam buah syarikat cari gali telah pun diterima oleh kerajaan bagi membuka kawasan baru di laut dalam negara ini. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi.

jahteraan negara.

PetroleumBRUNEI seterusnya memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga memperkenankan bahawa dengan berfungsinya Lembaga Pengarah Syarikat Petroleum Kebangsaan Brunei Sendirian Berhad maka langkah-langkah akan diambil ke arah pembubaran Lembaga Minyak dan Gas Brunei.

Sehubungan itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga memperkenankan agar Unit Petroleum, Jabatan Perdana Menteri mengambil langkah yang perlu ke arah pembubaran jabatan berkenaan dan seterusnya bagi para pegawai dan kakitangan Unit Petroleum dipindahkan ke PetroleumBRUNEI.

Ristaan ...



PEMANDANGAN sebahagian Kampong Ayer dan Bandar Brunei (sekarang Bandar Seri Begawan) sekitar akhir tahun 1950-an yang diabadikan menara Masjid Omar Ali Saifuddin (gambar kiri). Kawasan Kampong Sultan Lama yang musnah akibat kebakaran besar telah ditebusguna menjadi tapak Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanali Bolkiah (gambar kanan). Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menyempurnakan upacara mendirikan tiang kompleks yayasan itu pada 7 Oktober, 1993.



BAGINDA ketika berkenan mengurniakan geran tanah kepada seorang penerima (atas). Sementara gambar kanan, kanak-kanak istimewa juga tidak dilupakan sempena keberangkatan baginda ke Rumah Sakit Pengiran Isteri Hajah Mariam.



SEMBAH TAKLIMAT ... Taklimat mengenai peralatan memasak api disebarkan oleh seorang pegawai dari Ibu Pejabat Balai Bomba Pekan Bangar (atas).

SEORANG Pegawai Bank Islam Brunei Berhad (IBB) Cawangan Temburong menyampaikan taklimat ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia (kanan).



196 TE TANAI PERUN SKIM PERUN

PEKAN BANGAR. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Sultan Pengiran Sultan Hassanal Bolkiah, Penganugerahan Geran-geran 196 Rancangan Perumahan Negara, Perumahan Yayasan Sultan Haji.

Di majlis penganugerahan kunci rumah Rancangan Perumahan IV dan V peringkat keempat dan Skim Bantuan Perumahan YSHB.



AWANG Mohd. Salleh bin Api, seorang penerima ketika menjunjung kurnia anak kunci Skim Bantuan Perumahan YSHB daripada baginda.



Liputan
Haji Ahat Haji
Ismail dan
Sahari Akim
Gambar-gambar
oleh
Haji Haranadi HB,
Halim HS dan
Abdullah HAD

PARA peniaga gerai berdekatan Kedai Syarikat Koperasi Kampong Amo juga tidak ketinggalan baginda lawati (kanan). Sementara gambar kiri, ahli-ahli Jawatankuasa Pengurusan Syarikat Koperasi Kampong Amo menyampaikan taklimat ke hadapan majlis baginda, mengenai kemajuan syarikat tersebut. Sementara gambar kanan, baginda melihat dengan teliti hasil kraf tangan masyarakat Murut yang dipamerkan.



MA GERAN KUNCI HAN DAN NTUAN HAN YSHHB

Mula Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Pengurniaan Anak-anak Kunci Rumah (TOL), Pengurniaan Anak-anak Kunci Rumah dan Pengurniaan Anak-anak Kunci TOL Skim Bantuan Perumahan YSHHB di Daerah Temburong.

menerima geran tanah TOL, seramai 120 orang menerima anak kunci rumah bagi pegawai dan kakitangan kerajaan Bahagian III, dan dua orang menerima anak-anak kunci rumah

itu, keberangkatan baginda itu ialah ke Syarikat Koperasi Kampong Amo dan Dewan Persatuan Lun Bawang serta rumah-rumah Awang Metussin bin Budin, penerima geran tanah dan Dayang Mahadiyah binti Sawal, penerima Skim Bantuan Perumahan YSHHB di Kampong Selangan.

tanah, skim rancangan skim perumahan dan sebahagian daripada Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan meningkatkan taraf rakyat dan pen-

menganugerahkan dan kunci rumah dan Negara dan Skim YSHHB, baginda ke bangunan Rumah dan Hajah Mariam dan Kampong Menengah, Haji Awang Besar.

Dari rumah Ketua Kampong Menengah, baginda berangkat melawat ke rumah Dayang Hajah Tangang binti Tasim, penerima geran tanah dan rumah Awang Mohd. Salleh bin Api, penerima Skim Bantuan Perumahan YSHHB.

Selepas itu baginda melawat Ibu Pejabat Bomba Pekan Bangar, Pejabat Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan dan Bangunan Bumiputera Pekan Bangar.

Baginda seterusnya melawat ke rumah-rumah Dayang Rokiah binti Yahya dan Dayang Norkamariah binti Abdullah, penerima Skim Bantuan Perumahan YSHHB di Kampong Sibutu.

Juga termasuk dalam lawatan keberangkatan baginda itu ialah ke Syarikat Koperasi Kampong Amo dan Dewan Persatuan Lun Bawang serta rumah-rumah Awang Metussin bin Budin, penerima geran tanah dan Dayang Mahadiyah binti Sawal, penerima Skim Bantuan Perumahan YSHHB di Kampong Selangan.

Keberangkatan lawatan baginda itu diakhiri dengan berangkat melawat ke rumah Awang Haji Tamin bin Dau, penerima geran tanah di Kampong Sibutu dan ke rumah-rumah Awang Jaludin bin Tuah, Awang Ahad bin Tamin dan Awang Hassim bin Basar, penerima Skim Rancangan Perumahan Negara Kampong Rataie.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan berangkat ke Majlis Pengurniaan Geran-geran Tanah Lesen Tumpang Sementara (TOL), Pengurniaan Anak-anak Kunci Rumah Rancangan Perumahan Negara Kampong Rataie dan Pengurniaan Anak-anak Kunci Rumah Skim Bantuan Perumahan YSHHB di Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar.



MAJLIS Pengislaman Awang Arman bin Zulkifli, anak kepada Dayang Rokiah binti Yahya (penerima Skim Bantuan Perumahan YSHHB) berlangsung di hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia (atas).

BAGINDA berbual mesra bersama keluarga Awang Jaluddin bin Tuah, seorang penerima anak kunci rumah Skim Rancangan Perumahan Negara (kiri).

SEORANG penerima beserta keluarga tidak melepaskan peluang untuk merakamkan gambar kenangan bersama baginda (bawah).



KASIH sayang dan taat setia kepada raja serta negara tersemal sejak kecil lagi. Gambar atas, jelas diperlihatkan oleh seorang kanak-kanak perempuan yang sama-sama menjunjung keberangkatan baginda ke rumah Ketua Kampong Menengah.



Lebih banyak klinik pakar ditubuhkan

BERAKAS. - Menteri Pendidikan yang juga Pemangku Sementara Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz berharap agar lebih banyak klinik kepakaran dan perkhidmatan ditubuhkan dalam memperbaiki diagnosis perinatal dan klinik-klinik kumpulan bagi pesakit berisiko tinggi.

Yang Berhormat menjelaskan perkara itu di Majlis Perasmian Simposium Perinatal Kebangsaan Kali Pertama bagi Negara Brunei Darussalam di Universiti Brunei Darussalam, 20 Januari lepas.

Yang Berhormat juga berharap agar kementerian berkenaan akan terus mengemaskinikan diagnosis rawatan semasa bagi para pesakit.

Katanya, Kementerian Kesihatan akan terus memberikan rawatan kepada ibu mengandung

Oleh Samle Haji Jait

sebelum dan selepas melahirkan anak damit serta menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan yang mencukupi bagi wanita dan kanak-kanak.

Statistik kelahiran lebih sepuluh tahun lalu telah menunjukkan penurunan 22.1 peratus kelahiran anak damit yang hidup bagi setiap seribu penduduk, manakala kadar kematian anak damit juga menurun kepada 5.9 peratus bagi setiap seribu kelahiran pada tahun pertama hayatnya.

Kematian neonatal pula menurun kepada 3.4 peratus bagi setiap seribu kelahiran bagi bulan pertama kelahiran, sementara kadar kematian perinatal turun kepada 8.8 peratus bagi 1,000 kelahiran.

Simposium Perinatal Kebangsaan yang pertama bagi Negara Brunei Darussalam mengenai Perinatal dianjurkan oleh Kementerian Kesihatan dan Universiti Brunei Darussalam disertai oleh pekerja-pekerja kesihatan yang berkecimpung dalam bidang perubatan perinatal.

Perubatan perinatal adalah bidang yang meliputi penjagaan kesihatan ibu-ibu mengandung dan anak damit dalam kandungan sebelum dan sewaktu melahirkan.

Simposium bertujuan bagi memberikan maklumat mengenai isu-isu semasa dan kontroversi dalam bidang kesihatan-kesihatan ibu-ibu dan kanak-kanak, di samping memberikan masa bagi projek-projek penyelidikan tempatan untuk disampaikan dan dibincangkan.

Ia juga diharap akan memberikan dorongan kepada pekerja-pekerja kesihatan tempatan

untuk menjalin kerjasama luar dari fungsi perkhidmatan biasa, supaya dengan itu mereka akan melihat secara praktikal dalam memperingkatkan penjagaan semasa bersalin kepada rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam.

Simposium yang dikendalikan buat pertama kalinya di negara ini bertepatan 'Pengurusan Kelahiran Anak Damit Pramasa' merupakan salah satu tugas bagi Pakar Obstetrik dan Pakar Neonatal bagi membantu dari segi mengelakkan kelahiran-kelahiran pramasa serta menjaga anak damit lahir pramasa.

Sepanjang simposium, para peserta berpeluang mendengar ceramah dari sebelas orang penceramah termasuk dua penceramah khas yang diundang dari United Kingdom dan Australia.



PENGARAH Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam ketika berucap melancarkan Seminar Pembantu Makmal Sekolah-Sekolah Menengah Seluruh Negara. Majlis berlangsung di Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal pada 28 Januari lepas. - Gambar oleh Masri Osman.

Rebut peluang belajar yang disediakan k'jaan

BERAKAS, 30 Januari. - Para penuntut diingatkan supaya tidak mensesia-siakan peluang keemasan yang disediakan oleh kerajaan selain menanamkan azam untuk memberikan sumbangan kepada bangsa dan negara apabila menamatkan pengajian nanti.

Perkara itu dinyatakan oleh Pengarah Penerangan, Abd. Ghani Pg. Hj. Metusin di Majlis Ramah Mesra bersama 31 orang penuntut dan empat orang guru pengawas Sekolah Menengah Perdana Wazir, Kuala Belait yang diadakan di Jabatan Penerangan di sini.

Di samping itu jelasnya, para penuntut juga perlu peka dan menghargai usaha-usaha serta peranan kerajaan ke arah memajukan pendidikan rakyat dan penduduk negara ini.

Menurut beliau lagi, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengeluarkan perbelanjaan yang begitu besar se-

Oleh
Haji Ahmad HS

tiap tahun untuk pendidikan rakyat.

Ini ujanja, termasuklah menyediakan prasarana untuk kemudahan pembelajaran dan pendidikan, penyediaan buku-buku teks, rujukan, peralatan mengajar dan mendatangkan tenaga pengajar.

Pengarah Penerangan juga menyentuh mengenai hubungan antarabangsa, di mana Negara Brunei Darussalam telah berjaya menjalin hubungan diplomatik dengan lebih 100 buah negara di dunia.

Kejayaan ini tegasnya, adalah kebijaksanaan di bawah pimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

"Kejayaan itu menunjukkan keyakinan dan kepercayaan negara-negara luar terhadap kepimpinan

negara ini dan kepercayaan kita dalam memainkan peranan di arena antarabangsa," katanya.

Selain itu tegasnya, negara kita juga berpotensi sebagai destinasi ekonomi dan perdagangan serta mempunyai daya tarikan sendiri. Kekayaan sumber bumi yang dimiliki belum tentu bermakna sekiranya negara tidak mempunyai hubungan perdagangan dan kerjasama dengan negara-negara luar terutamanya dalam memasarkan produk kita.

Oleh yang demikian katanya, hubungan berbaik-baik itu akan ditingkatkan dari masa ke semasa supaya ia dapat berkembang kepada pelbagai kerjasama yang boleh menguntungkan kedua-dua belah pihak.

Terdahulu dari itu, para penuntut telah diberikan taklimat berhubung struktur Jabatan Penerangan oleh Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait, Awang Janai bin Lampoh.

Selepas Majlis Ramah Mesra, para pelawat juga

dibawa melawat ke Bahagian Fotografi dan Bahagian Akhbar (cawangan) di Jabatan Percetakan Kerajaan) bagi melihat lebih dekat akan peranan serta tugas yang dijalankan oleh bahagian-bahagian tersebut.



PENGARAH Penerangan, Abd. Ghani Pg. Hj. Metusin dan pegawai-pegawai dari Jabatan Penerangan bergambar ramai bersama rombongan guru dan penuntut dari Sekolah Menengah Perdana Wazir, Kuala Belait yang membuat lawatan sambil belajar ke Jabatan Penerangan. - Gambar oleh Hamidi HM.

Pengetahuan, kelulusan perlu diadun dengan sikap positif

JALAN MUARA. -

Pengarah Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan, Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam berkata, pengetahuan dan kelulusan sahaja tidak mencukupi jika tidak diadun dengan sikap positif terhadap kerajaan.

Di samping itu katanya, setiap peserta perlu mempunyai komitmen dan kesedaran serta kejujuran dalam melaksanakan dan mengamalkan ilmu pengetahuan yang dipelajari dalam menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan.

Oleh Haji Ahmad HS

"Sikap positif terhadap pekerjaan yang dimaksudkan itu termasuklah menghargai masa, patuh kepada peraturan, sentiasa bekerjasama dan berusaha untuk memajukan diri dengan menambah pengetahuan dan kemahiran dari masa ke semasa," jelasnya di Majlis Pelancaran Seminar Pembantu Makmal Sekolah-sekolah Menengah Seluruh Negara berlangsung pada 28 Januari lepas di Maktab Teknik

Sultan Saiful Rijal di sini.

Beliau seterusnya menekankan bahawa pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi melalui seminar akan dapat dijadikan panduan untuk bertindak sebagai ejen perubahan dalam meningkatkan lagi perkhidmatan demi menjaga imej dan kredibiliti profesion Pembantu Makmal.

Pengarah Sekolah-Sekolah terdahulu menyatakan mengenai aspek keselamatan, di mana setiap Pembantu Makmal disyorkan memakai pakaian keselamatan lab coat dan kaca mata keselamatan kerana ia lebih sesuai dan bertepatan dengan tugas yang dipertanggungjawabkan dalam menyediakan dan menyimpan bahan-bahan kimia dan juga peralatan sains.

Seramai 21 orang peserta mewakili sekolah-sekolah menengah seluruh negara menghadiri seminar selamat empat hari, anjuran Jabatan Sains, Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal, bertujuan untuk meningkatkan pendedahan, meningkatkan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan oleh Pembantu Makmal.

Rencana ...

PARA pengusaha tamu hujung minggu di Pusat Urusniaga Hortikultur Rimba mengalu-alukan langkah Jabatan Pertanian, Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama mengadakan tamu berkenaan setiap hari Sabtu dan Ahad dari 7.00 pagi hingga 6.00 petang.

Menurut Dayang Hajah Malu binti Haji Drahman, 55 tahun, melalui tamu berkenaan beliau dapat memperluaskan lagi bidang perniagaannya yang sebelum ini berpusat di tapak kekal yang juga terletak bersebelahan tapak berkenaan selain aktiviti di kawasan letak kereta Pasar Gadong setiap hari Jumaat dan Ahad sebelah pagi.

Beliau yang berasal dari Kampong Mulaud mula melibatkan diri dalam bidang penjualan bunga-bunga, baja tanaman dan pasu sejak tahun 1986 berkata, sambutan orang ramai terhadap tamu hujung minggu di Pusat Urusniaga Hortikultur itu adalah menggalakkan.

"Saya bersyukur kerana diberi peluang berniaga di kawasan ini yang persekitarannya juga memuaskan. Pendapatan dalam sehari sekitar \$50.00," jelas beliau.

Bagi Awang Haji Mohd Saad bin Taib, 57, yang mengusahakan gerai sayur-sayuran, sambutan orang ramai adalah berkala misalnya pada hari Sabtu tidak ramai pengunjung berbanding hari Ahad.

Beliau berpendapat, sambutan yang kurang menggalakkan setakat ini mungkin disebabkan aktiviti itu baru sahaja bermula dan kurang publisiti dari pihak media. Sehubungan itu, beliau menyarankan agar pihak media sama ada media cetak mahupun media elektronik seperti akhbar dan televisyen akan dapat dari masa ke semasa memberitakan aktiviti berkenaan untuk pengetahuan masyarakat.

"Publisiti mestilah meluas agar orang ramai mengetahui tamu hujung minggu ini. Contohnya melalui Rancangan Rampai Pagi di televisyen dan radio," ujar beliau yang sebelum ini bertugas dalam perkhidmatan bomba. Beliau kini adalah Pengurus Syarikat Aisah Ahmad dan Anak-Anak (SADA).

Menurut Awang Haji Mohd. Saad selain aktiviti di tamu hujung minggu itu, syarikat beliau juga menjalankan perniagaan sayur-sayuran setiap hari di Pasar Borong Kilanas. Sayur-sayuran yang dipasarkan di kedua-dua tempat itu merupakan hasil kebun sayur syarikat beliau seluas lima ekar di Sungai Tajau, Wasan.

Selain itu, jelas beliau, beliau dan keluarga juga menanam sayur-sayuran di sekitar kawasan rumah beliau di Kampong Sungai Kelugos.

Selain penjualan bunga-bunga, pokok buah-buahan dan sayuran, para

Rencana dan gambar-gambar oleh
Abd. Karim Haji Abu Bakar

Tamu Hujung Minggu : Sambutan para pengguna menggalakkan

pengusaha juga menjual buah-buahan tempatan seperti cempedak, durian, nangka dan pisang.

Seorang lagi peniaga wanita, Dayang Misami binti Parali, 48 tahun yang berasal dari Kampong Kapok, berkongsi pendapat dengan Dayang Hajah Malu. Menurut beliau, pembukaan tamu hujung minggu di pusat itu memberi peluang yang lebih luas bagi beliau mengembangkan bidang perniagaan.

Selain memulakan perniagaan buah-buahan tempatan di pusat itu, beliau juga menjual produk yang sama di sebelah malam di pasar malam kawasan letak kereta Pasar Gadong sejak dua tahun lalu.

Menurut beliau, walaupun perniagaan di pusat itu masih kurang sambutan berbanding aktiviti di pasar malam kawasan letak kereta Pasar Gadong, beliau yakin bilangan itu akan meningkat.

Memandangkan sambutan para peniaga bagi menjalankan urusan niaga di tamu hujung minggu itu amat menggalakkan khususnya di bahagian buah-buahan, beliau menyarankan pihak berkenaan menetapkan petak jualan bagi setiap penjual.

Menurut Dayang Misami, ketika ini penentuan tempat penjualan adalah berdasarkan orang yang awal datang, dialah yang menentukan kawasan mana dia akan meletakkan barang jualan. Ertinya jika seseorang peniaga terlewat datang, tempat penjualan barang sebelum ini, lazimnya akan diambil alih oleh peniaga lain.

Seorang pengusaha di bidang tanaman hiasan, Pengiran Rohaizad bin Pengiran Haji Mohiddin, 40 tahun, pengurus Syarikat Izzad Green Floriculture & Landscaping Services, berpendapat

langkah Jabatan Pertanian, Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama mengadakan tamu hujung minggu itu suatu langkah yang baik bagi menggalakkan para pengusaha menjual produk masing-masing, selain memberi kemudahan untuk orang ramai berkunjung ke tamu berkenaan.

"Sambutan para pengusaha bagi menjalankan aktiviti perniagaan dalam bidang tanaman hiasan di tamu hujung minggu ini sebenarnya menerima sambutan yang menggalakkan. Mungkin tidak mustahil di masa akan datang, kawasan

untuk penjualan produk ini akan diluaskan," ujar beliau.

Beliau berpendapat, industri tanaman hiasan semakin mendapat sambutan di negara ini khususnya dengan semakin meningkatnya kesedaran orang ramai bagi mengindahkan persekitaran rumah mereka, terutama di kawasan skim perumahan negara.

Sejak tamu hujung minggu itu diadakan, para pengunjung ke kawasan penjualan produk tanaman hiasan adalah menggalakkan sama ada di sebelah pagi atau petang.



SEBAHAGIAN pokok bunga dan buah-buahan yang dipasarkan di tamu hujung minggu Pusat Urusniaga Hortikultur, Rimba.



PENGIRAN Rohaizad bin Pengiran Haji Mohiddin, Pengurus Syarikat Izzad Healthy Green Floriculture & Landscaping Services.



DAYANG Hajah Malu binti Haji Drahman.

Di samping pelbagai produk berkenaan, produk seperti daging ayam, ikan udang dan telur juga dijual di tamu berkenaan. Menurut Iswah Yudi, 21 tahun, seorang pekerja Syarikat Saibah Salam & Anak-Anak, di sebelah pagi para pengunjung biasanya ramai sekitar jam 10.00 hingga 11.00 pagi. Manakala di sebelah petang sekitar jam 3.30 hingga 5.00 petang.


"Sambutan orang ramai setakat ini alhamdulillah adalah menggalakkan. Daging ayam yang dijual adalah ayam peliharaan syarikat ini sendiri di ladang di Kampong Kulapis. Perniagaan kami bermula dari jam 8.00 pagi

hingga 6.00 petang," jelas beliau.

Sesungguhnya kewujudan tamu hujung minggu itu akan dapat merealisasikan hasrat dan matlamat Jabatan Pertanian, Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama yang antara lain bagi memberi peluang kepada para pengusaha ladang memasarkan secara runcit pelbagai hasil pertanian tempatan yang segar, di samping menjadi saluran komoditi pertanian yang sistematik dan terkawal dan membuka peluang pasaran secara langsung kepada perusahaan kecil dan sederhana di bidang pertanian.



AWANG Haji Mohd. Saad bin Taib (dua dari kiri) di gerai sayuran milik syarikat beliau.



DAYANG Misami binti Parali yang mengusahakan penjualan buah-buahan tempatan.



PETAK jualan Syarikat Saibah Salam & Anak-Anak yang membekalkan daging ayam.



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan menerima junjung ziarah isteri-isteri para pembesar negara sejurus tiba di Kelab Polo Jerudong (atas). Sementara gambar kanan, Duli Yang Teramat Mulia berkenan memotong kek yang disembahkan ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia oleh isteri-isteri para pembesar negara.



Majlis Doa Kesyukuran

Gambar-gambar oleh
Ramlil Tengah dan Masri Osman

JERUDONG. - Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam telah berkenan berangkat ke Majlis Doa Kesyukuran sempena ulang tahun puja usia Duli Yang Teramat Mulia yang dipersembahkan oleh kumpulan isteri-isteri menteri-menteri kabinet, timbalan-timbalan menteri, Setiausaha Sulit Laila Rahsia Kebawah Duli Yang Maha Mulia, setiausaha-setiausaha tetap, timbalan-timbalan setiausaha tetap dan ahli-ahli bersekutu.

Majlis tersebut diadakan pada 31 Januari lalu di Kelab Polo Jerudong.

Berangkat sama Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzillah Lubabul Bulqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Nor Ehsani.

Sebelum majlis bermula, Duli Yang Teramat

Oleh
Abdullah Asgar

Mulia berkenan bergambar ramai bersama ahli-ahli jawatankuasa.

Majlis bermula dengan sembah alu-aluan oleh Yang Dimuliakan Seri Laila Pengiring Diraja Datin Seri Utama Hajah Rosnah selaku Pengerusi Majlis.

Duli Yang Teramat Mulia kemudian berkenan memotong kek yang diiringi dengan nyanyian oleh ahli-ahli yang hadir.

Di majlis itu, Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan mengurniakan derma bagi Persatuan Kanak-Kanak Cacat (KACA) kepada Datin Hajah Fatimah binti Haji Abdul Rahim. Duli Yang Teramat Mulia merupakan Penaung Persatuan KACA.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Duli Yang Teramat Mulia serta kerabat diraja yang lain berkenan bergambar ramai dan menerima junjung ziarah dari ahli-ahli yang hadir.



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam dan ahli-ahli kerabat diraja yang lain berkenan bergambar ramai bersama isteri-isteri para pembesar negara sempena sambutan itu (atas). Sementara gambar kiri, Duli Yang Teramat Mulia berbual mesra bersama Pengerusi Majlis, manakala gambar bawah, Duli Yang Teramat Mulia berkenan beramah mesra bersama isteri-isteri para pembesar negara sebelum Majlis Doa Kesyukuran berlangsung.



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri berkenan mengurniakan derma kepada Persatuan KACA kepada Datin Hajah Fatimah binti Haji Abdul Rahim.



SAMBUTAN HARI PUJA USIA ANJURAN BAKTI

BERAKAS. - Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Hari Pujia Usia Duli Yang Teramat Mulia anjuran Badan Kebajikan Isteri-Isteri Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (BAKTI).

Majlis sambutan dilangsungkan di Mes Pegawai, Berakas Garrison pada 2 Februari lepas.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Yang Dipertua BAKTI, Datin Hajah Salbiah binti Haji Mohd. Yusof dan ahli-ahli persatuan.

Berangkat sama ke majlis itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bulqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Noor Ehsani.

Di majlis itu, Duli Yang Teramat Mulia berkenan memotong kek yang disebarkan oleh BAKTI. Duli Yang Teramat Mulia kemudian berkenan menerima sekeping cek bernilai \$2,000.00 bagi Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam yang disumbangkan oleh BAKTI.

Liputan oleh Haji Ahmad HS
Gambar-gambar oleh
Masri Osman, Ramli Tengah
dan Mohd. Zul-izzi

Di majlis itu, Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan menerima junjung ziarah daripada ahli-ahli BAKTI dan berkenan menandatangani buku lawatan.

Yang Dipertua BAKTI, Datin Hajah Salbiah dalam sembah alu-aluannya dalam buku program, antara lain berkata, BAKTI telah bergiat cergas dalam mengungkayahkan beberapa aktiviti yang bertujuan untuk membuka minda, menambah ilmu pengetahuan dan meningkatkan interaksi antara ahli-ahlinya.

Di samping itu, jelas beliau, BAKTI juga telah mengadakan lawatan-lawatan ke ladang tanaman bunga, kilang membuat keropok, kilang mi dan kilang minuman serta ais krim, di samping menghadiri beberapa seminar dan ceramah kesihatan, keagamaan serta melawat Persatuan BAKAT, Angkatan Tentera Diraja Malaysia.



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan memotong kek yang disebarkan ke hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia oleh BAKTI.



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam dan ahli-ahli kerabat diraja yang lain ketika berkenan menyaksikan pelbagai persembahan dari ahli-ahli BAKTI bagi memeriahkan lagi suasana majlis.



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri berkenan mengurniakan sumbangan BAKTI kepada Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam kepada wakil pusat itu (atas). Sementara gambar kiri, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima junjung ziarah dari ahli-ahli BAKTI.



SEBELUM berangkat meninggalkan majlis, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menandatangani buku lawatan (atas). Sementara gambar kiri, persembahan nyanyian yang dipersembahkan oleh ahli-ahli BAKTI dan artis-artis jemputan menyeronokkan lagi suasana Sambutan Hari Pujia Usia Duli Yang Teramat Mulia.

Rencana ...

PANGGILAN Baitullah bergema kembali memanggil umat Islam menunaikan fardu haji, rukun Islam yang kelima. Panggilan tersebut juga tidak terkecuali dengan umat Islam di negara ini untuk bersamasama menunaikan kewajiban dengan umat Islam di serata dunia.

Kewajipan haji hanyalah sekali untuk dilakukan oleh umat Islam yang telah memenuhi syarat-syarat haji iaitu hendaklah ia seorang Muslim yang merdeka, baliq lagi berakal dan berkemampuan. Berkemampuan yang dimaksudkan ialah kesihatan tubuh badan yang baik dan mempunyai kewangan yang cukup bagi menampung perbelanjaan pergi dan balik dari menunaikan ibadah haji, sara hidup sepanjang menunaikan ibadah dan juga bagi keperluan anak isteri atau tanggungan yang ditinggalkan di tanah air.

TUNAI HAJI

Sememangnya umat Islam di negara ini amat mengambil berat terhadap pelaksanaan untuk menyempurnakan ibadah haji di mana mereka yang berkemampuan dan mencukupi syarat-syarat tersebut akan melaksanakan ibadah itu.

Seperti yang lazimnya, pada tahun ini seramai 1,331 orang jemaah haji negara ini kini sudah berada di kedua-dua Tanah Suci Madinah dan Mekah bagi menunaikan ibadah haji. Pemergian mereka yang dikendalikan oleh Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan mengikuti sistem pakej syarikat tempatan.

PAKEJ

Sebelum sistem pakej, pengurusan para jemaah haji negara dikendalikan melalui sistem muhasasah dan ke arah memberikan perkhidmatan yang lebih selesa serta pengurusan yang lebih mudah dan lancar, maka sistem berpakej kemudian diperkenalkan beberapa tahun lalu.

Pengurusan Haji dan Umrah :

SISTEM BERPAKEJ UTAMAKAN KESELESAAN, KESELAMATAN JEMAAH



"SISTEM berpakej ini mengutamakan keselesaan para jemaah beribadat ..." Pegawai Perkembangan Ugama, Awang Haji Metussin bin Haji Ahmad.

Sistem berpakej yang juga digunakan oleh negara-negara lain termasuk Malaysia dan Republik Indonesia ini dikendalikan oleh syarikat-syarikat tempatan dengan memberikan pelbagai perkhidmatan dan

Oleh
Haji Ahat Haji Ismail

kemudahan yang selesa dengan kadar bayaran tertentu.

Menurut Pegawai Perkembangan Ugama, Awang Haji Metussin bin Haji Ahmad, sistem pakej ini menggunakan sistem masing-masing seperti di segi penempatan, pengangkutan, dan lain-lain perkhidmatan yang menjurus kepada memberikan keselesaan kepada jemaah.

SELESA

Melihat kepada perkhidmatan-perkhidmatan yang begitu selesa dan kemudahan-kemudahan yang memuasskan katanya, pihak syarikat pakej memerlukan kos perbelanjaan yang tidak menentu.

Bagaimanapun layanan perkhidmatan-perkhidmatan haji dan umrah setiap tahun melalui syarikat pakej-pakej ini semakin memuasskan, yang memudahkan orang ramai lebih merasa selesa dan terurus dalam melaksanakan ibadah-ibadat haji.

PENGURUSAN

Menyentuh mengenai pengurusan haji pula beliau menjelaskan, pada peringkat awal rundingan akan dijalankan antara Menteri Hal Ehwal Ugama berserta rombongan membuat perundingan dengan Menteri Haji dan Waqaf Arab Saudi yang berkaitan dengan pengurusan wakil-wakil yang dilantik oleh Kerajaan Arab Saudi dan peraturan-peraturan yang sentiasa berubah dari setahun ke setahun.

"Jemaah Asia Tenggara termasuk Negara Brunei Darussalam mestilah mengikuti setiap peraturan-peraturan yang dikeluarkan umpamanya, keselamatan, kesihatan, perubatan dan lain-lainnya," katanya.

PERSIAPAN-PERSIAPAN

Kemudian rundingan terus berlanjutan dari



SEBAHAGIAN daripada jemaah haji negara ini ketika berlepas untuk menunaikan fardu haji musim haji 1422 Hijrah/2002 Masihi tahun ini.

semasa ke semasa melalui Konsul Agung di Jeddah dan Pegawai-pegawai Urusan Haji yang menjalankan kerja-kerja persiapan seperti kebenaran-kebenaran keluar masuk terminal lapangan terbang haji, kenderaan pengangkutan, perubatan dan urusan perjalanan masuk ke Madinah, Mekah, Arafah, Mina dan balik semula ke Mekah sebelum pulang ke negara masing-masing.

"Dalam proses ini, bahagian Konsul Agung Negara Brunei Darussalam akan membuat permohonan-permohonan melalui Kementerian Luar Arab Saudi bagi memohonkan pas-pas yang penting untuk

kegunaan Pegawai-pegawai Bit'hah Haji Brunei Darussalam," tambahnya.

KESELAMATAN

Keselamatan di terminal haji dan tempat-tempat tertentu juga diambil berat terutama larangan-larangan dan tegahan terhadap barang-barang yang membahayakan. Beliau menyatakan, keselamatan dan kesihatan para jemaah yang tiba di lapangan terbang dan seterusnya akan meneruskan perjalanan, sentiasa diambil perhatian pada setiap masa.

Tempat wukuf di Arafah dan di Mina juga dipastikan oleh Bit'hah Haji dengan mengadakan lawatan dan pemeriksaan

terhadap kemudahan-kemudahan yang terdapat di tempat berkenaan sebelum para jemaah tiba.

"Keselesaan tempat penginapan, bilik air, kedudukan kenderaan yang akan membawa jemaah dan klinik perubatan untuk merawat jemaah yang memerlukan rawatan merupakan antara tugas-tugas yang utama dalam menjamin keselamatan para jemaah," jelasnya.

Justeru dengan pengendalian yang kemas dan cekap dari Bit'hah Haji serta mutu perkhidmatan syarikat pakej yang memuasskan setentunya akan menjamin keselesaan para jemaah haji beribadat.



MASJID Nabawi di Madinah tidak ketinggalan menjadi kunjungan para jemaah sebelum menunaikan ibadah haji atau umrah.

KEDUDUKAN JUMLAH BAKAL-BAKAL JEMAAH HAJI

BIL.	NAMA SYARIKAT	WN			WNA		
		J/J	L	P	J/J	L	P
1.	Titian Travel & Tours	101	48	53	8	5	3
2.	Seri Islamic Travel & Tours	31	14	17	12	6	6
3.	Tenaga Travel Agency (B) Sdn. Bhd.	15	9	6	8	4	4
4.	Travel Centre (Borneo) Sdn. Bhd.	77	37	40	-	-	-
5.	Taiwah Travel Services Sdn. Bhd.	72	36	36	-	-	-
6.	Travel Trade Agencies Sdn. Bhd.	31	18	13	-	-	-
7.	HTH Travel Agency	32	17	15	-	-	-
8.	Tasamul SMAS Travel (B) Sdn. Bhd.	4	2	2	-	-	-
9.	Churiah PGMB Travel Service	10	5	5	-	-	-
10.	Darussalam Holdings Sdn. Bhd. + Pegawai/Pengiring DHSB	895 +13					
	JUMLAH JEMAAH	1,281	634	647	32	16	16
11.	Bit'hah Haji	7	7	-	-	-	-
12.	Rombongan Perubatan Haji	26	15	11	-	-	-
	JUMLAH KESELURUHAN	1,314	656	658	32	16	16

WN = WARGANEGARA

WNA = WARGANEGARA ASING BERKHIDMAT

DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM (DI LUAR KUOTA BRUNEI)



YANG Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi, Timbalan Pengerusi Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif QAF Brunei bertukar-tukar perjanjian bersama Universiti Brunei Darussalam (UBD) mengenai penyelenggaraan komputer-komputer di UBD. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Accendo Technologies tandatangani perjanjian penyelenggaraan komputer

Oleh Samle Haji Jait

TUNGKU. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Accendo Technologies Sendirian Berhad telah menandatangani perjanjian penyelenggaraan komputer-komputer Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan alat-alat kelengkapannya.

Pengarah Teknologi Maklumat dan Stor Negara, Awang Haji Mahmud bin Haji Mohd. Daud mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, sementara Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi, Timbalan Pengerusi Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif QAF Brunei menandatangani bagi pihak Accendo Technologies Sendirian Berhad di majlis yang berlangsung di UBD, 30 Januari lalu.

Accendo Technologies Sendirian Berhad merupakan

syarikat subsidiari bagi kumpulan Syarikat QAF akan menjalankan kontrak penyelenggaraan termasuk perisian komputer seperti 'printer' dan 'scanners' bagi tempoh selama tiga tahun.

Naib Canselor UBD, Dato Paduka Seri Setia Profesor Dr. Awang Haji Mahmud Saedon dan Awang Hamzah bin Haji Junit, Penolong Pengurus Kumpulan Kewangan QAF Brunei hadir menyaksikan majlis penandatanganan berkenaan.

Ketika ini, UBD mempunyai lebih 750 buah komputer di mana lebih 300 buah lagi akan didatangkan melalui skim terbarunya.

Perjanjian tersebut antara lain termasuk penggunaan sumber luaran (outsourcing) yang berpangkalan di UBD bagi operasi penyelenggaraan komprehensif komputer-komputer dan alat-alat berkaitan yang terdapat di UBD tanpa mengambil kira jenama negara asal pengeluar komputer berkenaan.

Kumpulan penyelenggaraan akan berganding rapat dengan kakitangan perkhidmatan komputer yang mana UBD merupakan selaku logistik, pengenalpastian dan pemuliharaan masalah-masalah.

Skim perjanjian berkenaan merupakan pertama kali dilakukan oleh pihak UBD.



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair ketika berucap merasmikan Mesyuarat Kumpulan Pakar Mengenai Pelaksanaan Dasar dan Rancangan Ke Arah Menyekat Persaingan Bagi Anggota Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM). - Gambar oleh Harun HR.

Pelbagai isu masa kini perlu kajian semula

Oleh Samle Haji Jait

RIMBA. - Terdapat pelbagai isu masa kini yang mempengaruhi dunia sehingga memerlukan pengkajiannya semula mengenai dasar-dasar kerajaan.

Isu utama termasuk suasana masa depan yang tidak pasti bagi hubungan strategik di kalangan negara-negara di dunia, ekonomi sejagat, kepesatan perkembangan teknologi informasi dan perhubungan (ICT) serta peningkatan masalah-masalah transnasional.

Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair bin Haji Abdullah menjelaskan perkara itu ketika merasmikan Mesyuarat Kumpulan Pakar Mengenai Pelaksanaan Dasar dan Rancangan Ke Arah Menyekat Persaingan Bagi Anggota Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) di Institut Perkhidmatan Awam, 28 Januari lalu.

Dato Paduka berkata, tindakan pengkajiannya pada 11 September lalu adalah sangat ngeri dan mengubah landskap dalam geopolitik serta keganasan sejagat yang meluas dalam keadaan dunia yang serba tidak menentu ini adalah sangat nyata.

Melihat keadaan itu, menurut Dato Paduka, negara-negara kecil hendaklah bersatu dalam blok pragmatik serantau yang terbuka jika mereka berusaha untuk bertahan dalam ekonomi secara global.

Bagaimanapun, bagi Negara Brunei Darussalam selaku negara anggota APEC, ASEAN dan BIMP-EAGA, kejayaan sesuatu pertubuhan itu adalah sangat penting bagi negara-negara kecil untuk terus bertahan.

Bagi menempatkan negara-negara ahli NAM di mata antarabangsa, ia perlu berupaya mengekalkan pertumbuhan ekonomi ke-

bangsaan dan sosial.

Menurut Dato Paduka Haji Hazair bagi mencapai maksud itu memerlukan penempatan pengurusan sumber-sumber kebangsaan dan antarabangsa yang berkesan dan cekap untuk memajukan keupayaan agensi-agensi ekonomi sama ada perusahaan kecil atau besar.

Sementara itu, Pengerah Eksekutif Pusat Pergerakan Negara-Negara Berkecuali Bagi Kerjasama Teknikal Selatan-Selatan, Awang Omar Halim pula antara lain menjelaskan pencapaian negara-negara ahli NAM dalam mengendalikan kestabilan ekonomi dan kemajuan sosial telah diungkayahkan dengan pelbagai cara.

"Sebagiannya telah mendapat kejayaan dengan

memperolehi kemajuan dengan cepat tetapi malangnya kebanyakan negara-negara ahli NAM tidak berupaya melakukannya," jelas beliau.

Beliau berharap, mesyuarat berkenaan akan membuahkan hasil yang baik dalam meningkatkan perkembangan politik, sosial dan ekonomi di kalangan negara-negara ahli terutama di dalam cabaran ketika ekonomi dunia yang masih meruncing sejak 1997.

Mesyuarat tiga hari itu dihadiri oleh pakar-pakar termasuk sektor perniagaan dari peserta tuan rumah serta negara-negara anggota NAM termasuk Afrika, Asia Timur dan Pasifik, Eropah, Amerika Latin, rantau-rantau di Asia Selatan, Timur Tengah dan Asia Barat.

NEGARA-NEGARA kecil hendaklah bersatu dalam blok pragmatik serantau yang terbuka jika mereka berusaha untuk bertahan dalam ekonomi secara global.

Oleh Aliddin HM

BERAKAS. - Sebanyak 800 helai kemeja-T yang membawakan mesej antidadah dijual kepada orang ramai yang menonton Konsert XPDC oleh Persatuan Membasmi Dadah (BASMIDA) yang telah diadakan pada 2 Februari lepas di Amphitheatre Taman Permainan Jerudong di sini.

Setiap kemeja-T itu dicap dengan mesej antidadah yang direka khusus oleh persatuan tersebut.

Dalam hubungan itu, Persatuan BASMIDA juga

menerima tajaan daripada beberapa buah bank dan sektor swasta serta orang perseorangan di negara ini dalam sama-sama memberantas penyalahgunaan dadah di negara ini.

Penyumbang tajaan itu terdiri daripada Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad (IDBB) dengan sumbangan sebanyak \$3,000.00; City Bank; Syarikat Minyak Brunei Shell dan Syarikat LNG Brunei, masing-masing telah menyumbangkan sebanyak \$1,500.00; Bank Standard Chartered menyumbangkan \$250.00 dan Overseas Union Bank pula menyumbangkan \$50.00. Penyampaian sumbangan cek itu telah disampaikan oleh wakil-wakil daripada syarikat berkenaan dan diterima oleh Yang Dipertua Persatuan BASMIDA, Datin Hajah Masni binti Haji Mohd. Ali yang berlangsung di De' Hayat Musical and Production di sini pada 28 Januari lalu.

Penjualan kemeja-T itu adalah salah satu aktiviti bagi mengisi tabung Persatuan BASMIDA.



PAKAR-PAKAR dari sektor perniagaan dan peserta tuan rumah serta dari negara-negara anggota NAM ketika menghadiri mesyuarat itu. - Gambar oleh Pengiran Rafae PDPHM.



YANG Dipertua Persatuan BASMIDA, Datin Hajah Masni dan Ahli-ahli Jawatankuasa Persatuan BASMIDA menerima tajaan kemeja-T dari pihak swasta dan orang perseorangan. - Gambar oleh Abdullah HAD.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa memberi perhatian dan pemedulian akan kesejahteraan dan kehidupan rakyat dan penduduk negara ini dengan lebih dekat melalui keberangkatan ke daerah-daerah, mukim-mukim dan kampung-kampung. Gambar atas ketika baginda berkenan meninjau kanak-kanak kurang upaya yang diberikan latihan dan bimbingan di Rumah Sakit Pengiran Isteri Hajah Mariam, Daerah Temburong iaitu bersempena keberangkatan baginda mengunjungi geran tanah dan anak-anak kunci perumahan di Daerah Temburong pada 31 Januari lepas. (Lagi berita dan gambar-gambar muka 8 dan 9).

Perubahan struktur tenaga global Mendorong keperluan kerjasama lebih rapat

ALGIERS, ALGERIA. - Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, telah memaklumkan bahawa sebagai forum yang 'informal' Mesyuarat Menteri-menteri Bagi Forum Negara-negara Pengeksport Gas (Gas Exporting Countries' Forum - GECF) Kali Kedua berjaya menggarap langkah dan strategi yang berguna dalam menghadapi cabaran globalisasi khususnya akibat daripada perubahan struktur tenaga ter-

utamanya bagi gas asli oleh negara-negara pengimport.

Globalisasi, tambah Yang Berhormat, membawa bersamanya daya bergantung di antara satu sama lain dan dengan semakin bertambahnya integrasi di kesemua peringkat dalam sektor tenaga ianya juga tidak terkecuali daripada kesan ini.

Kemelut ekonomi global yang sedang dihadapi ini telah menyebabkan pengurangan permintaan yang mengejutkan kepada sektor tenaga dan mengakibatkan kejatuhan harga sumber tenaga seperti minyak dan gas asli.

"Masih banyak yang perlu difahami secara mendalam mengenai proses liberalisasi dan penswastan dalam pasaran tenaga," tegas Yang Berhormat di hari terakhir Mesyuarat GECF di sini pada 3 Februari lepas.

Selaku pentadbir sektor tenaga negara masing-masing, jelas Yang Berhormat, menteri-menteri bersetuju perlunya berhati-hati dan melaksanakan dasar yang pragmatik bagi pasaran sektor ini demi menjamin ianya berjalan dengan teratur dan sempurna.

Dengan adanya perubahan menerusi iklim tenaga global, mesyuarat bersetuju pentingnya forum ini dalam memberikan peluang berinteraksi mengenai isu-isu gas asli di antara kerajaan negara-negara yang menyertainya secara dua hala mahupun berbilang hala.

Selubungan dengan itu, mesyuarat tersebut mengesahkan Mesyuarat Kumpulan Pakar (Experts Meeting) untuk meneruskan tugas mereka secepat mungkin bagi mencapai matlamat asal penubuhan forum ini sebagai forum untuk bertukar-tukar maklumat mengenai industri gas asli.

Mesyuarat juga telah mengarahkan bagi kumpulan tersebut memberikan tumpuan kepada kajian dalam beberapa bidang utama iaitu antaranya:

- * Perubahan teknologi dan kesan terhadap kosnya dalam penggunaan gas;

- * Rangka kerja kontrak dalam melaksanakan projek-projek pembangunan hulu gas asli;

- * Menilai semula dan memperkemaskinikan kajian yang telah dilaksanakan pada tahun lalu iaitu 'Pasaran Gas, Kaedah Meningkatkan Penggunaannya dan Dalam Menghadapi Permintaan Di Masa Hadapan', untuk dibincang dan dipertimbangkan semasa Mesyuarat Ketiga Menteri-menteri GECF pada tahun hadapan.

Yang Berhormat berkata, para menteri GECF telah menyambut baik tawaran dari negara Qatar untuk menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Menteri-menteri GECF Kali Ketiga pada tahun hadapan.

Dari muka I

Yang Berhormat menjelaskan ke arah menjadikan negara ini sebagai pusat perkhidmatan dan perdagangan dan pelancongan. Pelabuhan Muara dan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei merupakan pintu perdagangan utama negara ini yang memerlukan pengangkutan barangan yang kompetitif dan efisien.

Kedua-dua kemudahan infrastruktur tersebut memainkan peranan penting terutama dalam perkembangan ekonomi negara.

Justeru dengan rangkaian antarabangsa yang kian berkembang, jelas Yang Berhormat, mampu untuk memberikan perkhidmatan pengangkutan yang kompetitif dan efisien untuk menghantar kargo ke destinasi yang dituju juga berperanan penting dalam mengembangkan perdagangan di negara ini.

Menyentuh mengenai bidang pelancongan yang kini menjadi industri penting di negara ini, Yang Berhormat menjelaskan bahawa kita perlu mempunyai sistem pengangkutan awam yang selamat, mudah didapati de-

ngan harga yang berpatutan seperti perkhidmatan teksi dan bas awam.

Manakala dari segi keperluan pengangkutan dalam negeri terutama pengangkutan penuntut-penuntut sekolah, Yang Berhormat menyatakan pengangkutan tersebut perlu diperbaiki agar dapat mengurangkan beban ibu bapa untuk keluar mengambil anak-anak mereka lebih awal atau dalam waktu pejabat.

Terdahulu dari itu dalam ucapan Pengarah Pengangkutan Darat, Awang Haji Othman menjelaskan bahawa Lembaga Melesen Pengangkutan Bermotor menyediakan dan mengeluarkan permit dan francais-francis pengangkutan awam dan barang-barang mengikut dasar kerajaan.

Beliau yang juga selaku pengerusi lembaga tersebut menyatakan bahawa lembaga tersebut bertanggungjawab dalam memberikan sumbangan ke arah membaiki dan meningkatkan ekonomi negara dan dipercayai akan dapat meningkatkan mutu pencapaian perkhidmatan awam dan barangan yang tepat, selamat dan memuaskan.

Persefahaman Brunei - New Zealand sentiasa terjalin

BANDAR SERI BEGAWAN. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama, Yang Berhormat Tuan Dame Silvia Cartwright, Gabenor Jeneral New Zealand dan Yang Berhormat Puan Helen Clark, Perdana Menteri New Zealand bersempena Hari Waitangi pada hari ini 6 Februari, 2002.

Dalam perutusan itu baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan New Zealand. Baginda seterusnya percaya keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Seterusnya dalam perutusan itu baginda berharap Tuan Yang Terutama, Yang Amat Berhormat Tuan Dame Silvia Cartwright, Gabenor Jeneral, sentiasa

sihat sejahtera dan semoga rakyat New Zealand akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Sementara itu di dalam perutusan kepada Yang Berhormat Puan Helen Clark, Perdana Menteri New Zealand, baginda mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Puan Yang Terutama dan kerajaan serta rakyat New Zealand sempena Hari Waitangi.

Baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan New Zealand. Baginda seterusnya percaya keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing. Seterusnya baginda berharap semoga Yang Berhormat Puan Helen Clark, Perdana Menteri New Zealand akan sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat New Zealand akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.



KEBERANGKATAN tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Ismail Petra, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Kelantan Darulnaim dan DYMM Tengku Anis, Raja Perempuan Kelantan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei telah dialu-alukan oleh DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Lawatan muhibah Sultan Kelantan

BERAKAS. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Ismail Petra ibni Al-Marhum Sultan Yahya Petra, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Kelantan Darulnaim dan Duli Yang Maha Mulia Tengku Anis binti Tengku Abdul Hamid, Raja Perempuan Kelantan berangkat tiba di negara ini bagi keberangkatan lawatan muhibah tiga hari.

Keberangkatan tiba baginda berdua di Lapangan Terbang Antarabangsa, Brunei pada 4 Februari lepas dialu-alukan oleh Duli Yang Teramat Mulia

Oleh Haji Ahat HI

Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, selaku wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Menyertai keberangkatan itu ialah Yang Teramat Mulia Tengku Muhammad Faris Petra, Tengku Mahkota Kelantan; Yang Amat Mulia Tengku Muhammad Fakhry Petra, Tengku

Temenggong Kelantan dan Yang Mulia Datin Tengku Anisah (adinda kepada Duli Yang Maha Mulia Raja Perempuan Kelantan).

Berangkat sama mengalu-alukan keberangkatan Sultan Kelantan Darulnaim itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna.

Juga berangkat dan hadir di lapangan terbang bagi mengalu-alukan keberangkatan Sultan Kelantan Darulnaim ialah Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria dan Yang Dimulikan Pehin-pehin Menteri.

MEMPERKASA KEUPAYAAN BANGSA

دٲرٲٲكن اوله جٲائن فٲراغن؁ جٲائن فردان منٲري دان دٲٲٲٲ اوله جٲائن فرجٲٲٲن كراجان؁ نكارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

Menuntut ilmu suatu kewajiban

PENGENALAN

MENUNTUT ilmu adalah suatu kewajiban bagi umat Islam tanpa mengira tua, muda, kanak-kanak, orang-orang cacat dan lain-lain. Menuntut ilmu adalah suatu ibadah sebagaimana perintah Allah Subhanahu Wataala kepada umat-Nya. Allah telah menjanjikan mereka yang memperoleh ilmu pengetahuan pasti akan mendapat darjat yang tinggi. Janji Allah Subhanahu Wataala ini terdapat dalam Surah Al-Mujadilah ayat 11 yang tafsirnya: "Allah mengangkat orang-orang yang beriman dari golonganmu semua dan juga orang-orang yang dikurnia ilmu pengetahuan hingga beberapa darjat." Orang-orang yang mempunyai ilmu pengetahuan juga akan mendapat kebahagiaan di dunia dan juga di akhirat. Ilmu juga merupakan senjata yang ampuh dan sebagai pelita yang menerangi jalan di dalam kehidupan manusia. Di samping itu, ilmu juga dapat mencerminkan tahap tamadun sesebuah masyarakat. Justeru itulah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menegaskan perkara tersebut yang bermaksud:

"Pelajarilah ilmu! Maka mempelajarinya kerana Allah itu takwa. Menuntutnya itu ibadah. Mengulang-ulangnya itu tasbeih. Membahaskannya itu jihad. Mengajarkan orang yang tidak tahu itu sedekah. Memberikannya kepada ahlinya itu mendekatkan diri kepada Tuhan. Ilmu itu teman waktu sendirian dan kawan waktu kesepian, penunjuk jalan kepada agama, pemberi nasihat bersabar waktu suka dan duka, seorang menteri di tengah-tengah teman sejawat, seorang keluarga di tengah-tengah orang asing dan sinar jalan ke Surga. Dengan ilmu diangkat oleh Allah beberapa kaum, lalu dijadikannya mereka pemimpin, penghulu dan penunjuk jalan pada kebajikan. Diambil orang menjadi ikutan dan penunjuk jalan kepada kebajikan. Jejak mereka diikuti, perbuatan mereka diperhatikan. Malaikat suka kepada tingkah laku mereka. Disapunya mereka dengan sayapnya, seluruh yang basah dan yang kering meminta ampun akan dosa mereka, hatta ikan dan binatang laut, binatang buas dan binatang jinak di darat, langit dan bintang-bintangnya." - (Diriwayatkan oleh Abu Syekh Ibnu Hibban dan Ibnu Abdil Barr).

KEPENTINGAN ILMU DALAM KEHIDUPAN

Agama Islam memerintahkan agar umatnya menuntut, mengejar ilmu pengetahuan di mana saja mereka berada serta mengembangkan sebanyak mungkin demi untuk kemaslahatan umat manusia. Ini selaras dengan sabda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang menganjurkan umatnya agar menuntut ilmu sampai ke negeri China. Ilmu pengetahuan yang dituntut dalam agama Islam meliputi seluruh hal-hal yang berkaitan dengan dunia dan juga akhirat. Dengan kata-kata lain, ilmu pengetahuan itu berkaitan dengan 'Hablum Minallah Wa Hablum Minannas'. Adapun ilmu pengetahuan yang bersangkutan dengan 'Hablum Minallah' merupakan Ilmu Fardu Ain iaitu ilmu pengetahuan yang mesti dipelajari oleh setiap orang Islam. Manakala, ilmu yang bersangkutan dengan 'Hablum Minannas' pula ialah berbentuk Fardu Kifayah iaitu ilmu yang mesti dipelajari oleh sekurang-kurangnya salah seorang di dalam sesebuah masyarakat Islam.

Apabila kita tinjau dari segi sejarah, jelas membuktikan bahawa kemajuan sesebuah bangsa di dunia ini bergantung dengan kemajuan ilmu yang ada pada bangsa itu sendiri. Ilmu telah mengangkat serta menjadikan sesebuah bangsa itu bertamadun dan juga mempunyai darjat yang tinggi. Kita lihat sahaja negara Jepun pada masa kini telah menjadi sebuah negara yang maju berbanding dengan Amerika Syarikat. Ini disebabkan oleh masyarakat Jepun telah membuka mata dan membangkitkan kesedaran yang menimbulkan minda mereka, akibat ditimpa mala petaka daripada bala Allah Subhanahu Wataala disebabkan kekejaman mereka semasa menguasai Asia Tenggara semasa

OLEH
MOHD. NOR AZMAN HAJI SULAIMAN

Perang Dunia Kedua (1941 - 1945). Dua buah bandar Hiroshima dan Nagasaki telah dibom (atom) sehingga bandar itu menjadi 'padang jarak, padang tekukur' semuanya hancur berkecui.

Masyarakat Jepun telah mengubah dasar mereka dengan meningkatkan rakyatnya supaya mempunyai ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang. Daripada kemajuan ilmu yang dicapai oleh masyarakat Jepun mereka telah menjadi terkenal dan disegani oleh masyarakat dunia antarabangsa. Kerajaan mereka telah menggalakkan agar lebih banyak buku-buku luar diterjemahkan ke dalam bahasa Jepun agar masyarakatnya dapat mengambil manfaat serta beroleh ilmu daripadanya.

Banyak sabda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang menekankan betapa pentingnya ilmu pengetahuan, di antaranya:

"Ilmu itu tiang hidupnya (jiwanya) Islam dan tiang agama."

"Siapa yang berbicara tentang ilmu bererti memuji Tuhan: barang siapa mengajarkan ilmu, Allah menyempurnakan pahalanya dan barang siapa mempelajari ilmu dan mengamalkannya, Allah akan menunjukkan hal-hal yang belum diketahuinya."

"Ilmu pengetahuan membawa kita kepada kegembiraan hidup, memberi kita kekuatan dalam kesusahan dan kesulitan, adalah lambang apabila kita berdekatan dengan teman-teman kita dan perisai dalam musuh-musuh kita."

"Keberhasilan dunia (negara) akan tercapai dengan menggunakan kecerdasan akal dan keruntuhan dunia (negara) adalah kerana kejahilan (kebodohan)."

"Tuntutlah ilmu pengetahuan itu semenjak dari ayunan sampai ke liang lahad (mati)."

"Tinta seorang terpelajar adalah lebih suci daripada darah seorang yang mati syahid."

"Manusia yang mulia adalah seorang Mukmin yang berilmu (terpelajar)."

"Seorang ahli ilmu lebih baik pada sisi Allah daripada seribu abid (ahli ibadah)."

Bahkan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam telah memberikan syarat kepada setiap orang tawanan kaum Quraisy yang kalah dalam Peperangan Badar, agar



GAMBAR HIASAN ... Agama Islam amat menitikberatkan soal ilmu, kerana dengan adanya ilmu pengetahuan yang banyak dan mendalam sahajalah yang akan dapat melahirkan para cendekiawan yang boleh memimpin agama, bangsa dan negara.

mengajar sepuluh orang kanak-kanak Islam membaca dan menulis. Kedua-dua aspek tersebut merupakan ciri penting di dalam menuntut ilmu kerana melalui membaca, kita akan beroleh ilmu pengetahuan, untuk mempertajamkan fikiran dan juga untuk meluaskan pemandangan. Manakala, menulis pula dapat memperluaskan serta menyebarkan ilmu pengetahuan yang berguna kepada seluruh umat manusia sejagat. Di sini dapatlah kita melihat betapa pentingnya kedua-dua aspek tersebut di dalam menuntut ilmu pengetahuan bagi menempuhi segala ranjau dan liku-liku kehidupan kita.

Dengan adanya ilmu yang dimiliki oleh seseorang Mukmin itu serta menyebarkan kepada orang lain maka dia akan dapat membawa umatnya ke arah kemajuan serta pembangunan negara. Kita sebagai umat Islam perlu ingat bahawa ilmu yang dimiliki itu bukan digunakan di jalan yang salah seperti menindas, menghina, menjatuhkan maruah dan juga menghalang orang lain daripada berfikir untuk kemajuan umatnya.

Kita lihat pada masa sekarang, terdapat sesetengah orang Islam yang pada akhirnya saja berilmu tetapi di dalam dadanya kosong daripada cahaya ilmu. Kita sebagai umat Islam mestilah memimpin umat kita untuk maju ke depan dan bukannya menjadi sombong lalu menghinakan dan tidak mahu menerima pendapat orang lain. Sayidina Umar Ibnu Khattab ada menegaskan perkara tersebut:

"Belajarlah kamu ilmu dan belajarlah kamu untuk ilmu keagungan dan ketabahan. Dan merendahkan diri terhadap yang kamu beri pelajaran. Agar merendahkan diri kepada orang yang kamu ajarkan. Janganlah kamu menjadi para ulama yang angkuh. Ilmu kamu tidak akan bermanfaat kerana kebodohanmu."

ILMU MELAHIRKAN PARA CENDEKIAWAN

Seperti yang sudah diterangkan bahawa agama Islam menitikberatkan soal ilmu yang perlu dituntut atau dicari oleh setiap orang Islam. Dalam memperkatakan kewajipan menuntut ilmu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam seringkali menegaskan

kepada umat Islam dan pengikutnya seperti hadis-hadis Baginda yang dinyatakan di atas. Penekanan Baginda melalui hadis-hadis Baginda itu cukup jelas dan hebat, ini adalah kerana Baginda telah memandang jauh ke hadapan. Orang-orang berilmu juga adalah sebagai pewaris Baginda kerana melalui cendekiawan-cendekiawan atau ulama-ulama yang berjiwa Islam dapat menyambung dan menyebarkan dakwah Islam sehingga apa yang kita lihat hari ini telah menjadi kenyataan. Sesungguhnya agama Islam dan pengikutnya telah menjadi agama yang kuat dengan pengikut yang paling ramai di dunia antarabangsa.

Dengan adanya ilmu pengetahuan yang banyak dan mendalam, kita umat Islam akan dapat melahirkan para cendekiawan Islam. Dengan kata-kata lain, jika ramai umat Islam yang menuntut ilmu maka akan lahir lebih ramai lagi para cendekiawan Islam. Para cendekiawan Islam inilah yang akan bertanggungjawab di dalam membawa umat Islam ke arah kemajuan serta beroleh rahmat daripada Allah Subhanahu Wataala baik di dunia mahupun di akhirat dan seterusnya ke arah kesempurnaan insan yang kamil, yang akhirnya akan melahirkan sebuah negara 'Baldatun Taiyibatun Wa Rabbun Ghafur'.

Di samping itu, para cendekiawan Islam juga bertanggungjawab di dalam menghidupkan semangat berfikir di kalangan umat Islam. Jangan nanti para cendekiawan Islam seperti yang dinyatakan oleh Syed Jamaluddin Al-Afghani umpama 'lampu pelita yang lemah cahayanya, tiada memberi cahaya terang ke sekelilingnya'.

Jika dilihat dari segi sejarah Islam, jelas menunjukkan bahawa kita umat Islam mempunyai begitu ramai cendekiawan Islam yang pakar dalam bidang masing-masing. Ini boleh saja dilihat seperti Ibn Khaldun, Al-Maududi, Ibn Sina, Al-Biruni, Ali Shariati, Imam Syafie, Al-Farabi, Ibn Al-Athir dan ramai lagi. Ilmu-ilmu yang disumbangkan dan dilahirkan oleh mereka adalah berorientasikan agama Islam dan

Sastera & Budaya

PENDAHULUAN

SEBELUM membincangkan dengan lebih lanjut tajuk rencana berkenaan Etimologi Melayu perlu diketahui dahulu apakah yang dimaksudkan dengan etimologi itu? Etimologi merupakan satu cabang ilmu yang berhubung kait dengan asal usul perkataan. Dengan menggunakan ilmu etimologi ini maka akan dapat memudahkan kepada kita untuk menyusur galurkan sejarah kata-kata. Dengan cabang ilmu etimologi tidak hanya mencakupi penelitian mengenai kata pinjaman tetapi berkaitan juga dengan kajian mengenai kata-kata yang diturunkan daripada bahasa purba. Oleh itu etimologi adalah menyangkut ilmu linguistik sejarah selain daripada penyelidikan mengenai pertembungan dan pencampuran bahasa (Zaiton Abd. Rahman dan Zaini Mohamad Zain, 1990 : 36).

Terdapat beberapa teori yang telah dikemukakan mengenai Etimologi Melayu ini oleh ahli-ahli sarjana. Oleh yang demikian dalam esei ini akan diuraikan Etimologi Melayu yang dikemukakan oleh tiga orang sarjana seperti Amir Omar Amin Hussin, Nabir dan Slametmuljana. Sebelum diuraikan mengenai Etimologi Melayu dari beberapa orang sarjana itu terlebih dahulu kita melihat asal usul istilah Melayu.

ASAL USUL ISTILAH 'MELAYU'

Istilah Melayu adalah merujuk kepada nama bahasa dan bangsa. Walaupun istilah Melayu telah wujud sejak abad ketujuh tetapi ia cuma sebagai nama sebuah tempat atau kerajaan yang terletak di Jambi sekarang ini. Untuk mengetahui asal usul istilah Melayu kita perlulah mengetahui asal usul bahasa Melayu itu sendiri yang menuturkan bahasa berkenaan. Sehingga sekarang masih belum terdapat satu pendapat yang muktamad mengenai asal usul istilah Melayu ini. Selain itu, kata sepakat juga belum dapat dicapai mengenai asal usul istilah Melayu walaupun telah ada beberapa orang ahli sarjana melakukan kajian mengenai ini. Apa yang nampak pada hari ini bahawa istilah Melayu itu telah menjadi satu istilah kepada satu kesatuan bahasa dan bangsa. Menurut Asmah Haji Omar (1985 : 39 - 42) bahawa Melayu itu mempunyai dua pengertian iaitu digunakan dalam pengertian yang luas dan digunakan juga dalam pengertian yang sempit. Dalam pengertian yang luas Melayu bagi beliau merujuk kepada bangsa-bangsa atau penutur-penutur bahasa Austronesia yang berada di Semenanjung Tanah Melayu dan di gugusan pulau-pulau Melayu iaitu pulau-pulau yang meliputi Indonesia. Manakala dalam pengertian yang sempit pula menurut beliau bahawa di Malaysia terutamanya pengertian Melayu merujuk kepada agama Islam. Sementara itu dalam Perlembagaan Malaysia pula orang Melayu itu dimaksudkan mereka yang bertutur dalam bahasa Melayu, menganut agama Islam dan mengamalkan cara-cara hidup Melayu (Abdullah Jumain Abu Samah, 1993 : 103).

Dari beberapa keterangan yang telah dikemukakan mengenai Melayu itu maka dalam esei ini akan diuraikan tiga sudut pandangan dari ahli sarjana mengenai Etimologi Melayu. Pandangan yang pertama dari Omar Amin Hussin menyatakan bahawa Melayu itu berpunca daripada bahasa Farsi. Pandangan yang kedua dari tulisan Nabir melalui pendapat Malcom menyatakan bahawa Melayu itu berpunca daripada bahasa Celebes dan bahasa Sanskrit. Akhir sekali pandangan dari Slametmuljana pula menyatakan bahawa Melayu itu berpunca daripada bahasa Sanskrit. Oleh itu dari ketiga-tiga pandangan tersebut kita akan melihat perbandingan pandangan mereka mengenai Etimologi Melayu seperti berikut :

PENGHURAIAAN ETIMOLOGI MELAYU DARI OMAR AMIN HUSSIN

Omar Amin Hussin merupakan seorang sarjana yang telah membuat kajian mengenai Etimologi Melayu melalui bukunya berjudul Asal-usul Bahasa dan Bangsa Melayu. Beliau berpendapat bahawa perkataan Melayu itu berasal daripada perkataan bahasa Farsi yang bermaksud 'Mulye' yang merujuk kepada golongan sarjana orang Farsi.

Disebabkan oleh perjalanan sejarah sarjana orang Farsi itu maka bahasa tempatan yang dikenali sebagai bahasa kavi itu bertukar menjadi 'bahasa Mulye' dan orang-orang tempatan kemudiannya menukarkan sebutan tersebut kepada 'bahasa Melayu'. Menurut Omar Amin Hussin lagi bahasa sarjana orang Farsi (bahasa Mulye) itu telah banyak mempengaruhi bahasa tempatan. Selain itu mereka juga mempunyai sebuah kota di Sumatera yang dikenali sebagai Pasai. Beliau juga mengaitkan Pasai dengan Kota Fars di Farsi dan berpendapat bahawa Pasai pada awalnya dikenali sebagai Kota Fars II di sebabkan oleh loghat penduduk-penduduk tempatan itulah maka berlakulah peralihan sebutan daripada 'Fars' kepada 'Pasai' (Abdullah Jumain Abu Samah, 1993 : 103).

OLEH HAMRIN

PENGHURAIAAN ETIMOLOGI MELAYU DARI NABIR

Menurut Nabir bahawa terdapat kelainan di antara pendapat Minnattur dengan pendapat Malcom yang dipetikinya itu. Nabir menyatakan bahawa menurut pendapat Minnattur perkataan Melayu itu berasal daripada bahasa Sanskrit iaitu *mala* bermaksud bukit atau gunung. Terdapat satu lagi menurut beliau istilah Melayu bagi pendapat Minnattur iaitu dengan menggabungkan dua perkataan *mala* dan *ur* iaitu *ur* bermaksud pekan dalam bahasa Tamil tetapi dalam bahasa Malayam *ur* bermaksud kampung atau lokaliti.

Nabir menjelaskan lagi bagi pendapat Malcom akan perkataan Melayu itu adalah berasal daripada kisah pada abad ke-12 berkenaan dengan seorang penghulu dari Pulau Celebes telah keluar belayar dan sampai di Sungai Sumatera bersama anak buah kapalnya yang terdiri daripada hamba abdi. Mereka merupakan orang Meluku dan banyak daripada mereka telah melarikan diri ke pedalaman lalu membuka sebuah penempatan yang dinamai Men-an-ka-bo (Minangkabau). Mereka yang lari ini dipanggil Melayu bermaksud *mala* iaitu membawa dan *ayu*, iaitu kayu. Oleh itu menurut Nabir istilah Melayu bagi Malcom itu bermaksud 'pelarian'.

Selain itu dalam penjelasan Nabir iaitu menurut pendapat Malcom terdapat juga sebuah cerita lain yang berkaitan dengan 'Mulye' dari bahasa Jawa yang bermaksud 'lari' juga. Kisahnya menurut Malcom adalah mengenai dua orang puteri di Jawa yang salah seorang daripada mereka iaitu puteri yang sulung hendak ditabalkan menjadi raja untuk menggantikan ayahnya tetapi semasa majlis itu berlangsung puteri yang sulung ini tidak tiba maka takhta itu diberikan kepada adiknya. Dengan perasaan kecewa dan kesal disebabkan oleh kelambatangannya itu maka puteri itu pun melarikan diri menyeberangi Selat Melaka bersama inang-inangnya (Abdullah Jumain Abu Samah, 1993 : 103 - 104).

PENGHURAIAAN ETIMOLOGI MELAYU DARI SLAMETMULJANA

Menurut pendapat Slametmuljana pula perkataan-perkataan 'malye' dan 'malaya' itu adalah berasal daripada perkataan bahasa Sanskrit yang bermaksud bukit atau gunung. Menurut beliau lagi perkataan-perkataan 'malye' atau 'melayu' dan 'malaya' itu berkembang pada dua buah tempat yang berlainan. Satu daripadanya perkataan Sanskrit 'Malaya' yang terletak di seberang utara Selat Melaka iaitu di Tanah Semenanjung dan satu lagi 'Malaya' tetapi telah berubah bunyinya menjadi 'Melayu' atau 'Malaya' terletak di Selatan Selat Melaka.

Slametmuljana menjelaskan lagi bahawa biasanya kaum pendatang akan memberi nama sesuatu tempat yang baru dengan nama tempat asal mereka seperti pendatang-pendatang dari India yang telah datang ke Semenanjung, apabila mereka mendapati kawasan ini berbukit-bukit atau bergunung-ganang maka mereka pun

menamainya sebagai 'Malaya'. Menurut Slametmuljana lagi di Daerah Orissa terdapat sebuah gunung yang bernama Malaygiri manakala dekat hujung Comori juga terdapat sebuah gunung yang bernama Malayam (Abdullah Jumain Abu Samah, 1993 : 105).

PENILAIAN KE ATAS TIGA ORANG SARJANA BERKENAAN

Dari ketiga-tiga pandangan yang dikemukakan oleh Omar Amin Hussin, Nabir dan Slametmuljana memperlihatkan mengenai pandangan mereka yang berlainan di antara satu dengan yang lain berkenaan Etimologi Melayu. Di antara pandangan mereka yang berlainan itu adalah berkenaan dengan asal perkataan Melayu itu. Mereka mengatakan bahasa Melayu itu adalah dari bahasa Farsi, Sanskrit, Celebes dan juga Jawa. Dari kenyataan mereka bertiga ini ternyata adanya satu kenyataan yang tidak kukuh mengenai di manakah tempat asal Melayu itu wujud. Selain itu kita tidak akan mendapat jawapan yang tepat untuk merujuk asal usul Melayu sehingga Melayu itu mantap menjadi satu kesatuan bangsa dan bahasa melalui kenyataan ketiga-tiga mereka ini untuk dibuat pegangan.

Jika dilihat dari sudut pandangan Omar Amin Hussin berkenaan Etimologi Melayu itu ternyata beliau tidak dapat membuktikan dengan tepat mengenai Melayu ini. Hal ini kerana menurut Omar Amin Hussin dalam bukunya Sejarah Bangsa dan Bahasa Melayu ada menyatakan tentang asal bahasa yang digunakan di rantau ini oleh orang Melayu merupakan bahasa kavi kemudian bertukar menjadi bahasa 'Mulye' dan akhirnya bertukar menjadi 'Melayu' adalah tidak betul. Dari keterangan Septy (1968 : 9 - 11) bahasa Kavi yang dimaksudkan oleh Omar Amin Hussin itu sebenarnya merujuk kepada syair-syair dalam bahasa Jawa kuno dan perkataan kavi itu pula merujuk kepada bahasa Sanskrit yang bermaksud syair atau poet. Perkara ini diperkuatkan lagi dengan kenyataan daripada Winstedt berkenaan dengan maksud kavi ini. Menurut Winstedt pada abad kelapan telah timbul satu bentuk tulisan Jawa yang dikenali sebagai tulisan kavi dan telah diasaskan oleh orang Pallava. Nyatalah kenyataan Omar Amin Hussin mengenai bahasa yang digunakan oleh orang Melayu itu adalah bahasa kavi yang bertukar dari bahasa 'Mulye' kepada 'Melayu' itu adalah salah kerana kavi bukan merupakan satu bentuk bahasa tetapi merupakan suatu bentuk tulisan yang ditiru daripada tulisan orang Pallava. Selain itu bahasa kavi sebenarnya tidak pernah wujud dalam sejarah perkembangan bahasa Melayu dan orang Melayu tidak pernah menggunakan bahasa kavi. Selain itu jika dilihat daripada pendapat Omar Amin Hussin ini ternyata istilah Melayu yang beliau ambil itu adalah daripada bahasa Farsi berbanding dengan pendapat Slametmuljana dan juga Nabir yang menyatakan mengenai istilah bahasa Melayu itu berasal daripada Sanskrit. Beliau juga tidak menyatakan bahasa Melayu itu merujuk kepada sebuah tempat atau kerajaan malahan beliau menyatakan bahasa Melayu itu merupakan bahasa yang digunakan di rantau ini oleh orang

Melayu. Kenyataan yang dibuat oleh Omar Amin Hussin ini adalah tidak kukuh kerana pada awalnya Melayu yang dikaji oleh beberapa orang sarjana itu merujuk kepada tempat atau kerajaan, tidak kepada bahasa yang digunakan dianggap sebagai Melayu.

Sementara menurut kenyataan Nabir pula dari petikan keterangan Minnattur mengenai perkataan 'Melayu' itu adalah berlainan dengan keterangan yang dipetikinya daripada Malcom. Menurut Nabir, Minnattur berpendapat bahawa perkataan Melayu itu adalah merupakan satu tempat atau kawasan yang tinggi sementara menurut Malcom pula perkataan Melayu itu pula merupakan pelarian, begitu juga dengan cerita dari Jawa yang dipetik oleh Nabir itu menyatakan mengenai 'malayu' yang bermaksud lari. Dari keterangan yang Nabir petik melalui tiga sumber ini ternyata kenyataan Nabir ini tidak dapat diterima dan tidak ada satu pegangan yang kukuh dalam menentukan perkataan Melayu yang sebenar. Beliau hanya mampu menyatakan keterangan asal perkataan Melayu itu tapi beliau tidak menyatakan apakah Melayu yang berasal dari satu kawasan yang tinggi ataupun Melayu adalah pelarian boleh dianggap sebagai Melayu yang sebenarnya. Sedangkan kita cuba melihat bagaimanakah asal perkataan Melayu itu muncul sebagai nama kolektif dan menjadi kesatuan bahasa dan bangsa ketika ini. Apa yang nyata Nabir tidak dapat memberikan kenyataan yang kuat mengenai Etimologi Melayu yang dinyatakannya itu.

Jika dilihat dari kenyataan Slametmuljana berkenaan perkataan Melayu itu yang telah diberi nama Malaya oleh pendatang-pendatang India setelah melihat kawasan berbukit di Semenanjung itu sebenarnya adalah salah. Perkataan Malaya itu bukanlah diberikan oleh pendatang-pendatang dari India tetapi perkataan Malaya itu adalah nama yang diberikan oleh pihak Inggeris ketika menjajah rantau ini. Perkataan Malaya yang merujuk kepada nama tanah Semenanjung itu merupakan kenyataan yang salah kerana perkataan Malaya itu bukanlah berasal daripada perkataan Sanskrit yang bermaksud bukit atau gunung. Jelaslah di sini bahawa kenyataan yang diberikan oleh Slametmuljana mengenai Etimologi Melayu ini adalah terkeluar dari kenyataan yang sebenarnya. Dari ketiga-tiga kenyataan yang telah diberikan oleh Omar Amin Hussin, Nabir dan Slametmuljana adalah tidak boleh dibuat pegangan mengenai perkataan Melayu yang merujuk kepada satu nama kolektif yang menjadi kesatuan bahasa dan bangsa ketika ini. Hal ini adalah disebabkan oleh tidak terdapat satu pun kenyataan yang begitu kukuh untuk diambil sebagai Etimologi Melayu itu.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan dari apa yang telah dinyatakan itu walaupun terdapat tumpuan terhadap aspek etimologi mengenai Melayu yang telah dilakukan oleh Omar Amin Hussin, Nabir dan Slametmuljana itu seharusnya ada suatu penyelidikan dan huraian yang mendalam terhadap Melayu dalam erti yang sebenarnya yakni mengenai asal usul dan perubahannya dalam berbagai-bagai bentuk. Walaupun sudah ada beberapa usaha yang dilakukan oleh ahli-ahli sarjana untuk memberi gambaran mengenai Etimologi perkataan Melayu namun usaha demikian masih belum lagi dianggap lengkap.

Perkara yang dipentingkan dalam usaha penulisan etimologi Melayu ini ialah satu huraian lengkap yang berdasarkan bukti nyata mengenai tahap awal dalam Sejarah Bahasa Melayu iaitu meliputi asal usul keluarga Austronesia serta sejarah perpindahan penduduk di wilayah kepulauan Melayu. Selain itu terdapat satu huraian perkembangan bahasa Melayu dari awal hingga kini perlu dilihat dari berbagai-bagai jenis bahan dan aspek.

RUJUKAN

- i) Abdullah Jumain Abu Samah Feb 1993 'Melayu' Sebagai Istilah Yang Merujuk Kepada Nama Bangsa Dan Bahasa, Jurnal Dewan Bahasa, KL : DBP.
- ii) Zaiton Abd. Rahman dan Zaini Mohamad Zain 1990 Pensejarahan Bahasa Melayu : Beberapa Pandangan Awal, KL : DBP, Kementerian Pendidikan Malaysia.

MARILAH kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wataala dengan penuh khushyuk, tawaduk dan rasa nikmat, di mana perilaku dan tindakan perbuatan dan perkataan kita boleh mencerminkan hakikat sebenar kepada kehendak takwa yang ditunaikan.

Pada zaman yang semakin giat membangun ini, bermacam-macam pendapat dan pemikiran yang timbul dan pelbagai usaha yang dilakukan terutama sekali dalam strategi-strategi untuk melemahkan atau menjatuhkan umat Islam, sekali gus terhadap agama Islam itu sendiri. Apa yang jelas, melalui strategi-strategi yang nyata mahupun terselindung, budaya-budaya luar yang bertentangan dengan kehendak syarak beransur-ansur menyerap ke negara-negara Islam sama ada melalui media masa atau pelbagai bentuk saluran, secara tidak langsung atau terus-menerus.

Budaya yang di maksudkan itu ialah seperti merayakan Hari Kekasih, atau biasa kita dengar 'Valentines Day'. Sebagaimana yang difahami ialah hari di mana dua orang yang berkasih sayang atau sepasang kekasih yang bercinta merayakan percintaan dan kasih sayang. Budaya ini disambut setiap tahun pada 14 Februari.

Tidak dinafikan manusia suka dikasihi dan mengasihi di antara satu sama lain. Golongan remaja adalah golongan yang sering kali dikaitkan dengan soal percintaan. Cuma lumrahnya mereka mudah terikut-ikut serta taksub dengan pengaruh yang dibawa oleh orang-orang barat.

Islam agama yang praktikal, bukan mengongkong, Islam agama yang mengatur kehidupan dengan lebih sempurna. Islam tidak pernah menyekat hubungan kasih sayang di antara

umatnya.

Dalam Islam ada tiga kategori mengenai kasih-

* Kasih Pencipta kepada hamba-Nya.

* Kasih hamba kepada Pencipta.

* Kasih makhluk sesama makhluk.

Banyak ayat-ayat Al-Quran dan hadis-hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam menyatakan mengenai nikmat dan besarnya faedah berkasih

Berkasih sayang perlu melalui saluran yang dibenarkan oleh syarak

sayang. Allah Subhanahu Wataala menjelaskan tentang keagungan nikmat-Nya kepada makhluk-Nya melalui nikmat kasih sayang. Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Ali 'Imran ayat 103 yang tafsirannya:

"Lalu Allah menyatukan antara hati kamu sehingga kamu bersatu padu dengan nikmat Islam menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang Islam bersaudara."


Kasih sesama makhluk

pada sifatnya adalah tidak kekal, ia bergantung kepada keadaan, tetapi kasih hamba kepada Pencipta-Nya dengan iman dan takwa, manakala kasih Pencipta kepada hamba berkekalan. Hal ini telah jelas difirmankan oleh Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Ali 'Imran ayat 31 yang tafsirannya:-

"Katakanlah wahai Muhammad, jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutlah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan ingatlah Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihi."

Memang Islam sangat menggalakkan umatnya supaya berkasih sayang antara satu sama lain, akan tetapi untuk meluaskan kasih sayang di antara seorang lelaki dan perempuan perlu melalui saluran yang dibenarkan oleh syarak, bukan yang menggalakkan kepada perkara-perkara yang mendorong atau merangsang kepada yang dilarang atau maksiat.

Oleh itu sebaiknya kita sebagai umat Islam khasnya golongan remaja tidak terikut-ikut



dengan budaya Hari Kekasih yang dicipta oleh orang Kristian ini, sebaliknya hendaklah menumpukan masa dan waktu kepada Allah Subhanahu Wataala de-

ngan melakukan apa jua perkara yang mendatangkan manfaat yang matlamat akhirnya menghidupkan cinta kepada Allah Subhanahu Wataala.

Hari Kekasih yang dibawa oleh orang-orang barat tanpa disadari bertujuan untuk meleakakan dan merosakkan akhlak masyarakat Islam, kerana ia disambut di kalangan remaja Islam. Apa yang membimbangkan bukanlah setakat berutus-utus kad ucapan dan hadiah atau meraikannya berduadua, tetapi kemungkinan adanya segelintir remaja yang sanggup menghadihkan dirinya demi membuktikan kesetiaan.

Sewajarnya kita umat Islam sedar dan menyedari daripada terikut-ikut langkah yang dipelopori oleh orang-orang kafir ini, bukan budaya itu yang seharusnya kita turuti atau agung-agungkan, akan

tetapi syiar Islamlah yang sepatutnya kita tegak dan banggakan.

Harus kita ingat mengamal dan mengikut budaya asing, terutama di dalam merayakan hari-hari tertentu tanpa mengetahui latar belakang perayaan tersebut, sebenarnya akan menjerumuskan umat Islam kepada kehancuran, kerana perkara seperti ini bukan sahaja menjejaskan akhlak orang Islam bahkan boleh menjejaskan keimanan dan akidah kita.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Hajj ayat 23 yang tafsirannya:

"Demikianlah ajaran Allah dan sesiapa yang menghormati syiar-syiar agama Allah, maka dialah orang yang bertakwa kerana sesungguhnya perbuatan itu satu kesan dari sifat-sifat takwa hati orang mukmin."

وقت سبھيخ، امساك، شوروق دان ضحي

وقت ۲ سبھيخ، امساك، شوروق دان ضحي باكي دايرو بروني دان مولاي دري هاري رابر، 23 ذوالقعدة، 1422 برسان 6 فيبروري، 2002 هيشگ كهاري ثلاث، 29 ذوالقعدة، 1422 برسان 12 فيبروري، 2002 اداله سمرت دبلوه اين :-

مجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساك	صبح	شوروق	ضحي	مسيحي
ذوالقعدة									فيبروري
23	12.36	3.57	6.33	7.44	5.07	5.17	6.36	7.00	6
24	12.36	3.57	6.33	7.44	5.07	5.17	6.36	7.00	7
25	12.36	3.57	6.33	7.44	5.07	5.17	6.36	7.00	8
26	12.36	3.56	6.33	7.44	5.07	5.17	6.36	7.00	9
27	12.36	3.56	6.33	7.44	5.07	5.17	6.36	7.00	10
28	12.36	3.56	6.34	7.45	5.07	5.17	6.36	7.00	11
29	12.36	3.56	6.34	7.45	5.07	5.17	6.36	6.59	12

وقت ۲ سبھيخ باكي دايرو توتوغ دعبه ساتو مينيت دان دايرو بلايت دعبه نيگ مينيت، سبھيخ فرض جمعة دلولوه نكازا بروني داراللام مولاي دري فوكل 12.45 تھاري.

Bismillah, Walhamdulillah Wassalatu Wassalamu 'Ala Rasulillah, Wa'alaa Aalihie Wasahbihi Waman Walah.

KADAR MAHAR

PARA fuqaha telah bersepakat bahawa mahar itu tidak ada had banyaknya, kerana tidak ditentukan kadar banyaknya oleh syarak. Firman Allah Subhanahu Wataala yang tafsirnya:

"Dan jika kamu hendak mengambil isteri (baharu) menggantikan isteri (lama yang kamu ceraikan) sedang kamu telah pun memberikan kepada seseorang di antaranya (isteri yang diceraikan itu) harta yang banyak, maka janganlah kamu mengambil sedikit pun dari harta itu. Patutkah kamu mengambilnya dengan cara yang tidak benar dan (yang menyebabkan) dosa yang nyata?" (Surah An-Nisaa': 20)

Seorang perempuan pernah berhujahkan ayat ini ketika Umar bin Al-Khattab Radiallahuanhu mengadakan pembayaran mahar di dalam khutbahnya dengan tidak melebihi empat ratus dirham. Beliau berkata dalam khutbahnya yang maksudnya:

"Janganlah kamu berlebih-lebihan dalam memberi mas kahwin wanita. Sesungguhnya jika sekiranya (berlebih-lebihan dalam membayar mas kahwin itu) menjadi penghormatan di dunia atau ketakwaan di sisi Allah, nescaya Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam adalah lebih utama dan berhak meninggikan mahar itu daripada kamu. Baginda tidak memberi mas kahwin kepada seorang pe-

rempuan daripada isteri-sterinya dan tidak juga memberi mas kahwin kepada seorang perempuan daripada anak-anaknya melebihi daripada dua belas uqiyah." (Hadis riwayat Abu Daud, At-Tirmidzi, An-Nasaie, Ahmad dan Ibnu Majah).

Sementara dalam riwayat yang lain ada menyebutkan bahawa Umar bin Al-Khattab Radiallahuanhu berkata dalam khutbahnya, sesiapa yang melebihi maharnya daripada empat ratus dinar nescaya lebih itu diserahkan kepada Baitulmal. Sesudah beliau turun daripada mimbar, datang seorang perempuan Quraisy membantah khutbah beliau dengan katanya yang maksudnya:

"Wahai Amirul Mukminin! Apakah kitab Allah Taala lebih berhak diikuti ataupun kata-katamu?"

Beliau berkata: "Kitab Allah Taala yang diikuti, apa itu?"

Perempuan itu berkata: "Engkau telah melarang orang ramai seben-

Bilangan 132 Bahagian Ketiga

tar tadi daripada berlebih-lebihan memberi mas kahwin wanita. Allah Taala berfirman dalam kitab-Nya: "Dan kamu telah pun memberikan kepada seseorang di antaranya (isteri yang diceraikan itu) harta yang banyak, maka janganlah kamu mengambil sedikit pun dari harta itu."

'Umar Radiallahuanhu berkata: "Setiap orang lebih faqih daripada 'Umar, dua kali atau tiga kali (beliau berkata demikian)." Kemudian beliau kembali ke atas mimbar.

Beliau berkata kepada orang ramai: "Sesungguhnya tadi aku telah pun melarang kamu daripada berlebih-lebihan dalam membayar mas kahwin wanita, maka sekarang lakukanlah oleh lelaki pada hartanya apa yang dia mahu." (Hadis riwayat Al-Baihaqi)

Akan tetapi adalah disunatkan agar tidak berlebih-lebihan dalam membayar mahar perempuan. Sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam maksudnya:

"Sesungguhnya nikah yang paling besar berkatnya adalah yang sedikit maharnya." (Hadis riwayat Ahmad).

Dalam riwayat yang



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti
E-mail: mufti@brunet.bn
Fatwa@brunet.bn

lain pula, sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya:

"Sebaik-baik pernikahan adalah yang sedikit (maharnya)." (Hadis riwayat Abu Daud).

Hikmat mengelakkan daripada berlebih-lebihan dalam membayar mahar itu, yang jelas adalah memudahkan pemuda-pemuda untuk berkahwin supaya tidak terpesong kepada perkara yang tidak diinginkan seperti zina dan perkara-perkara yang membawa kepada buruk akhlak. Sebagaimana 'Umar Radiallahuanhu berkata dalam khutbahnya yang maksudnya:

"Sesungguhnya lelaki yang berlebih-lebihan dalam memberi mahar perempuannya sehingga menjadikan perempuan itu permusuhan dalam diri lelaki itu." (Hadis riwayat An-Nasaie)

Adapun had sedikit bagi kadar mahar itu tidak disepakati oleh para fuqaha. Namun dalam Mazhab Syafi'e, mahar itu tidak ada had sedikitnya. Firman Allah Subhanahu Wataala yang tafsirnya:

"Dan (sebaliknya) dihalalkan bagi kamu perempuan-perempuan yang lain daripada yang tersebut itu, untuk kamu mencari (isteri) dengan harta kamu secara ber-nikah, bukan secara ber-zina." (Surah An-Nisaa': 24)

Dalam ayat di atas menunjukkan bahawa harta yang disebutkan di atas tidak ditentukan oleh syarak. Demikian juga dalam hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam ada menyebutkan bahawa cincin diperbuat daripada besi dan sepaang sepatu boleh dijadikan mahar. Ini menunjukkan bahawa mahar itu sah dengan se-

tiap sesuatu yang boleh dinamakan sebagai harta.

Oleh itu, tidak ada had bagi mahar perempuan sama ada banyak atau sedikit asalkan ianya terdiri daripada sesuatu yang boleh dijual beli iaitu ada padanya nilai.

BERAPAKAH KADAR MAHAR YANG ELOK DIBAYAR

Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam menikahi isteri-sterinya dan mengahwinkan anak-anaknya dengan mahar tidak melebihi daripada dua belas setengah uqiyah iaitu lima ratus dirham.

Oleh yang demikian, mustahab (disunatkan) bagi lelaki memberi mahar kepada perempuan dengan tidak melebihi lima ratus dirham untuk bertabaruk dengan perbuatan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Ini pun tertakluk kepada kemampuan lelaki tersebut. (Al-Majma': 18/8,10) Imam As-Syafi'e berkata yang ertinya:

"Dan qashad (tujuan) dalam mahar adalah disukai kepada kita, dan disunatkan mahar itu tidak melebihi atas apa yang diberikan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam kepada isteri-sterinya dan anak-anaknya. Dan itu adalah lima ratus dirham, mengharap keberkatan pada setiap

sesuatu yang dilakukan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam."

Tiadalah menjadi kesalahan jika lelaki itu memberi mahar kepada isterinya lebih daripada lima ratus dirham sebagaimana perbuatan An-Najasyie ketika dia menjadi wakil Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pada waktu Baginda menikahi Ummu Habibah dengan dibayarkan oleh An-Najasyie maharnya sebanyak empat ribu dirham. Jika demikian itu hukumnya makruh, nescaya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam akan menegahnya.

Walaupun bagaimanapun sayugialah digalakkan agar memberi mahar itu tidak kurang daripada sepuluh dirham. Ini kerana menghindarkan daripada pendapat sesetengah ulama yang mengatakan kadar sekurang-kurangnya mahar itu sebanyak sepuluh dirham. (Al-Fiqh Al-Islami Waadillatuhu: 9/6765-6766)

Selain pemberian mahar itu daripada sesuatu yang bermanfaat dan bernilai sama ada banyak atau sedikit, ianya juga bergantung kepada persetujuan kedua pihak. Jika terdapat perselisihan antara dua belah pihak dalam menentukan mahar, jatuhlah mahar tersebut kepada mahar mitsil.

Bersambung

Bahaya sifat berputus asa dan buruk sangka

SUATU sifat yang amat buruk yang menimpa diri seseorang ialah sifat berputus asa yang boleh mematikan perasaan dan yang menggelapkan pandangan serta menghancurkan cita-cita. Allah Subhanahu Wataala ada menyebutkan dalam Surah Yusuf ayat 87 yang bermaksud: "Sesungguhnya tidak berputus asa dari rahmat dan pertolongan Allah itu melainkan kaum yang kafir." Firman Allah Subhanahu Wataala lagi dalam Surah Al-Hijr ayat 56 yang bermaksud: "Nabi Ibrahim berkata: Dan tiadalah sesiapa yang berputus asa dari rahmat Tuhannya melainkan orang-orang yang sesat."

Dari keterangan kedua-dua maksud ayat Al-Quran ini jelas kepada kita bahawa orang-orang yang berputus asa itu hanyalah orang-orang kafir dan orang-orang yang sesat. Adapun orang yang benar-benar beriman tiadalah akan berputus asa bahkan akan sentiasa mengharapkan rahmat dan keampunan Tuhannya dengan berbuat taat dan bersungguh-sungguh beramal salih.

Allah Subhanahu Wataala sentiasa membuka pintu harapan bagi hamba-hamba-Nya untuk mendapatkan keampunan. Selain daripada itu, kita juga dituntut oleh Islam supaya menaruh sangkaan yang baik terhadap

منوجوكر يضان الله
Menuju Keredaan Allah
كلولان قوسه دعوه اسلاميه

Allah Subhanahu Wataala dan jangan menaruh sangka buruk terhadap-Nya. Diriwayatkan oleh Al-Imam Ahmad, Muslim, Abu Daud dan Ibnu Majah dari Jabir bin Abdullah Radiallahuanhu pernah beliau berkata: Saya telah mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda tiga hari sebelum Baginda wafat yang bermaksud: "Janganlah seorang kamu mati melainkan hendaklah ia menyangka baik kepada Allah."

Sangka baik terhadap Allah itu hendaklah menyeluruh terhadap semua keadaan yang dihadapi oleh seseorang, baik di kala tenang lebih-lebih lagi di kala gelisah dan

begitulah seterusnya. Apakala seseorang itu ditimpa bala, sakit, jatuh miskin, kena tipu atau aniaya dan sebagainya, wajiblah ia tidak berputus asa daripada kelepasan Allah dan daripada keadaan-keadaan seumpama itu. Bahkan wajib ia menyangka baik terhadap Allah Subhanahu Wataala serta percaya bahawa tidak diturunkan segala bala dan bencana itu melainkan diangkat-Nya darjatnya atau dihapuskan dosanya atau digantikan sesuatu yang baik daripadanya apa yang luput daripadanya di dalam dunia.

Hendaklah diketahui bahawa Allah Subhanahu Wataala apabila kasih kepada seseorang atau kepada sesuatu kaum itu, Ia akan turunkan cubaan kepada orang atau kaum itu yang berupa sesuatu yang menyusahkan atau bencana sebagai ujian bagi menilai sejauh mana ketahanan iman mereka. Bagi orang yang benar-benar beriman ianya tidak akan berputus asa dan tetap menaruh sangkaan yang baik ter-

hadap Allah ketika mengalami bencana dan kesusahan itu, dan ia akan terus menerus berikhtiar dan berusaha untuk mengatasinya. Dengan demikian ia akan mendapat ketenangan, rahmat dan keredaan Allah. Sebaliknya bagi orang yang mudah berputus asa dan menyangka buruk terhadap Allah, ia akan terus menerus merasa susah dan gelisah lalu panjanglah penderitaannya, di samping mendapat kemurkaan Allah Subhanahu Wataala dan dijauhkan daripada rahmat dan keampunan-Nya jua.

Dari itu tanamkan perasaan dan sangkaan yang baik terhadap Allah Subhanahu Wataala dan jangan mudah berputus asa daripada rahmat dan keampunan-Nya. Apabila kita dilepaskan daripada sesuatu kesusahan atau penderitaan, janganlah bersikap angkuh dan sombong bahkan hendaklah sentiasa bersyukur di atas nikmat-nikmat Allah Subhanahu Wataala tersebut.



PENGARAH Penerangan, Abd. Ghani Pg. Hj. Metusin menyampaikan cenderamata kepada seorang pegawai Jabatan Penerangan yang telah bersara di Majlis Ramah Mesra Jabatan Penerangan baru-baru ini. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.



PARA pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan ketika hadir di Majlis Ramah Mesra dan seterusnya merayakan pegawai-pegawai yang telah bersara dan bakal-bakal haji jabatan berkenaan. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.

Hasilkan produk dorong masyarakat

BERAKAS. - Pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan diseru supaya meneroka bidang-bidang baru untuk menghasilkan produk-produk 'penerangan' yang boleh mendorong menyedarkan masyarakat ke arah membina keupayaan untuk berdaya saing dan menjadi pemimpin dalam segala bidang.

Ketika membuat seruan itu, Pengarah Penerangan, Abd. Ghani Pg. Hj. Metusin menekankan perlunya pegawai-pegawai jabatan tersebut merancang dan menghasilkan produk-produk baru yang lebih menarik dan berkesan yang boleh mendorong dan menyedarkan masyarakat kepada meningkatkan keupayaan berfikir yang lebih kreatif dan inovatif, keupayaan bekerja dan berusaha, keupayaan berdaya saing dan seterusnya menjadi pemimpin dalam segala bidang yang menjurus kepada pembangunan dan kesejahteraan bangsa dan negara.

"Justeru itu, Jabatan Penerangan memerlukan

Oleh Haji Timbang Bakar

pegawai dan kakitangan yang berwawasan dan komitmen yang tinggi terhadap tugas dan tanggungjawabnya. Itu merupakan kunci utamanya, manakala yang keduanya pula ialah perpaduan dan semangat setia kawan di kalangan kita untuk sama-sama mengangkat imej bangsa dan martabat negara," tegas Pengarah Penerangan di Majlis Ramah Mesra yang diselenggarakan dengan penyampaian cenderamata kepada pegawai-pegawai yang telah bersara dan bakal-bakal haji jabatan berkenaan pada 14 Januari lepas.

Jika wujud perbezaan pendapat, kata Pengarah Penerangan lagi, tidak wajar dijadikan alasan untuk kita tidak boleh bekerjasama di antara satu sama lain.

Beliau juga menyelar sifat-sifat negatif seperti buruk sangka, adu dumba, hasut-menghasut, memburuk-burukkan orang tertentu dan sebagainya, kerana sifat-sifat sedemikian itu semata-mata menyumbang kepada perpecahan yang boleh melemahkan sesebuah organisasi, bahkan menggagalkan usaha-usaha yang hendak diungkayahkan.

Sehubungan itu, Pengarah Penerangan juga menyeru pegawai-pegawai dan kakitangannya, bersempena dengan kedatangan Tahun Baru Masihi 2002 supaya membuat penilaian terhadap diri masing-masing untuk mengukur sejauh mana mereka telah berjaya melaksanakan tanggungjawab selaku warga yang menjelmai Negara Brunei Darussalam atau sejauh mana mereka telah berjaya memimpin keluarga dan anak-anak atau sejauh mana mereka telah menunaikan kewajipan sebagai pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam.

Dan banyak lagi soalan yang perlu ditanya dan dijawab sendiri untuk mengenal pasti tahap atau di peringkat mana kita sudah menunaikan amanah dan kewajipan kita kepada negara, raja, agama, keluarga dan diri kita sendiri, katanya.

"Natijah atau hasil dari pemeriksaan ke atas diri sendiri itu sudah tentu akan mencipta satu matlamat dan keyakinan dalam minda kita. Bertitik tolak dari sana akan terbina pula kekuatan untuk menggarap dan menggapai tindakan-tindakan yang positif serta langkah-langkah yang konkrit bagi memastikan kejayaan dan kecemerlangan akan menjadi milik kita," jelas Pengarah Penerangan lagi.

Namun katanya, semua itu masih bergantung kepada 'nawaitu' kita kerana 'nawaitu' atau niat kita akan mendasari segala tindak-tanduk kita.

Selaku 'orang penerangan' kata Pengarah Penerangan lagi, kita perlu mengisi kehidupan masyarakat di negara ini dengan maklumat yang cukup dan berwibawa sebagaimana yang dituntut oleh misi jabatan kita iaitu Membudayakan Masyarakat Bermaklumat. Maka adalah dijangkakan kewibawaan kita akan lebih tercabar di tahun 2002 ini.

Katanya, walaupun kita memasuki era 2002 dalam suasana yang selesa dan sejahtera, namun bukan bermakna ia suatu isyarat kita boleh 'longgar' dalam menunaikan amanah dan tanggungjawab kita. Sebaliknya ia adalah ajakan supaya kita meningkatkan lagi mutu kerja dan tampil dengan perubahan dan pembaharuan yang boleh menyumbang kepada kecemerlangan bangsa dan negara.

Pengarah Penerangan juga memuji semangat perpaduan, kerjasama dan setia kawan di kalangan pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan. Beliau yakin sifat-sifat terpuji itu telah menjadi salah satu faktor penyumbang kepada kejayaan jabatan tersebut.

"Cuma, kalau diibaratkan sebuah rumah, saya melihat masih ada yang bocor dan perlu ditambah dan mungkin juga ada gelagar yang perlu ditongkat atau kalau perlu diganti dengan yang baru kalau tidak dapat diusahai atau diperbaiki dan sebagainya," katanya.

Dalam kesempatan itu juga Pengarah Penerangan mengumumkan bahawa pada bulan April 2002, jabatan tersebut akan mengadakan Sambutan Jubli Emas memperingati 50 tahun penubuhan Jabatan Penerangan yang merupakan peristiwa penting negara.

BELIAU juga menyelar sifat-sifat negatif seperti buruk sangka, adu dumba, hasut-menghasut, memburuk-burukkan orang tertentu dan sebagainya, kerana sifat-sifat sedemikian itu semata-mata menyumbang kepada perpecahan yang boleh melemahkan sesebuah organisasi dan bahkan menggagalkan usaha-usaha yang hendak diungkayahkan.

Para penuntut di United Kingdom gembira, menjunjung kasih

LONDON. - Para penuntut Negara Brunei Darussalam di United Kingdom dan Republik Ireland menyatakan rasa gembira dan menjunjung kasih di atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam serta ahli-ahli kerabat diraja di Majlis Ramah Mesra Bersama Penuntut-penuntut dan Rakyat Negara Brunei Darussalam di United Kingdom dan Republik Ireland di sini pada 20 Januari lepas.

"Kami merasa gembira dan menjunjung kasih kerana berkesempatan menjunjung ziarah dan beramah mesra bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri serta ahli-ahli kerabat diraja," ujar Dayang Nurfariza binti Haji Abdul Razak

Oleh
Pg. Hj. Bahar PHO

yang menuntut di South Bank University.

Bagi Dayang Kho Chia Mien, seorang penuntut di bidang farmasi di Pharmacist Pre-Reg-Boot's London School of Pharmacy, di samping merasa gembira kerana berkesempatan bertemu dan beramah mesra dengan baginda dan ahli-ahli kerabat diraja, beliau juga berpeluang bergambar bersama baginda dan ahli-ahli kerabat diraja.

Dayang Normuizzah binti Haji Samat, penuntut di Goldsmith College, University of London; Dayangku Norazieda binti Pengiran Haji Mohd. Yassin, penuntut di University of Birmingham dan Awang Mohamed Raymie bin Haji Othman yang menuntut dalam bidang 'chemistry' di University of Liverpool juga berkongsi kegembiraan yang sama dan menjunjung kasih ke hadapan majlis baginda dan ahli-ahli kerabat diraja.

Berangkat sama di majlis yang berlangsung di sebuah hotel terkemuka itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran

Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Lebih 1,000 orang penuntut dan rakyat Negara Brunei Darussalam yang berada di United Kingdom dan Republik Ireland menghadiri majlis berkenaan termasuk 760 orang penuntut yang berdaftar dengan Pejabat Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di London.



DAYANG Normuizzah binti Haji Samat, penuntut di Goldsmith College, University of London.



DAYANG Nurfariza binti Haji Abdul Razak, penuntut dari South Bank University.



DAYANGKU Norazieda binti Pengiran Haji Mohd. Yassin, penuntut University of Birmingham.



AWANG Mohamed Raymie bin Haji Othman, penuntut di University of Liverpool.



DAYANG Kho Chia Mien, penuntut dalam bidang farmasi di London School of Pharmacy.

MINDA PEMBACA MINDA PEMBACA MINDA PEMBACA

Ibu bapa mainkan peranan penting

DALAM pengertian kita sendiri keluarga bererti ada ibu bapa, adik, kakak, abang, datuk, nenek dan saudara mara yang mempunyai hubung kait dengan keluarga kita. Untuk membentuk sebuah keluarga yang bahagia dalam melahirkan masyarakat dan generasi yang berakhlak baik dan sempurna memerlukan kerjasama dari semua pihak. Sudah tentunya keluarganya yang paling banyak memainkan peranan dalam pembentukan sesebuah keluarga itu.

Dalam menghadapi kehidupan yang serba mencabar ini, kita tentunya amat memerlukan keluarga untuk berada dalam sama-sama menjalani kehidupan bermasyarakat yang penuh dengan pelbagai cubaan dan cabaran bagi pembentukan akhlak dan peribadi yang mulia. Ibarat kata pepatah 'berat sama dipikul ringan sama dijinjing' sikap beginilah yang perlu ada dalam setiap individu. Tanpa keluarga siapakah kita sebenarnya?

Selain daripada ibu bapa dan penjaga yang memainkan peranan penting dalam pembentukan sebuah unit keluarga yang kukuh dan harmoni, kerjasama dari semua pihak juga adalah diperlukan untuk menangani sebarang masalah sosial bagi mewujudkan masyarakat yang berwibawa.

Bagi mencapai hasrat tersebut, penjagaan, pengawasan dan pemeduliaan hendaklah dipertingkatkan, di samping itu rasa kasih sayang dan tanggungjawab hendaklah seiring dengan apa yang diusahakan untuk hasil yang memuaskan. Dari sikap dan sifat tersebut bukan sahaja dapat mengeratkan serta mengukuhkan perhubungan kekeluargaan tersebut tetapi dari sinilah lahirnya sebuah keluarga yang bahagia dan harmoni.

Di samping pemeduliaan yang berterusan, pendidikan dan penghayatan ajaran agama yang kukuh perlulah diterapkan dalam minda dan pemikiran anak-anak sebagai panduan kehidupan di dalam hubungan kekeluargaan. Rasa kekeluargaan di dalam diri kita dapat membentuk dalam pembinaan masyarakat penyayang yang penuh dengan sikap dan rasa tanggungjawab.

Sikap bergotong-royong, bantu-membantu dan bekerjasama dalam menangani sesuatu masalah akan mempermudah dan mempercepatkan sesuatu tugas tersebut. Sikap tidak camah mata di kalangan kita dapat mengeratkan lagi tali silaturahmi sesama kita utamanya di dalam hubungan kekeluargaan. Rasa kekeluargaan di dalam diri kita dapat membentuk dalam pembinaan masyarakat penyayang yang penuh dengan sikap dan rasa tanggungjawab.

Untuk melahirkan masyarakat yang berpendidikan, berilmu, berakhlak mulia dan beriman memerlukan sebuah keluarga yang baik dan bahagia yang tentunya akan menguntungkan keluarga, masyarakat dan negara di masa akan datang.

Dari itu institusi keluarga memainkan peranan yang amat penting sebagai asas pembinaan masyarakat yang berguna di masa hadapan. Dengan bekalan kasih sayang dan rasa tanggungjawab bersama-samalah kita berusaha melindungi keluarga kita daripada anasir-anasir yang boleh membawa kepada kehancuran dan kemusnahan. Tindakan masalah dengan sebijak-bijaknya dan ingatkan keluarga adalah amanah Allah kepada kita.

Dayang Kamsiah binti Haji Kahar,
No. 60, Simpang 40, Kampong Sungai Akar,
Jalan Sungai Akar, BC 3915.
No k/p : 252597

Institusi keluarga perlu diperkukuh

KEMAJUAN dan kecanggihan dunia kini sering mengundang perpecahan dan kurangnya daya keimanan yang kukuh sehingga soal kemasyarakatan menjadi huru-hara dan berlakulah kehancuran bangsa dan yang lebih dahsyat adalah kepongkongan agama. Konsepualisasi dalam pembinaan masyarakat terletak kepada institusi keluarga yang dinamik dan berkualiti. Ini kerana asas perpaduan dalam memberikan keimanan yang kukuh adalah bermula dari institusi keluarga yang berkualiti. Jika sesebuah keluarga cetek dan tidak tahu mengenai agama sudah tentunya kefasihan, kesesatan dan kejahatan di antara masyarakat akan wujud sehingga kepentingan asas dalam keluarga tidak tercapai. Iman merupakan wadah utama dalam memimpin dan memajukan anasir buruk meresap ke dalam jiwa masyarakat sejagat lebih-lebih lagi di zaman globalisasi ini.

Kepentingan bersatu padu dalam membangunkan masyarakat dari kehancuran dan kejahatan juga asas yang boleh dikatakan sangat penting dan berkesan. Kemantapan dan kekukuhan masyarakat sejagat akan semakin kuat dengan adanya institusi keluarga yang beriman, akidah yang mantap dan betul.

Dalam kepentingan bersatu padu, soal akidah juga merupakan penentuan dan hala kehidupan yang berkualiti. Majoriti orang Islam menurut Ahli Sunnah Wal-Jamaah adalah perlu diikuti dan mazhab ini adalah benar-benar betul, tidak ada keraguan di dalamnya. Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam menegaskan di dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah daripada Anas bin Malik Radiallahuanhu.

"Dan bahawasanya umatku akan berpecah kepada 27 firqah (kumpulan) kesemuanya masuk neraka kecuali satu iaitu Ahli Sunnah Wal-Jamaah."

Asas kepercayaan dalam berkeluarga untuk membina masyarakat mesti berpegang pada satu akidah. Ini kerana kepercayaan yang dianuti akan mencorak masyarakat kepada lebih mantap lagi.

Di samping itu soal akidah dijadikan pelapis atau kepercayaan yang mantap kita juga diseru dalam agama Islam sendiri iaitu menegakkan hukum Allah. Masyarakat Islam diseru untuk menegakkan syiar Islam dan mengamalkan hukum Islam yang lima iaitu wajib, sunat, makruh, harus dan haram. Jika tiada persepakatan demi menegakkan hukum Allah, maka kejahatan akan wujud dan masyarakat Islam akan mengalami kelemahan yang dahsyat kerana perbezaan kehidupan di antara umat Islam lain supaya bersatu padu tidak akan wujud. Perlunya menegakkan hukum Allah dalam kehidupan merupakan hikmah yang berpanjangan di dunia dan di akhirat.

Mempertahankan sifat baik dan menanamkan saksiah yang tinggi kepada generasi dalam kekeluargaan pada setiap masa di sekolah atau di luar rumah. Kalau semua masyarakat menanti dan mendukung perbuatan-perbuatan baik

sudah tentunya bersatu padu akan menjadi realiti yang sebenar (hakiki). Jika sebaliknya iaitu tidak mengamalkan perbuatan baik maka masyarakat tidak akan dapat bersatu padu untuk membina masyarakat kerana berlaku jurang perbezaan di kalangan masyarakat sekeliling. Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala di dalam Surah Al-Maa'idah ayat 2 yang tafsirannya:

"Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa. Dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksud) dan pencemburuan. Dan bertakwalah kepada Allah kerana sesungguhnya Allah Maha Berat Azab Seksa-Nya (bagi siapa yang melanggar perintah-Nya)."

Asas yang keempat adalah memberantas kemungkaran dalam masyarakat untuk sama-sama mengetahui akan kesan yang melakukan kemungkaran. Kemungkaran tidak akan dapat diatasi jika masyarakat tidak bekerjasama untuk menghindarinya.

Dan asas yang terakhir ialah mengenal kawan dan lawan. Kawan ialah orang yang membantu dan menolong dalam menegakkan syiar Islam dan siapa yang membantunya dia adalah kawan dan musuh yang paling jahat. Mereka ini cuba memesonkan akidah dan akan menghancurkan masyarakat Islam. Setiap keluarga mesti menjaga dan memberi peringatan dalam anggota keluarga untuk mengenal siapakah kawan dan siapakah lawan yang sebenar supaya kita tidak akan hancur sesama sendiri. Kita sepatutnya menerima kawan sebagai kawan dan mengenal lawan sebagai lawan. Jika wujud masyarakat yang menerima kawan sebagai kawan dan menerima lawan sebagai kawan perpecahan antara kita akan wujud dan permusuhan yang berpanjangan akan sentiasa berterusan.

Sebagai kesimpulannya, institusi keluarga merupakan asas membina masyarakat, maka asas yang dijana dengan akidah yang betul menegakkan hukum Allah mengamalkan kebaikan, memberantas kemungkaran dan mengenal kawan dan lawan adalah 'main power' atau jentera penggerak untuk mencapai asas kemasyarakatan. Jika tidak wujud asas dalam kemasyarakatan maka kehancuran, perpecahan, kejahatan dan kesesatan akan terjadi semakin bahaya dan sangat kronik jika ia tidak dirawat dengan asas yang penting tadi. Maka institusi keluarga terlebih dahulu disemai bagi mencapai asas-asas yang penting untuk sama-sama membina masyarakat ke arah kecemerlangan bernegara.

Awang Muhammad Zafreen bin Mohd Said,
No. 18B, Kampong Sungai Kebun, BK 2325.
No. k/p : 294714

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Huraikan Tema Hari Kebangsaan Tahun Ini: Memperkasa Keupayaan Bangsa'. Tarikh tutup 9 Februari, 2002.
2. 'Hari Kebangsaan Lambang Perpaduan. Bincangkan'. Tarikh tutup 16 Februari, 2002.
3. 'Rasuah - Mengapa Terjadi dan Huraikan'. Tarikh tutup 23 Februari, 2002.

Pendapat awda hendaklah ditaja jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

<http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita1.htm>
email: pelita@brunet.bn

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Institusi Keluarga Asas Pembinaan Masyarakat. Bincangkan'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut :

Kegiatan antisosial mesti dicegah

KELUARGA asas adalah terdiri daripada kedua-dua ibu bapa dan anak-anak. Dalam pada itu, pembinaan masyarakat adalah bermula daripada peringkat awam iaitu dalam lingkungan keluarga asas. Dalam segala hal memang keluarga memainkan peranan yang penting dalam kehidupan seharian. Bilamana keluarga kelihatan pudar maka ini akan mempengaruhi pembinaan masyarakat. Masyarakat yang harmoni dan bahagia adalah bertitik tolak melalui keluarga yang aman damai.

Namun perasaan kasih sayang dan hormat-menghormati antara satu sama lain adalah penting dan perlu diperkukuh. Apa tidaknya ia merupakan asas kepada kekukuhan dan kemantapan institusi keluarga. Malahan juga kepada masyarakat dan negara pada umumnya.

Dalam pada itu juga, hendaklah setiap ahli keluarga di negara ini sentiasa berwaspada adanya pengaruh negatif sosial yang tidak terbatas. Janglah dianggap suatu perkembangan di zaman moden ini sebagai alasan kepada keruntuhan akhlak di kalangan anak-anak muda. Dalam peribahasa ada mengatakan 'lentur buluh biarlah dari rebungunya' yang boleh digunapakai sebagai teladan bersama.

Dari itu seharusnya institusi keluarga sentiasa bersatu padu dan bekerjasama dalam mengawasi kegiatan-kegiatan yang membawa kepada kekosongan dan keruntuhan dalam pembinaan masyarakat sepenuhnya. Jadi, segala kegiatan sosial yang negatif mesti dicegah secara bersatu padu. Adapun perlunya mengadakan perundingan dengan semua agensi yang berkenaan dalam sama-sama memberikan bimbingan supaya mereka kembali kepada masyarakat.

Dari itu, institusi keluarga adalah bertanggungjawab sepenuhnya dalam membantu untuk mewujudkan masyarakat yang penyayang dan bertanggungjawab. Jadilah sebuah masyarakat yang utuh demi bangsa dan negara yang tercinta. Dengan itu juga pembinaan masyarakat yang kukuh lagi harmoni adalah di dasari daripada kemandirian asas institusi keluarga itu sendiri.

Selagi hidup dalam gelombang arus pemeduliaan, seharusnya setiap insan terutama sekali ketua dalam keluarga, hendaklah sentiasa mengambil berat mengenai kehidupan anak-anak. Dalam erti kata yang lain, kesibukan ibu bapa bukan penghalang kepada ketidakpedulian mereka terhadap anak-anak. Walaupun pada masa ini kedua-dua ibu bapa sibuk dengan pekerjaan ataupun dalam kegiatannya bersama badan-badan kebajikan masing-masing, ianya sepatutnya sentiasa ingat akan tanggungjawab dan perhatiannya terhadap keluarga dan rumah tangga.

Janganlah sehingga dianggap lalai akan tanggungjawab masing-masing, walhal pemberian masa yang secukupnya iaitu 'quality of time' kepada anak-anak adalah sememangnya penting. Ini kerana anak-anak memerlukan belaian kasih sayang dari ibu bapa mereka. Kualiti dan pemberian masa yang secukupnya adalah mustahak dititikberatkan lebih-lebih lagi dalam suasana hidup masa kini.

Menyentuh mengenai belaian kasih sayang ini memang ada dalam keluarga itu sendiri. Ini yang bertitik tolak dengan kecenderungan setiap individu agar sentiasa ada sikap pemeduliaan di antara satu sama lain.

Dayang Hajah Ostinah binti Haji Othman,
No. 9, Simpang 14,
Jalan Padnunuk,
Kampong Lamunin
Tutong, TG 2343.
No. k/p : 271949

KELAHIRAN pramasa bermakna kelahiran sebelum minggu ke-27 kehamilan. Kehamilan normal biasanya adalah kira-kira 40 minggu selepas hari pertama haid terakhir.

Kelahiran pramasa berlaku di kalangan kira-kira 6 - 10 peratus kehamilan. Bahaya kelahiran pramasa adalah kerana ianya boleh mengakibatkan kelahiran anak damit yang belum menjadi sepenuhnya dan oleh yang demikian mempunyai risiko-risiko komplikasi yang termasuk:

* Paru-paru mungkin belum matang yang mana menyebabkan anak damit mungkin perlu diberi alat bantuan pernafasan.

* Mungkin sukar bagi anak damit berkenaan untuk mengekalkan suhu badan normal dan ini menyebabkan ianya perlu ditempatkan di tempat yang panas.

* Anak damit berkenaan mungkin mempunyai masalah susah menelan/menghisap yang mana ia perlu diberi makan melalui jarum yang dimasukkan ke dalam urat atau tube yang disalurkan melalui hidung.

* Komplikasi-komplikasi lain termasuk meningkatnya risiko jangkitan atau pendarahan di dalam otak yang belum berkembang sepenuhnya yang mempunyai risiko-risiko komplikasi yang tinggi.

Dari itu adalah penting bagi pesakit-pesakit yang mengalami tanda-tanda seperti yang dinyatakan di bawah ini supaya mereka segera datang ke klinik-klinik tertentu semasa waktu bekerja atau wad-wad bersalin selepas waktu bekerja.

Tanda-tanda yang perlu diambil perhatian ialah:

* Contraction (mengencang serta mengeras di bahagian peranakan) berlaku selama lebih dari empat jam.

* Sakit di bahagian bawah perut (sama seperti sakit datang haid).

* Sakit belakang.

**OLEH DR. ON FEI WEN,
Pegawai Perubatan Kanan,
Rumah Sakit Raja Isteri
Pengiran Anak Saleha**



* Cecair/darah yang keluar dari kemaluan.

FAKTOR-FAKTOR RISIKO

Sebilangan pesakit-pesakit mungkin mengalami kelahiran pramasa jika:

- Dia sebelumnya mempunyai sejarah kelahiran pramasa.

- Dia mengandung lebih dari seorang anak (kembar).

- Dia berumur kurang dari 18 tahun atau lebih dari 40 tahun.

- Dia tidak mempunyai penjagaan sebelum mengandung.

- Dia merokok atau memakan dadah-dadah yang berbahaya.

- Dia hamil semasa sedang menggunakan alat IUCD, seperti Nova T.

Mirena dan alat berkenaan masih berada di tempat asal semasa mengandung.

- Dia menghidap jangkitan servik, seperti Group B Streptococci, Gonorrhea, Chlamydia.

APABILA BERADA DI HOSPITAL

Para ibu mengandung akan dirawat oleh seorang doktor yang akan memeriksa sama ada akan melahirkan atau tidak. Pemeriksaan 'pelvic' mungkin akan dilakukan untuk menentukan sama ada serviks terbuka atau tidak. Anak damit juga akan diperiksa dengan memantau degupan jantungnya. Sejenis mesin akan digunakan untuk mencatat apa jua 'uterine contraction' yang mungkin dialami.

Jika para ibu berada di

Kelahiran pramasa

dalam keadaan akan bersalin awal, akan ditahan di hospital untuk berehat.

Mereka juga akan diberi ubat untuk menghentikan atau memperlambatkan 'contraction'. Tujuan ini adalah untuk melambatkan kelahiran supaya paru-paru dan organ-organ lain anak damit berkenaan boleh berkembang. Ibu juga mungkin diberi ubat steroid untuk mempercepatkan perkembangan paru-paru anak damitnya. Steroid diberi dalam dua peringkat dos, 12 jam sekali.

Jika 'contraction' tersebut berhenti, ibu berkenaan bolehlah balik ke rumah.

Jika ibu yang mengandung berada di dalam keadaan kelahiran pramasa, ibu berkenaan akan dibenarkan melahirkan awal oleh sebab-sebab indikasi-indikasi seperti chorioamnionitis (jangkitan ke atas cecair yang mengelilingi anak damit) atau penyakit-penyakit seperti preeclampsia (tekanan darah yang tinggi yang berlaku semasa mengandung).

Oleh yang demikian, perkara yang penting yang boleh lakukan jika para ibu mengandung mahu mendapat anak yang sihat,



GAMBAR HIASAN ... Jururawat sentiasa memberikan bantuan dan didikan kepada para ibu penjagaan anak damit mereka.

sentiasalah mendapatkan rawatan sebelum bersalin yang mencukupi dan awal-awal yang boleh. Dengan cara demikian, pastikan berada dalam keadaan

kesihatan yang paling baik sebelum mengandung.

Adalah dinasihatkan sekali lagi, jika ibu yang mengandung mengalami

apa jua tanda-tanda yang telah disebutkan di atas, adalah penting untuk datang ke klinik atau wad bersalin jika tanda-tanda berkenaan tidak berhenti.

TANDA-TANDA AMARAN KELAHIRAN PRAMASA



TANDA-TANDA BEGINI JANGAN DIABAIKAN. SETENGAH DARI PADA SEMUA KELAHIRAN PRAMASA BERLAKU KEATAS WANITA YANG TIDAK MEMPUNYAI FAKTOR-FAKTOR RISIKO YANG DIKETAHUI

APA YANG PERLU DIBUAT

Hentikan apa saja yang sedang dilakukan

Baring di sebelah kiri

Minum beberapa gelas air

Rasa perut dayang untuk mengetahui jika dayang boleh rasai Uterus mengeras

JIKA TANDA-TANDA MAKIN TERUK ATAU TIDAK HILANG DALAM JANGKA MASA SATU JAM



TELEFON BILIK BERSALIN ATAU HOSPITAL YANG TERDEKAT

JIKA TANDA-TANDA HILANG, TETAPI KEMBALI LAGI

Jika tanda-tanda hilang dan tidak kembali, terangkan kepada doktor apabila dayang ke klinik.

DOKTOR BOLEH MEMBANTU DAYANG JIKA DAYANG MEMPUNYAI TANDA-TANDA AWAL. INGAT, KELAHIRAN PRAMASA BOLEH TERJADI KEPADA SESIAPA SAJA



GAMBAR HIASAN ... Doktor akan sentiasa memberikan nasihat dan panduan kepada para ibu mengenai penjagaan anak damit mereka sejak dilahirkan hingga berumur lima tahun.

Menuntut ilmu suatu kewajiban

Dari muka 1

telah dapat mengubah pemikiran dan sikap kehidupan manusia khususnya orang Islam. Oleh kerana kehebatan ilmu pemikiran mereka, orang-orang Barat telah mengambil dan menghilangkan nama pemikiran dan cendekiawan Islam ini dengan menggantikan pemikir-pemikir Barat. Bagaimanapun sejarah dan fakta itu tidak pernah terbongkar, penipuan orang-orang Barat yang kononnya sebagai mula mendapati ilmu yang diperolehi mereka sebenarnya adalah satu penipuan dan pembongkaran kepada masyarakat antarabangsa. Ilmu-ilmu yang diperolehi mereka itu telah terbongkar, sebenarnya adalah milik dan diasaskan oleh cendekiawan-cendekiawan Islam seperti nama-nama yang disebutkan di atas tadi.

Di dalam agama Islam, para cendekiawan Islam mempunyai martabat serta kedudukan yang tinggi dan mulia. Ini selaras dengan sabda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud:

"Para ulama (cendekiawan) mempunyai kedudukan yang lebih tinggi dari kedudukan orang-orang Mukmin dengan 700 darjat, di mana tiap-tiap darjat sejauh 50 tahun perjalanan."

Di samping itu, para cendekiawan ini juga sebagai pemimpin yang memandu umat Islam daripada kemunduran, penyimpangan serta jatuh ke lembah yang hina. Perkara tersebut ada dinyatakan oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dalam sebuah hadis Baginda yang bermaksud:

"Aku bertanya kepada Jibril tentang para ahli ilmu. Jibril menjawab, mereka itu adalah pelita bagi umatmu di dunia dan di akhirat. Berbahagialah mereka yang mahu mengerti tentang mereka dan celakalah mereka yang membenci dan memurkainya."

Oleh itu, kita sebagai umat Islam yang unggul janganlah memandang rendah para ulama atau cendekiawan Islam atau menjatuhkan martabat mereka. Bahkan kita mestilah meletakkan atau menempatkan mereka itu di suatu tempat yang tinggi dan mulia. Sebagai contoh melalui Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengangkat taraf jawatan Mufti adalah suatu jawatan yang amat dihormati dan dimuliakan, khususnya dalam memberikan sumbangan pendapat dan pemikiran dalam membentuk sebuah negara yang mengamalkan Islam sebagai agama rasmi sesuai dengan falsafah negara Melayu Islam Beraja. Di dalam sebuah hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, Baginda ada menegaskan agar orang-orang yang berilmu itu ditempatkan di suatu tempat yang sesuai.

"Diriwayatkan dari Anas bin Malik Radiallahuanhu, dia telah berkata bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda, menuntut ilmu wajib ke atas setiap orang Islam. Dan orang yang meletakkan ilmu bukan pada tempatnya adalah seperti orang yang menghias babbab dengan permata dan mutiara dan emas." - (Diriwayatkan oleh Ibnu Majah).

Jelaslah bahawa para cendekiawan Islam itu mempunyai kedudukan yang cukup istimewa dalam kehidupan umat Islam. Justeru, sesiapa saja yang meletakkan para cendekiawan itu di tempat yang tidak sepatutnya maka orang itu tergolong ke dalam orang-orang yang hina.

ILMU SEKULAR DAN ISLAM

Pada masa sekarang, kita dapat melihat ada dua bentuk ilmu pengetahuan yang sedang dituntut oleh manusia sama ada yang bukan Islam mahupun yang Islam iaitu ilmu sekular dan Islam. Adapun ilmu yang berbentuk sekular ini telah diperkenalkan oleh orang-orang Barat. Mereka ini telah memisahkan ilmu pengetahuan. Mereka berpendapat bahawa agama telah menyebabkan sesebuah bangsa itu mengalami kemunduran.

Ini berbeza dengan agama Islam yang lebih menitikberatkan soal agama dalam mengejar ilmu pengetahuan. Dengan kata-kata lain, agama dan juga ilmu merupakan dua elemen yang tidak dapat dipisahkan.

Bahkan kedua-dua elemen tersebut mempunyai hubungan yang erat seperti mata rantai yang saling berkaitan.

Di dalam era globalisasi ini, kita sendiri dapat melihat dengan mata kasar bahawa ilmu yang diperkenalkan oleh orang-orang Barat iaitu ilmu sekular lebih disanjung tinggi oleh masyarakat dunia. Perkara tersebut tidak terkecuali bagi kebanyakan umat Islam. Ilmu sekular yang diasaskan oleh orang-orang Barat ini diangkat serta dianggap ilmu penting dalam kehidupan serta dapat membawa manusia ke arah kemajuan bangsa dan juga negara. Mereka tidak sedar bahawa sumber ilmu sekular itu pada mulanya berorientasikan Islam dan dilahirkan oleh para cendekiawan Islam seperti ilmu astronomi, matematik, ilmu alam, ilmu kedokteran, ekonomi dan banyak lagi. Perkara tersebut pernah dinyatakan oleh Profesor Dr. Charles Singar bahawa ilmu kedokteran yang ada di Eropah diperolehi daripada orang-orang Islam kerana sebelum itu mereka tidak mempunyai ilmu pengetahuan dalam bidang tersebut. Bahkan di dalam Al-Quran sendiri banyak mengandungi ilmu-ilmu yang berkaitan dengan kehidupan kita. Di samping itu, ilmu-ilmu yang ada dalam Al-Quran itu telah dijadikan sumber bagi orang-orang Barat untuk kemajuan bangsa dan negara mereka. Apa yang menyedihkan di sini ialah kebanyakan kita umat Islam tahu membaca Al-Quran tetapi tidak memahami isi Al-Quran itu sendiri. Apatah lagi untuk mengambil manfaat daripadanya. Di dalam perkara ini Allah Subhanahu Wataala ada berfirman dalam Surah Al-Baqarah ayat 269 yang bermaksud:

"Allah menganugerahkan al-hikmah (kefahaman yang dalam tentang Al-Quran dan As-Sunnah) kepada siapa yang Dia kehendaki. Dan barang siapa yang dianugerahi al-hikmah itu, dia benar-benar telah dianugerahi kurnia yang banyak. Dan hanya orang-orang yang berakallah yang dapat mengambil pelajaran (dari firman Allah)."

Daripada ayat Al-Quran di atas itu jelaslah bahawa hanya orang-orang yang berakal iaitu yang mempunyai ilmu pengetahuan sahaja yang akan beroleh hikmah daripada Allah Subhanahu Wataala.

ILMU BERORIENTASIKAN ISLAM

Di dalam agama Islam terdapat empat sumber ilmu pengetahuan. Pertama, Al-Quran; kedua, As-Sunnah; ketiga, Ijmak dan keempat, Qias. Di antara keempat-empat itu, Al-Quran merupakan sumber yang penting dan menjadi panduan di dalam kehidupan termasuklah di dalam menuntut ilmu. Seperti yang telah diterangkan sebelum ini bahawa Al-Quran itu banyak mengandungi pelbagai jenis ilmu pengetahuan yang perlu diterokai oleh umat Islam bukan hanya sekadar tahu membacanya.

Walaupun pada masa sekarang ini perkembangan ilmu sekular semakin maju namun ini tidak berarti kita umat Islam tidak boleh mempelajari ilmu tersebut. Akan tetapi kita mestilah mempelajari ilmu tersebut dengan niat 'Lillahi Taala' dan mengambil semua ilmu yang bermanfaat dan berguna. Semua ilmu yang kita peroleh itu mestilah dikaitkan dan dilihat dari sudut perspektif Islam agar ilmu itu lebih berorientasikan Islam. Adapun tujuan utama ilmu yang mentauhidkan Islam itu ialah untuk memperkukuhkan agama Islam seterusnya mentauhidkan serta mengagungkan kebesaran Allah Subhanahu Wataala yang mencipta alam semesta ini.

Di dalam ilmu kaji alam umpamanya, orang-orang Barat lebih maju baik dari segi pemikiran mahupun teknologi yang diciptakan jika dibandingkan dengan umat Islam pada masa sekarang ini. Walau bagaimanapun, mereka ini telah mengeneipkan aspek agama dalam kajian mereka. Maka di sinilah perlunya kita umat Islam untuk mempelajari dan mengambil manfaat dari ilmu mereka itu dan kita hubungkan dengan aspek agama Islam. Begitu juga dengan ilmu kaji hayat, kita mestilah mempelajarinya serta menghubungkannya dengan Al-Quran. Kita ambil satu contoh mengenai kejadian manusia. Di dalam tubuh manusia itu terdiri daripada beberapa organ termasuklah tulang, urat saraf, darah, otak dan seumpamanya. Di dalam Al-Quran jelas ada menyatakan tentang kejadian manusia seperti dalam Surah Al-Mu'minuun ayat

12 - 14. Di samping itu, kesemua organ-organ yang ada pada tubuh diri manusia itu tersusun begitu rapi. Kita ambil saja satu contoh otak manusia. Allah Subhanahu Wataala telah menempatkan otak ini di dalam kepala yang berada di atas sekali. Ini menunjukkan bahawa martabat otak itu tinggi dan mulia. Ini terbukti bahawa ketinggian serta kemuliaan martabat manusia itu adalah disebabkan oleh akal fikiran (otaknya) bukan latar belakangnya. Justeru itulah, ilmu yang berorientasikan Islam itu penting di dalam mentauhidkan serta mengagungkan kebesaran segala ciptaan Allah Subhanahu Wataala.

ILMU MENEGAKKAN AGAMA ISLAM

Di dalam Surah Al-Maa'idah ayat 3, Allah Subhanahu Wataala ada berfirman yang tafsirnya:

"... Pada hari ini telah Ku-sempurnakan untuk kamu agamamu dan telah Ku-cukupkan kepadamu nikmat-Ku dan telah Ku-redai Islam itu jadi agama bagimu ..."

Daripada firman Allah Subhanahu Wataala itu, jelaslah kepada kita mengapa agama Islam mewajibkan ke atas setiap orang Islam itu menuntut ilmu pengetahuan. Ini adalah kerana, agar agama Islam itu dapat berdiri dengan kukuh dan terjamin serta dapat dihindari daripada ajaran yang menyesatkan umat Islam.

Sejak zaman Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam lagi, orang-orang kafir berusaha untuk menyekat umat Islam daripada mentauhidkan Allah Subhanahu Wataala. Kita lihat saja semasa zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, ada di kalangan orang-orang kafir yang cuba memperkatakan ayat suci Al-Quran dan ingin mengubah isi kandungannya namun semua perkara tersebut telah menemui kegagalan. Dalam Al-Quran sendiri ada menyatakan perkara tersebut. Bahkan isi Al-Quran itu akan tetap terpelihara hingga Hari Akhirat seperti firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Hijr ayat 9 yang bermaksud:

"Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Quran dan sesungguhnya Kami benar-benar memeliharanya."

Walaupun perkara tersebut sudah lama berlaku namun kaum kafir belum berpuas hati dan mereka sentiasa berusaha untuk memecah-belahkan umat Islam. Kaum kafir ini mengetahui bahawa kekuatan umat Islam terletak pada 'perpaduan ummah' dan untuk memecahkannya bukanlah sesuatu yang mudah. Dengan kurangnya ilmu pengetahuan serta pemikiran yang tidak begitu mendalam terhadap agama Islam maka di sinilah strategi kaum kafir untuk memecah-belahkan umat Islam. Dengan berbekalkan ilmu pengetahuan serta pemikiran tentang agama Islam yang cetek atau 'tuhur', kita umat Islam sekarang ini yang berada dalam era globalisasi telah menghadapi dilema dan hambatan yang cukup kencing daripada kaum kafir yang berusaha untuk meruntuhkan agama Islam.

Kita sekarang jangan hanya sering berbicara 'Islam adalah agama ad-din' tetapi kita mesti sama-sama berfikir bagaimana cara atau langkah untuk memantapkan lagi agama Islam sebagai agama ad-din daripada disuntik oleh pemikiran-pemikiran Barat yang sekular itu. Justeru, kita sebagai umat Islam mestilah menitikberatkan terhadap perkembangan ilmu pengetahuan dan juga pemikiran umat Islam yang berorientasikan Islam. Ilmu pengetahuan dan juga pemikiran tentang agama Islam yang kita miliki mestilah diasah dan dipertajamkan lagi demi memastikan segala pengaruh-pengaruh terutama pemikiran sekular yang cuba menjatuhkan martabat agama Islam dapat ditangkis.

Baik pada masa sekarang mahupun sebelum kita sendiri melihat dan menyaksikan perpecahan di kalangan umat Islam yang disebabkan oleh kececekan serta kejahilan terhadap ilmu pengetahuan dan pemikiran agama Islam. Disebabkan oleh kececekan dan juga kejahilan ilmu pengetahuan serta pemikiran tentang agama Islam itulah, sesetengah umat Islam mudah saja menerima tanpa berfikir secara mendalam apa-apa sahaja pemikiran daripada orang-orang Barat yang berfikirkan sekular. Sebagai contoh, isu Unidentified Flying Object (U.F.O.) yang menjadi isu hangat sebelum ini merupakan suatu cerita rekaan orang-orang Barat yang berfikirkan sekular. Mereka mengatakan bahawa U.F.O. ini merupakan makhluk asing atau 'aliens', kebanyakan kita umat Islam terpengaruh dan mempercayai perkara tersebut, sedangkan itu hanya cerita dongeng yang hanya direka oleh mereka sendiri. Ini juga bererti, mereka itu mengakui bahawa makhluk asing atau 'aliens' itu mampu untuk mencipta teknologi yang lebih canggih daripada manusia dan dengan teknologi yang diciptakan itu, makhluk asing tersebut mampu untuk sampai ke bumi, sedangkan manusia sendiri hanya setakat mampu sampai ke bulan tapi tidak mampu sampai ke planet lain. Bahkan mereka itu juga secara tidak langsung mengakui bahawa makhluk asing atau 'aliens' itu, mempunyai akal atau pemikiran yang jauh lebih maju berbanding dengan manusia. Cuba kita teliti isi kandungan dalam Al-Quran mengenai martabat dan kedudukan manusia, jelas menunjukkan bahawa manusia itu merupakan sebaik-baik kejadian makhluk yang diciptakan oleh Allah Subhanahu Wataala dengan dianugerahkan-Nya 'akal' yang tidak ada pada makhluk-makhluk lainnya termasuklah 'aliens'. Bahkan Allah Subhanahu Wataala telah memuliakan dan memberikan kelebihan kepada manusia seperti firman-Nya dalam Surah Al-Isra' ayat 70 yang bermaksud:

"Dan sesungguhnya telah Kami muliakan anak-anak Adam, Kami angkat mereka di daratan dan di lautan, Kami berikan mereka rezeki dari yang baik-baik dan Kami lebihkan mereka dengan kelebihan yang sempurna atas kebanyakan makhluk yang telah Kami ciptakan."

Daripada firman Allah Subhanahu Wataala itu, jelaslah bahawa manusia itu merupakan sebaik-baik ciptaan-Nya. Justeru, timbul persoalan, apakah makhluk asing atau 'aliens' yang dinyatakan oleh orang-orang Barat itu lebih pintar dan cerdik jika dibandingkan dengan manusia yang sebaik-baik makhluk ciptaan Allah Subhanahu Wataala? Jelaslah di sini juga bahawa perkara tersebut adalah bertentangan dengan isi kandungan Al-Quran. Di samping itu, ia juga memperlihatkan bahawa kebanyakan umat Islam itu tidak begitu menghayati isi kandungan Al-Quran dan juga kececekan ilmu pengetahuan serta pemikiran agama Islam termasuklah ilmu Al-Quran.

Di sini jelaslah bahawa ilmu pengetahuan dan juga pemikiran yang mendalam tentang agama Islam itu penting dan mestilah dituntut oleh setiap orang Islam. Dengan adanya ilmu pengetahuan serta pemikiran yang mendalam tentang agama Islam, maka agama Islam itu akan dapat berdiri dengan kukuh dan terjamin daripada anasir-anasir yang memesonkan agama Islam serta pemikiran orang-orang Islam.

KESIMPULAN

Kewajipan menuntut ilmu pengetahuan ke atas setiap orang Islam itu jelas mempunyai hikmah dan juga kemanfaatannya. Hikmah dan kemanfaatan ini bukan sahaja akan diperolehi dalam diri umat Islam itu malahan dapat memelihara martabat serta kedudukan agama Islam sebagai agama ad-din dan unggul. Kita sebagai umat Islam juga mestilah mempelajari ilmu pengetahuan yang ada di negara-negara lain terutama sekali negara-negara yang sudah mantap dan berkembang maju seperti Amerika Syarikat, Jepun dan juga United Kingdom. Walau bagaimanapun, ilmu-ilmu yang diperolehi itu mestilah dilihat dari perspektif Islam dan diadun mengikut ajaran-ajaran Islam agar kita dapat melahirkan ilmu pengetahuan yang berorientasikan Islam. Oleh itu, kita umat Islam mestilah bersiap siaga dengan berbekalkan ilmu pengetahuan serta pemikiran yang mendalam mengenai agama Islam agar kita dapat menangkis dan menolak segala hambatan dan suntikan daripada pemikiran-pemikiran Barat yang berorientasikan sekular.



GAMBAR HIASAN ... Pelbagai jenis ilmu pengetahuan perlu diterokai oleh generasi masa kini, khususnya umat Islam, bukan hanya setakat tahu membaca saja.



TIMBALAN Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith ketika menerima kunjungan muhibah Menteri Pertahanan Republik Indonesia, Yang Berhormat Bapak Haji Matori Abdul Djallil. - Gambar oleh Pengiran Rafee POPHM.

Kunjungan muhibah Menteri Pertahanan Indonesia

Oleh Abdullah Asgar

BERAKAS. - Negara Brunei Darussalam dan Republik Indonesia terus mengukuhkan hubungan dua hala khususnya dalam bidang pertahanan dengan lawatan Menteri Pertahanan Republik Indonesia, Yang Berhormat Bapak Haji Matori Abdul Djallil.

Yang Berhormat yang ditemani oleh tiga orang pegawai pada 29 Januari lepas mengadakan kunjungan muhibah kepada Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith di Kementerian Pertahanan.

Kunjungan itu memperlihatkan hubungan yang mesra, di samping mengeratkan lagi hubungan dua hala dari segi

pertahanan di antara kedua-dua buah negara yang wujud sejak sekian lama.

Mereka juga membincangkan beberapa isu kepentingan bersama di bidang pertahanan.

Yang Berhormat berada di negara ini selama dua hari bagi lawatan suai kenal setelah beliau menjadi Menteri Pertahanan dalam kabinet Presiden Republik Indonesia, Puan Yang Terutama Presiden Megawati Sukarno Putri.

Dukungan padu jayakan pembaharuan

Oleh
Haji Ahmad HS

BERAKAS. - Kejayaan sesuatu usaha pembaharuan bergantung kepada dukungan padu yang menyuntik semangat dan sumbangan para anggota organisasinya.

Keyakinan dan dedikasi penuh para anggota organisasi adalah amat penting bagi memastikan bahawa apa jua projek pembaharuan tidak akan berakhir dengan 'hidup segan mati tak mau dan mati segan hidup pun tak mau'.

Perkara itu ditekan oleh Pengawal Kastam dan Eksais Diraja, Awang Haji Eussof Agaki bin Haji Ismail di Majlis Sambutan Hari Kastam Sedunia berlangsung pada 28 Januari lepas di Dewan Kyoto, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja.

Menurut beliau, sikap berpeluk tubuh, goyang kaki atau mengekalkan 'status quo' adalah diibaratkan sebuah kapal yang sentiasa bertambat di dermaga, takut menghadapi gelombang lautan tetapi mengimpikan keindahan destinasi walhal ia tidak mungkin akan sampai ke sana.

Sehubungan dengan itu, beliau menyarankan semua anggota kastam supaya 'terbang tinggi-tinggi dan menyelam dalam-dalam' agar segala kesalahfahaman dan prasangka tidak berasas yang selama ini menghambat semangat dan azam akan sirna dan sebaliknya memberikan pendukung total terhadap projek pembaharuan yang dilaksanakan oleh jabatan.

Sambutan sempena Hari



ACARA kawad oleh para anggota Jabatan Kastam dan Eksais Diraja sempena Sambutan Hari Kastam Sedunia. Majlis berlangsung di kawasan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja di Jalan Menteri Besar, Berakas. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi.

Kastam Sedunia didahului dengan acara kawad oleh para anggota Jabatan Kastam dan Eksais Diraja. Acara kemuncak sambutan itu ialah pelancaran Kod Etika dan Disiplin bagi anggota kastam.

Di majlis itu, beliau juga menekankan bahawa dalam konteks 'pendisiplinan' para anggota kastam adalah langkah asas ke arah meningkatkan semangat berpasukan dan perasaan kebersamaan.

"Pendisiplinan itu bukan saja merupakan latihan dan amalan yang menonjolkan keseragaman seperti kekesamaan beruniform tetapi lebih penting lagi, pendisiplinan itu juga menghisap dan meresapi tahap emosi dan kepercayaan di tahap individu," tambah beliau.

Menurut siaran akhbar Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Sambutan Hari Kastam Sedunia yang bertemakan: 'Customs Integrity' diraikan setiap 23 Januari sempena penguatkuasaan Pertubuhan Kastam Sedunia (WCO) pada

tahun 1952.

WCO kini mempunyai 159 anggota. Jabatan Kastam dan Eksais Diraja menganggotai WCO pada tahun 1997. Sejak penguatkuasaan WCO sebanyak 26 konvensyen telah dikeluarkan antaranya Konvensyen Kyoto dan Nairobi.

Sementara itu elemen-elemen yang terkandung di dalam Kod Etika dan Disiplin termasuk Peraturan-peraturan Am dan Peraturan Kewangan Negara Brunei Darussalam, yang mesti difahami dan dipatuhi oleh setiap pegawai.

Kod itu mengandungi garis panduan etika yang mengawal tingkah laku setiap pegawai dalam menjalankan tugas seharian sebagai pegawai dan kakitangan kerajaan.

Majlis tersebut diselenggarakan dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang Pertandingan Kawad Antara Cawangan dan Bahagian Jabatan Kastam dan Eksais Diraja

yang berlangsung pada bulan September tahun lepas dan penyampaian cenderamata kepada pegawai-pegawai kastam yang telah bersara.

Sementara itu juga sempena Sambutan Hari Kastam Sedunia pada petang Khamis telah diadakan Majlis Thalil dan Solat Fardu Asar Berjemaah di surau jabatan itu.



PENGURUSI dan Jawatankuasa Tadbir Persatuan Orang-Orang Cacat Anggota dan Berkerusi Roda, Dr. Awang Haji Abd. Latif dan lain-lain jemputan ketika hadir di Majlis Doa Kesyukuran Sempena Sambutan Hari Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam di Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam di Bengkurong. - Gambar oleh Ramli Tengah.



PENGAWAL Kastam dan Eksais Diraja, Awang Haji Eussof Agaki bin Haji Ismail ketika menyampaikan hadiah kepada pemenang Pertandingan Kawad Antara Cawangan dan Bahagian Jabatan Kastam dan Eksais Diraja sempena Sambutan Hari Kastam Sedunia. - Gambar oleh Halim HS.

Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam adakan Majlis Doa Kesyukuran

Oleh
Abdullah Asgar

KAMPONG BENGKURONG. - Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam telah mengadakan Majlis Doa Kesyukuran dan Sembahyang Maghrib Berjemaah sempena Majlis Sambutan Hari Puja Usia

Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam.

Majlis bermula dengan

sembahyang Maghrib berjemaah, membaca Surah Yaasin dan Doa Kesyukuran yang kemudiannya diteruskan dengan sembahyang Isyak berjemaah.

Antara yang hadir di majlis itu ialah Pengerusi dan Jawatankuasa Tadbir Persatuan Orang-Orang Cacat Anggota dan Berkerusi Roda (PAPDA), Dr. Awang Haji Abdul Latif bin Haji Ibrahim.

Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam itu antara yang bergiat aktif bagi memeduli orang-orang cacat anggota di negara ini, selain berperanan menjadi pembimbing dan melatih ahli-ahlinya berbakat menghasilkan pelbagai kraf tangan.

Setakat ini lebih 200 orang-orang cacat anggota dan berkerusi roda telah menjadi ahlinya.



PENGERUSI Jawatankuasa Penganjur Seminar E-Dagang Dalam Perniagaan Era Digital, Dayang Azizah binti Haji Anuar menjelaskan, banyak keuntungan dan faedah diperolehi oleh peserta tempatan melalui seminar tersebut. - Gambar oleh Masri Osman.

Manfaatkan e-dagang dalam perniagaan

BERAKAS. - Semua peserta tempatan yang menyertai seminar e-dagang diharap akan dapat memanfaatkan dan mempraktikkannya dalam usaha untuk meningkatkan perniagaan masing-masing.

Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Seminar, Dayang Azizah binti Haji Anuar berkata, peserta tempatan meraih banyak keuntungan di samping mendapat pengetahuan serta pengalaman bagaimana mereka menjalankan perniagaan dengan menggunakan teknologi moden.

"Mereka juga berpeluang untuk berkenalan dengan peserta-peserta dari luar negeri sambil bertukar pandangan mengenai strategi perniagaan menggunakan teknologi moden," jelasnya ketika ditemu bual oleh wakil PETILA BRUNEI di hari terakhir Seminar E-Dagang Dalam Perniagaan Era Digital di sebuah hotel, di sini, 24 Januari lalu.

Katanya, peserta dari luar negeri bukan saja dari sektor perkhidmatan awam tetapi mereka mempunyai perniagaan

Oleh
Samle HJ

sendiri, justeru perjumpaan sesama peserta penting sehingga boleh mendatangkan hasil kepada mereka.

Ketika mengulas era digital dalam perniagaan di Negara Brunei Darussalam, Dayang Azizah berkata, bidang berkenaan mempunyai peluang yang luas, di samping mendedahkan mereka untuk beralih menggunakan bidang teknologi baru.

"Mereka (peniaga tempatan) bukan saja dapat memperoleh pelanggan di dalam negara tetapi mereka juga akan berpeluang untuk meluaskan perniagaan mereka ke negara-negara lain," ujarnya.

Sementara itu, Pensyarah Khas Universiti Timor Filipina, Nelia A. Embisan pula melahirkan rasa penghargaan di atas kejayaan pihak penganjur mengumpulkan para peniaga di kalangan negara-negara ASEAN.

"Sekalipun seminar ini



PENGARAH Institut Teknologi Brunei, Awang Haji Mohammad Yusra ketika menyampaikan siji kepada seorang peserta Seminar Program E-Dagang Dalam Perniagaan Era Digital. - Gambar oleh Masri Osman.

sudah berakhir tetapi inilah permulaan bagi kami untuk meningkatkan lagi perniagaan melalui pengetahuan, perundingan serta bersefahaman peserta," jelasnya.

Pengurus Besar Persatuan Teknikal Biasiswa Luar Negeri (AOTS), Tetsuji Kawakami pula gembira dengan hubungan baik Negara Brunei Darussalam dengan Jepun melalui bidang sumber manusia sehingga berjaya melaksanakan seminar berkenaan dengan jayanya.

Beliau juga berharap agar para peserta akan dapat terus saling berhubung dan berusaha menggantikan perniagaan dengan menggunakan teknologi moden.

Para peserta telah mempelajari teknologi-teknologi internet, mempelajari bagaimana untuk menyediakan web page serta masalah dan kelebihan internet dalam menjalankan perniagaan masing-masing.

Seramai 32 peserta yang mewakili sembilan negara ASEAN mengakhiri seminar mereka dengan Majlis Penyampaian Sijil yang disampaikan oleh Pengarah Institut Teknologi Brunei, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Mohammad Yusra bin Haji Abdul Halim.

Seminar E-dagang Dalam Perniagaan Era Digital bertujuan melengkapkan peserta dengan pengetahuan dan faedah penggunaan teknologi internet dalam urusan niaga yang mereka ceburi.

Seminar merupakan sebahagian Program Pusat Kecemerlangan (COE) dan Program Komprehensif di bawah Jawatankuasa Kerjasama Ekonomi dan Perindustrian, Kementerian Ekonomi ASEAN dan Kementerian Ekonomi, Perindustrian dan Perdagangan Jepun dan dikendalikan oleh Institut Teknologi Brunei.

PARA peserta telah mempelajari teknologi-teknologi internet, mempelajari bagaimana untuk menyediakan web page serta masalah dan kelebihan internet dalam menjalankan perniagaan masing-masing.



PEGAWAI Eksekutif dari ABACUS International ketika memberikan taklimat mengenai program baru dikenali sebagai TravelSmart-Asia yang akan memulihkan kembali keyakinan para pelanggan terhadap bidang pelancongan. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

JERUDONG. - Dalam memulih serta menggiatkan kembali keyakinan pelanggan terutama dalam memberi keyakinan di bidang pelancongan, ABACUS International telah melancarkan program baru yang dikenali sebagai TravelSmart-Asia.

Menurut Pegawai Eksekutif selaku Presiden ABACUS International di majlis pelancaran di sebuah hotel di sini pada 21 Januari lalu, menjelaskan pada masa ini orang ramai memerlukan maklumat yang terkini dan bermutu untuk membuat pilihan tepat untuk ke destinasi yang selamat.

Tambahannya, de-

ngan pelancaran tersebut akan dapat membantu orang ramai mendapatkan maklumat terkini serta nasihat yang diperlukan. Antara yang terkandung di dalamnya termasuklah berita-berita terkini serta nasihat-nasihat daripada pihak kerajaan dan agensi-agensi profesional.

Orang ramai bolehlah berhubung dengan ejen-ejen pelancongan atau terus melayari laman web melalui www.abacus.com.sg.

TravelSmart-Asia ditubuhkan setelah kejatuhan industri pelancongan di Asia Pasifik yang diakibatkan oleh kejatuhan ekonomi global, dan diburukkan lagi de-

Program TravelSmart-Asia beri keyakinan di bidang pelancongan

Oleh
Abu Bakar HAR

ngan serangan ganas ke atas Amerika Syarikat pada 11 September tahun lalu yang menggugat

keyakinan para pelancong.

Program yang menelan belanja \$53 juta bagi TravelSmart-Asia antaranya menyediakan latihan kepada ejen-ejen pelancongan di 11 buah

negara di rantau ini.

Faedah yang boleh diperolehi termasuklah ejen-ejen pelancongan boleh meningkatkan lagi perniagaan mereka menerusi maklumat dari TravelSmart-Asia terut-

ma bagi menyediakan perkhidmatan yang lebih baik dan tentunya dapat mengeratkan lagi hubungan dengan pelanggan mereka.

Pertubuhan Penerbangan Asia Pasifik (AAPA)

telah menyumbangkan beratus-ratus tiket penerbangan percuma, yang boleh dimenangi setiap minggu apabila pelancong membeli tiket dari ejen-ejen pelancongan ABACUS International secara tetap.



PEGAWAI Daerah Belait, Awang Haji Harun bin Haji Ismail selaku tetamu kehormat di Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri ketika menyampaikan sijil lantikan Ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung bagi Mukim Bukit Sawat kepada seorang penduduk kampung.

Atur perancangan demi kemajuan kampung

BELAIT. - Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) diharap akan dapat terus berusaha dengan lebih gigih demi kesejahteraan kampung.

Di samping itu MPMK juga perlu memainkan peranan penting dalam menyatupadukan masyarakat kampung yang mempunyai penduduk berbilang bangsa dan agama.

Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Harun bin Haji Ismail menjelaskan demikian di Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri bagi Mukim Bukit Sawat.

Beliau berkata, dengan adanya majlis seperti itu akan dapat mengeratkan silaturahmi antara anak-anak buah kampung, di samping merapatkan semangat setia kawan antara masyarakat kampung dan

hendaklah memanfaatkan dengan sebaiknya apa jua kemudahan yang telah sedia ada di kampung masing-masing. Ini adalah salah satu peranan setiap penduduk kampung terhadap kampungnya sendiri, di mana maju mundur kampung mereka adalah atas usaha mereka jua, ujar beliau.

Pengerusi Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri bagi Mukim Sawat, Awang Abdul Rahman bin Abdullah Sambang yang juga Penghulu Mukim Bukit Sawat, dalam ucapannya menjelaskan bahawa majlis merupakan aktiviti tahunan Majlis Perundingan Mukim Bukit Sawat. Ianya

Oleh Haji Nasip Rosli

menggambarkan semangat perpaduan penduduk-penduduk kampung yang tetap kukuh dan dihasratkan menjadi jambatan dalam hubungan mengeratkan persaudaraan yang sedia terjalin di dalam masyarakat yang mempunyai berbilang bangsa dan agama.

Pegawai Daerah Belait juga telah menyampaikan sijil-sijil lantikan kepada Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung bagi Mukim Bukit Sawat.

Bantu masyarakat yang memerlukan

LUMUT. - Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Mohd. Abdoh bin DSS Haji Abdul Salam di Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Majlis Perundingan Kampung Lumut II, menyeru orang ramai supaya berpadu dalam hal-hal kebajikan bagi membantu masyarakat yang memerlukan bantuan.

Di majlis itu, beliau juga menyeru orang ramai agar sama-sama mengawal dan mengawasi para belia, di samping memimpin mereka ke arah penghasilan yang benar-benar bermanfaat untuk jangka panjang, bukan saja untuk manfaat diri sendiri malah membawa kepada faedah

Oleh Haji Nasip Rosli

dan manfaat masyarakat kampungnya.

Sebagai rakyat dan penduduk negara ini, kita semua adalah menjadi penjaga kepada negara kita dan bertanggungjawab terhadap apa yang di bawah jagaan kita.

Setiap daripada kita dalam mana-mana kedudukan dan keadaan sebagai rakyat biasa, kakitangan kerajaan atau bukan, rendah atau tinggi masing-masing ada kewajipan untuk sama-sama menjaga negara, daerah atau kampung kita. Berat atau

ringan, besar atau sedikit tidak ada yang terkecuali untuk sama-sama memastikan keadaan hidup kita terus aman dan stabil dengan menurut undang-undang dan peraturan yang telah disediakan.

Dalam hal ini, kita hendaklah insaf dan menimbang faedah atau kerugian yang bakal kita terima yang terbit dari perbuatan kita sendiri, bukan hanya kesannya kepada diri sendiri bahkan yang lebih utama ialah untuk orang ramai, tegasnya.

Majlis yang diunjai-yahkan itu jelas beliau, diharap akan dapat mengukuhkan perpaduan masyarakat kampung dan mengajak mereka yang sering menjauhkan diri agar sama-sama mengenali dan memajukan kampung.

Terdahulu, Ketua Kampung Lumut II, Awang Haji Mohd. Yassin bin Haji Yusoff menjelaskan majlis yang dianjurkan sebagai aktiviti tahunan itu dihasratkan untuk mengeratkan dan mengukuhkan semangat hidup berkampung bersandarkan 'Perpaduan Asas Masyarakat Harmoni'.

Majlis juga diselenggarakan dengan penyampaian derma kepada anak-anak yatim yang tinggal di kampung tersebut. Dengan cara ini diharapkan perpaduan yang sedia ada akan tetap kukuh seperti mana yang diharapkan.

Penolong Pegawai Daerah Belait juga telah menyampaikan derma daripada Majlis Perundingan Kampung Lumut II kepada anak-anak yatim di kampung tersebut.



PEMANGKU Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Mohd. Abdoh bin DSS Haji Abdul Salam bersama Pemangku Pengarah Institut Perkhidmatan Awam dan pegawai-pegawai kanan serta para peserta bengkel ketika bergambar ramai.

KKC menanamkan semangat bekerja lebih mendalam

BELAIT. - Walaupun kaedah bekerja melalui konsep Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) telah lama diperkenalkan kepada Perkhidmatan Awam di negara ini tetapi ianya belum dapat dipraktikkan di Jabatan Daerah Belait. Perkara itu disebabkan sebilangan pegawai dan kakitangan jabatan itu belum pernah mengikuti kursus KKC secara menyeluruh tetapi hanya sebagai pengenalan kepada faedah dan kepentingannya sahaja.

Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Mohd. Abdoh bin DSS Haji Abdul Salam semasa Majlis Pelancaran Bengkel KKC bagi, pegawai dan kakitangan Jabatan Daerah Belait, menjelaskan bahawa bengkel KKC adalah dihasratkan akan dapat memberi peluang kepada pegawai dan kakitangan yang terlibat menimba ilmu pengetahuan mutu kerja masing-masing secara berkumpulan.

Beliau berharap, bengkel itu juga akan dapat menanamkan ilmu pengetahuan di samping menanamkan kegigihan dan semangat bekerja yang lebih mendalam serta menanamkan inspirasi pada diri masing-masing.

Bengkel selama empat hari itu dikendalikan oleh Institut Perkhidmatan Awam.

Ini menunjukkan betapa pihak kerajaan begitu serius

Oleh Haji Nasip Rosli

untuk mencapai matlamatnya dalam memastikan setiap jabatan kerajaan akan sentiasa meningkatkan mutu perkhidmatan masing-masing secara bersestematik dan kaedah KKC adalah salah satu daripada caranya.

Pegawai Latihan Kanan Institut Perkhidmatan Awam, Awang Mohd. Zaini bin Latip ketika mengendalikan bengkel itu menerangkan beberapa perkara yang menjadi punca kelemahan beberapa anggota KKC. Antaranya kurang keyakinan dan kesepaduan antara kalangan anggota kumpulan menggunakan kreativiti masing-masing di samping ada kumpulan semata-mata menubuhkan kumpulan hanya untuk menyertai pertandingan sahaja.

Oleh itu beliau berharap hasil dari bengkel tersebut akan dapat dimanfaatkan dengan sepenuhnya dan jangan hanya tinggal kenangan sahaja.

Sijil-sijil telah disampaikan oleh Pemangku Pengarah Institut Perkhidmatan Awam, Awang Zainal bin Tinggal, manakala cenderahati kepada Pengerusi Bengkel disampaikan oleh Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Mohd. Abdoh bin DSS Haji Abdul Salam.



PENOLONG Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Mohd. Abdoh menyampaikan sumbangan Hari Raya pada seorang anak yatim yang tinggal di Kampung Lumut II.

SAHABATKU YANG PALING RAPAT

OLEH SOSONJAN A. KHAN

DIA memang sahabatku yang paling rapat. Sudah lama kami menjadi sahabat dan akrab sekali. Di mana-mana pun kami sentiasa bersama, macam tidak boleh berpisah pula. Kami memang jarang-jarang berpisah kalau ada pun cuma sekali-sekala, terutama pada waktu tidur sebelah malam. Tapi itu pun cuma sekejap saja. Kadang-kadang dalam tidur pun kami bersama juga. Berbual dan berbincang dengan tiada putus-putusnya. Terlalu banyak perkara dalam dunia ini yang perlu kami bincangkan setiap waktu. Sehingga ya! Inilah yang selalu timbul perbezaan pendapat membuatkan aku dan sahabatku yang paling rapat ini selalu bertelagah, bertegang urat tak habis-habis.

Cuba bayangkan aku mahu ke kanan dia mahu ke kiri, aku mahu ke utara dia mahu ke selatan, aku mahu ke timur dia mahu ke barat, aku mahu ke gunung dia mahu ke bukit, aku mahu makan dia mahu berak dan kencing, aku mahu ke bulan dia mahu ke bintang, aku mahu ke langit dia mahu ke bumi, aku mahu maju dia mahu undur, aku mahu undur dia pula yang mahu maju, aku mahu kuning, dia mahu merah, aku mahu hijau, dia mahu kelabu, aku mahu jalan begini dia mahu jalan begitu! Hanya kadang-kadang saja pendapat kami sama dan dapat berjalan serentak. Aku tidak tahu jenis sahabat bagaimana sebenarnya dia ini. Mempunyai seorang sahabat seperti ini memang susah! Kalaulah sahabat seperti ini dapat kutukar, sudah lama aku akan melakukannya. Biar segalanya serba mudah dan tidak perlu perdebatan lagi! Tapi itu tidak mungkin terjadi. Kerana dia adalah sahabat aku yang paling rapat!

Pada hari tersebut aku telah mengajaknya ke dalam sebuah hutan belantara di belakang bukit sebelah barat itu. Kukatakan padanya, kawasan tersebut akan kami teroka untuk membina sebuah pekan kecil. Kebetulan di sebelah sana belum ada pekan lagi. Aku mengajaknya membangunkan sebuah masyarakat baru di tempat itu. Aku sendiri telah mengenal pasti kawasan itu memang berpotensi untuk dimajukan. Segala rancangan dan pelan telah kutunjukkan dengan jelas dan nyata padanya. Mula-mula dia setuju, tapi setelah tujuh hari tujuh malam kami berjalan, menuju ke dalam hutan belantara tersebut, aku melihat keraguan mulai muncul di wajahnya. Mungkin dia tidak yakin dengan rancanganku. Dia pun mulai menyoalku dengan pelbagai pertanyaan lagi. Katanya kawasan tersebut terlalu jauh dari bandar dan agak sukar untuk dibangunkan. Lagi pun katanya lagi di zaman yang serba moden seperti hari ini siapakah yang mahu tinggal jauh ke dalam hutan seperti itu? Tapi aku terus mendesaknya lagi bahawa kami harus mencuba. Bukankah kejayaan selalu datang dari banyaknya kegagalan? Tapi dia terus cuba menghalangiku dengan mengatakan ada hantu puaka dalam hutan belantara seperti itu. Bukankah semua tempat pada asal mulanya dulu pun belantara dan pastilah ada hantu puakanya.

Sahabat aku yang paling rapat ini terus memper-tikaikan segala hujah dan pendapatku. Katanya lagi apa yang ingin aku lakukan adalah satu pekerjaan yang paling sia-sia, membuang masa dan tenaga. Bukankah selama ini kami bebas hidup dan tinggal di tengah-tengah kota disamping mengecap segala kemajuan yang sedia ada. Manusia sudah ramai yang sampai ke bulan malah ada yang cuba-cuba untuk mendekati matahari, tapi aku hanya mahu mengajaknya meneroka sebuah hutan belantara dan membangunkan sebuah pekan yang belum pasti menjanjikan apa-apa. Katanya ideaku, terlalu ketinggalan zaman! Dia mengajakku segera meninggalkan hutan belantara itu. Aku enggan. Kenapa aku harus menuruti bulat-bulat segala kemahuannya meskipun selama ini memang dialah satu-satunya sahabat aku yang paling rapat dan telah merasa hidup susah senang bersama.

Aku terus memujuknya. Kataku, kami harus mencuba dulu. Lagi pun kawasan tanah belantara itu adalah hakku, warisan pusaka nenek moyangku. Aku tidak boleh membiarkan kawasan itu begitu saja apa lagi kalau untuk dijual. Sama sekali tidak. Aku telah lama bertekad kawasan itu mesti aku usahakan walau dengan empat kerat tulang yang ada kepadaku. Namun sahabat aku yang paling rapat ini terus melahirkan pendapatnya dengan menekankan aku sekadar mengejar mimpi di siang hari. Aku menampar wajahnya. Perkara seperti ini adalah kejadian-kejadian yang sering berlaku antara kami. Dia terpelanting ke tanah. Dia bangun sambil mengesat kelebihan darah yang keluar dari tepi bibirnya. Dia membuat aku marah. Padahal bukan baru sekali dua aku memukulnya setiap kali dia membakar api kemarahanku. Tapi saha-




batku ini memang degil. Dulu pernah sampai berbulu-bulan lamanya dia terlantar sakit setelah perbalahan lantaran dia kukeronyok separuh mati. Tapi sahabatku ini memang mudah memaafkan aku. Barangkali kerana dia memang telah memahami sifat dan perangainya. Dan barangkali juga kerana kami adalah sepasang sahabat yang saling memerlukan dan sudah tidak dapat dipisahkan lagi selagi hayat dikandung badan.

Aku mengugutnya. Kalau dia tidak bersamaku dalam penerokaan hutan belantara ini, dia akan kubunuh. Dia tertawa terbahak-bahak. Dia terus ketawa sehingga air matanya mengalir keluar. Katanya aku tidak akan mampu membunuhnya. Aku sedar itu. Tapi aku harus menyatakan apa saja padanya asal saja dia mahu menuruti katakaku. Selama ini pun aku tidak pernah tewas dan menaklukkannya dalam apa jua rancangan yang kubuat, sama ada berjaya atau tidak.

Kupandangi wajahnya yang pucat. Dia diam. Aku menghampirinya dan memeluk tubuhnya erat-erat. Kususap rambut dan wajahnya dengan penuh mesra. Lalu seperti biasa aku pun merangkai kata-kata indah dekat cuping telinganya, hingga akhirnya dia terkulai layu di ribaanku. Dan seperti yang telah kuduga akhirnya dia mengalah juga.

Dengan segala peralatan yang kumiliki, mula-mula kami menebas semak samun di sekeliling, termasuk pohon-pohon kayu. Aku mahu membakar saja semua tumbuhan semak samun dan pohon-pohon yang telah tumbang ke bumi itu. Tapi sahabat aku tidak bersetuju. Katanya aku mencemar udara sekeliling. Lagi pun proses pembakaran itu nanti pastilah mengambil masa yang panjang. Sahabatku yang paling rapat ini mahu agar segala longgokan yang ada diangkat dan dibuang ke tempat-tempat yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan. Aku kurang bersetuju. Aku perlu mengeluarkan belanja yang banyak untuk kos pengangkutan. Kami terus bertelingkah lagi hingga hari hampir mencecah senja. Aku melihat wajahnya, masam mencuka. Tanpa pengetahuannya, pagi-pagi lagi aku telah membakar semua yang ada di hutan belantara itu. Asap tebal memenuhi segenap ruang angkasa sekeliling. Sahabat aku yang paling rapat terbatuk-batuk setelah tersedut kepulan asap. Selepas baru beberapa hari membakar, tiba-tiba saja hujan turun dengan lebatnya. Selama berbulan-bulan lamanya hujan masih juga tidak berhenti. Keadaan hutan belantara becek dan masih banyak longgokan yang belum selesai dibakar. Perkara ini tidak dapat dibiarkan. Aku tidak ingin segala

PENDAPAT yang dia berikan terlalu bodoh! Aku tidak mengerti kenapa dia suka memberikan aku pendapat-pendapat yang bodoh seperti itu. Padahal dia tahu aku mahu membina sebuah pekan yang canggih di kawasan itu. Menggunakan bahan-bahan yang murah tidak menjamin mutu kekukuhan pekan yang akan terbina nanti.



rancanganku ter bengkalai begitu saja. Aku pun bersuara padanya melahirkan tanda setuju bahawa segala sisa-sisa longgokan akan diangkut saja ke tempat pembuangan. Sahabat aku yang paling rapat, tersenyum sinis padaku.

Setelah hutan belantara tersebut bersih dari segala macam longgokan semak-samun sekali lagi hujan tiba-tiba saja berhenti. Matahari muncul semula. Aku memarahi sahabat aku yang paling rapat kerana tidak menghalangku daripada membiarkan lori-lori pengangkut tempoh hari memunggah segala macam longgokan semak-samun sehingga aku telah dengan tidak rela terpaksa mengeluarkan belanja yang bukan sedikit untuk itu. Aku terus memaki hamun kepada sahabat aku yang paling rapat sehingga mukanya pucat dan rintik-rintik air mata mengalir dari celah kedua-dua belah matanya yang jarang-jarang dapat kulihat itu.

Aku mahu membina sebuah pekan baru yang lebih canggih di kawasan tersebut. Dan sudah tentulah aku memerlukan banyak belanja untuk melaksanakan semua impianku itu. Tapi dalam masa yang sama aku juga mahu sebolehnya dapat berjimat banyak dalam segala keperluan. Aku bertanya apa pandangannya dalam soal ini. Dia diam tidak menjawab apa-apa. Mungkin dia sendiri bengang atau takut dan ragu-ragu untuk melahirkan pendapatnya. Aku membentakannya. Dia tersentak. Akhirnya dia bersuara juga dengan memberi usul gunakan saja bahan-bahan murah untuk pembinaan dan ambil pekerja-pekerja dari luar negeri. Pangg! Sekali lagi mukanya kutampar bertubi-tubi. Dia tersungkur ke tanah lagi. Kali ini pipi kanan dan kirinya

lebam kehitaman. Pendapat yang dia berikan terlalu bodoh! Aku tidak mengerti kenapa dia suka memberikan aku pendapat-pendapat yang bodoh seperti itu. Padahal dia tahu aku mahu membina sebuah pekan yang canggih di kawasan itu. Menggunakan bahan-bahan yang murah tidak menjamin mutu kekukuhan pekan yang akan terbina nanti. Seluruh masyarakat negeri akan metertawakan aku kerana kebodohan kecil seperti saranannya itu. Kalau setakat mengambil pekerja dari luar negeri, itu masih saja dapatku pertimbangkan. Tapi menggunakan bahan-bahan yang murah suatu pendapat yang bodoh.

Aku melihatnya masih saja terus belum bergerak dari tempat rebahnya. Aku menghampirinya melanyak kepalanya dengan sepatu kulitku. Dia mengerang kesakitan. Sebuah penumbuk lagi kulepaskan ke bahagian telinga kanannya. Lebih banyak darah yang mengalir keluar dari hidung dan telinganya. Sedu-sedunya tenggelam timbul di tengah kawasan hutan belantara tersebut. Aku terus mendesaknya lagi agar memberiku pendapat-pendapat yang bernas dan bermutu. Dia masih diam. Aku menarik tangannya dan memaksanya untuk terus bersuara. Aku menatap wajahnya.

"Aku tidak tahu...." Hanya itu katanya.

"Kau mesti tahu! Kau mesti membantuku! Kalau tidak buat apa kau menjadi sahabat aku yang paling rapat?"

"Kau terlalu menyeksaku selama ini. Aku sudah bosan menjadi sahabatmu yang paling rapat."

PUISI

PERUBAHAN MENTARI

Mentari
cahaya bersinar
terpukau
insan oleh sinarannya.

Sinarinya berkilau-kilau
menerangi alam maya
mengatasi kegelapan
mengalahkan bulan
membentangkan megahnya
membesarkan lagi kuasanya
menakutkan.

Kini mentari
berubah
ia menggelapkan suasana
ia menambah kegelapan
sinaran hilang
tenggelam
kepuasan sirna
suasana sepi
sunyi
aku terpaku mengenang
suasana ini....

K-rul

MOLEK DENDAM

Sayap-sayap demokrasi
berkejaran indah
mencu jaya
milik semua wajarnya
serumpun warna adat budaya
bawah satu lambang mulia
leluhur murni
namun, telah menjadi syarat pendakian
pancaroba menyumbangkan sumbu
sejuta ludah di balik senyum
jerat-jerat tanpa umpan
keranda-keranda terganga lapar
kemusnahan karib
kepuasan hasad!

Wahai jiwa yang teguh
kesuma melayu
puisi ini
cengkam kepak kemudi
'api biar menjadi baru'
benderang damai di balik awan
jika kenang
hadirlah di molek dendam!

Jhan's 98

PELUMBA

Mahu atau tidak
kita adalah pelumba-pelumba
yang sudah berada di lebuh raya
hidup menjejak hasrat
seribu bentuk seribu warna
peradaban tersasar
di dalam merebut-rebut hasil jagat.

Sosongan a.K.

SIAPA MEMBIMBING NANTI?

Apa sudah jadi
jika saudara sendiri membenci
sesama mereka
apa untung dan bahagiannya
mahu menang sendiri
setelah ditegur dan dinasihati
semua orang takut bersuara keranamu
apa sudah jadi
jika adik pula maharajalela
memujuk abang kandung
dengan memberi tempoh masa
sedang kakuk kandung mendengar
dan mengiakan
diam membisu seolah membenarkan
kata-kata adiknya
lantang bersuara tapi terkeluar dari
pokok asal
kasihan siapakah membimbing
mereka nanti
dalam kehidupan berkeluarga

jika minda tidak berubah
bersedialah memilih jalan baik.

Nonim HT

TITIAN MALAM

Bila senja berlabuh....
orkestra si jengkerak berdentang
penuh
pembuka tirai pentas malam.

Pungguk berlagu dengan merdu
menunggu mutiara dalam rindu
keluang pulang dalam bimbang
entah esok datangkah siang
bintang laksana intan
berkedip gemerlapan....

Irama sayu terus beralun
melenakan kami dibuai mimpi
lagu syahdu menggamit rindu
seketika buat sang ratu.

Kenapa ada sakit hati???
pada sang malam yang sepi
sedang kita sama merindu
keindahan alam duniawi.

Kokokan ayam mengejutkan si
keluang
tanda suria hendak berstand
oh... kita bertemu lagi
wahai sang ratu yang baik budi.

Namun....
rindu tetap ada
buat malam yang jelita
pengorbananmu pada sang suria
memberi erti pada manusia.

Zamoza

TERJERATNYA SI BURUNG

Munculnya mentari pagi
si burung bebas berterbangan
berkicau ke sana berkicau ke sini
tanpa gangguan dan halangan
mereka yang bernama
MANUSIA!
Namun walau sekecang mana
sayap si burung terbang
ia akan tetap jua
terjerat kepada
mereka yang bernama
MANUSIA!

Kini si burung akhirnya akur
kepada manusia
dan si burung sangat setia
mengikut segala telunjuk
mereka yang bernama
MANUSIA!
Sayang nasib si burung
kesetiannya kepada manusia
tidak dihiraukan
sebaliknya si burung
hidup dalam kesengsaraan
kerana kesetiannya kepada
mereka yang bernama
MANUSIA!
Akhirnya si burung sangat kecewa
kerana manusia
yang tidak tahu berperilaku kemanusiaan
namun apakan daya si burung
untuk melepaskan diri
kerana si burung
telah terjerat oleh
mereka yang bernama
MANUSIA!
Segala kesengsaraan
yang dihadapi oleh si burung
hanya diadukan kepada
Tuhan pencipta alam
harapan si burung agar
Tuhan pencipta alam
akan membukakan mata
mereka yang bernama
MANUSIA!

Zailaila

Dari muka 12

"Sudah takdir. Dan sudah tugasmu sebagai sahabatku
yang paling rapat!"

"Aku ingin pergi meninggalkanmu!" Dia seakan meng-
ugutku.

"Tidak mungkin. Kalau kau pergi, aku akan musnah."

"Tapi kau terlalu menderaku. Sedangkan aku sudah
tidak mampu membantuku dengan baik lagi. Aku sakit
dengan impianmu yang terlalu melangit. Kenapa tidak kau
lakukan setakat yang termampu olehmu saja? Kau terlalu
menyeksaku selama ini. Aku sudah tidak tahan bahkan
tidak sanggup menjadi sahabatmu yang paling rapat lagi.
Kau gila!"

"Kau yang betul-betul bodoh! Manusia harus terus
berusaha dan mencuba. Hidup adalah perjuangan dan kita
harus sentiasa terus berjuang. Kau fikir apa maknanya
hidup ini jika tidak mampu mencapai kejayaan? Hidup
tanpa perjuangan adalah hidup yang mati, kau tahu?"

"Aku tidak faham apa lagi yang kau mahu dalam hidup
ini."

"Kepuasan! Kejayaan! Kekuasaan! Kekayaan dan
nama!"

Kau tidak akan pernah merasa puas! Sedangkan yang
selebihnya itu akan kita tinggalkan juga bila tiba masanya.
Dan kau kulihat belum pernah ada memperuntukkan wak-
tumu sejenak untuk mengingati-Nya. Kau terlalu tamak
dan rakus terhadap dunia!"

"Kerana aku tidak pernah merasa puaslah aku terus ber-
jalan dan mencarinya. Bukankah kepuasan membuat kita
akan berhenti dari terus melakukan sesuatu? Bila kita
mudah merasa puas, kita akan mudah pula untuk berundur.
Jika kita terus bersikap begitu, sampai bila kita akan meraih
kejayaan? Tamak dan rakus itu penting! Tanpa perasaan
tamak dan rakus kita akan jauh ketinggalan. Sedang yang
selebihnya itu, akulah yang akan bertanggungjawab!
Sekarang dengar sini, aku tidak mahu projek ini gagal. Ini
adalah projek yang terbesar dalam sejarah persahabatan
kita. Kau mesti membantuku. Kau tahukan aku kekurangan
modal untuk melaksanakan semua ini?"

"Apa yang kau mahu aku buat?"

"Aku mahu kau menjadi modal untuk membantuku!"

"Maksud kau?"

"Kau harus sedia untuk berkorban!"

Sahabat aku yang paling rapat teresak-esak menangis
mendengar permintaanku. Tanpa mempedulikan esak
tangisannya aku terus menambah.

"Akan kusiapkan sebuah pentas di kota sebelah sana
dan kau harus menari di atas pecahan kaca. Itu satu hal
yang menakutkan. Orang ramai akan datang menyaksikan
satu persembahan yang luar biasa begitu. Kita akan mem-
perolehi banyak wang."

"Kalau aku menolak?" Suaranya hampir-hampir tidak
kedengaran.

"Kau tiada pilihan. Kau ingat, kaulah sahabat aku yang
paling rapat!"

Sebuah pentas telah aku siapkan di tengah-tengah kota.
Mulai dari saat itu sahabat aku yang paling rapat terus
menari tanpa henti di atas pecahan kaca. Diiringi dengan
bunyi muzik yang kumainkan, sahabat aku yang paling
rapat melenggang-lenggok mengikut irama muzik. Dia
tersenyum sambil mengatur langkah gemalai meskipun
kakinya terus mengalir darah merah dengan tiada hentinya
dan tepuk sorak dari semua penonton semakin hebat.

Kami berhasil mengutip wang yang banyak. Hasratku
pasti akan berhasil. Sahabat aku yang paling rapat kulihat
masih lemah dengan lilitan kain di kedua-dua belah
kakinya yang cedera parah. Aku menyuruhnya tabah dan

• • • • •

**ESOKNYA, kawasan pekan baru
hanya tinggal rangka-rangka
bangunan yang hagus, hitam legam
dan asap-asap yang semakin tipis
masih kelihatan di sana sini.
Desas-desus mengatakan ianya
berpunca dari perbuatan khianat.
Tapi ada juga yang menyatakan
musibah itu terjadi kerana
tiadanya berkat dari Tuhan!**

• • • • •

sabar dan menganggap itu semua sebagai ujian hidup. Dia
kelihatan terlalu lesu dan tidak bermaya. Tapi aku percaya
luka-luka di kakinya akan sembuh juga nanti. Dan suatu
hari kelak dia pasti akan lebih dewasa, kuat dan tabah
setelah mengalami semua ini. Malah dia akan menjadi
semakin berani dan tiada gentar walau apa pun yang
merentangi jalan-jalan hidup ini. Bukankah aku telah
mendidiknya dengan baik? Bukankah aku telah membent-
tuk jiwanya menjadi lebih mantap dan gagah?

Dari hari ke hari, bulan ke bulan sampailah ke pengh-
ujung tahun, akhirnya impianku terlaksana juga. Sebuah
pekan yang cantik dan mempunyai semua kemudahan
telah siap didirikan. Sahabat aku yang paling rapat
tersenyum senang. Di dalam pekan baru ini semua urusan
pentadbiran aku kendalikan sendiri. Sahabat aku yang
paling rapat hanya memberikan nasihat-nasihat saja
dalam beberapa soal tertentu, jika kupinta.

Semakin hari pekan baruku semakin maju dan terkenal
di serata negeri. Banyak syarikat tempatan yang mahu
melabur dalam perusahaan-perusahaan kecil yang terda-
pat di sana. Hampir kesemuanya aku terima. Aku mahu
pekan baru ini akan terus berkembang dengan baik dan
akan berdiri menjadi sebuah kota pula satu hari nanti.
Sahabat aku yang paling rapat sangat setuju dengan
cadangkanku itu. Lalu ia pun memberikan perancangan-
perancangan yang akan dibuat untuk tahun-tahun hadap-
an. Aku suka dengan perancangan yang telah dibuatnya.
Aku dapat melihat adanya fakta-fakta yang dapat meng-
ukuhkan perancangan itu akan berjaya.

Pagi itu sedang aku masih lena dibuai mimpi aku ter-
jaga dengan suara-suara jeritan yang datang dari segenap
penjuru. Aku tergegas bangun. Sahabat aku yang paling
rapat juga terkejut bukan kepalang. Seluruh kawasan
pekan baru ranap dijilat api! Aku seakan tidak percaya
dengan apa yang kulihat di depan mata. Tidak apa satu
pun harta yang dapat diselamatkan lgi. Beberapa puluh
orang manusia turut menjadi mangsa. Aku menoleh ke
belakang dan apartmen tempat tinggalku kelihatan merah
menyala disambar api. Keadaan menjadi kelam-kabut.
Esoknya, kawasan pekan baru hanya tinggal rangka-rang-
ka bangunan yang hagus, hitam legam dan asap-asap
yang semakin tipis masih kelihatan di sana sini. Desas-
desus mengatakan ianya berpunca dari perbuatan khianat.
Tapi ada juga yang menyatakan musibah itu terjadi kerana
tiadanya berkat dari Tuhan!

Sahabat aku yang paling rapat tiba-tiba datang meluru
ke arahku, memaki hamun dan berteriak sekuat suaranya
akan membalas dendam kepada siapa saja yang membuat
aniaya itu. Dia menggoncang-goncang tubuhku dan
menyeru padaku agar menuntut bela atas semua yang ter-
jadi itu.

"Akan kubunuh, akan kucincang lumat siapa pengkhi-
anat yang telah melakukan semua ini!"

Sahabat aku yang paling rapat terus menjerit-jerit den-
gan lantang sambil berjalan ke hulu ke hilir seperti sudah
tidak sedarkan diri lagi. Sahabat aku yang paling rapat
lupa bahawa semua mata di sekeliling memandangnya
seperti orang yang hilang akal.

Aku segera menghampirinya menampar mukanya
berkali-kali. Dia jatuh rebah ke tanah. Tapi sepantas itu
juga dia segera bangun dan menampar wajahku, menen-
dang perutku dan memukul ke seluruh tubuhku dengan
sebatang besi yang masih panas menyala.

Aku tersungkur ke tanah. Sahabatku yang paling rapat
terus membelasah tubuhku semahu hatinya, sehingga aku
terkapor-kapor tidak berupaya untuk bangun melawan-
nya. Kekuatan yang paling luar biasa tiba-tiba saja menj-
elma dalam dirinya. Sahabat aku yang paling rapat tiba-
tiba saja berdiri bagaikan seekor raksasa yang akan
menelan siapa saja. Sahabat aku yang paling rapat kini
menghempas tubuhku berkali-kali ke atas timbunan ban-
gunan yang musnah dijilat api. Sakitnya tiada terperi.
Aku sudah terperangkap dan tidak dapat berlari lagi dari
cengkamannya. Kini aku betul-betul sudah tidak berdaya
lagi. Tubuh badanku cedera parah. Kami sama-sama
bermandikan darah! Aku masih ingin melawan namun
denyut nadiku semakin lemah. Pandanganku samar-
samar, semakin rabun dan gelap terus. Alam berkecai
dalam darah, daging, tulang serta urat-urat sarafku.

Aku bangun dan melihat tubuhku yang terdampar
kaku dan biji mata yang berbeliak besar. Burung-burung
belang datang menghampiri tubuhku dan memagut-magut
seketul daging yang selama ini telah menjadi sahabatku
yang paling rapat! Dia tidak akan pernah hidup semula
setelah semua ini, lalu aku pun tahu saat terakhir itu telah
terjadi! Bersama keputan asap-asap putih kelabu aku
hilang bersama angin.



سنتيائس برسام بيسكيت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسون رنچاغن تيليسيشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PINAK RTB berhak
memerlukan mana-mana
jua rancangan

RABU 6 FEBRUARI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	MUTIARA FIRMAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	MUTIARA FIRMAN
4.12	SUSUNAN RANCANGAN
4.15	EAGLE RIDERS YR.1
5.00	JUARA - Siaran Langsung
5.30	WILDLIFE ADVENTURES - 'Colorado River Adventure'
5.45	BERITA
6.33	AZAN MAGHRIB
6.45	SURAH NABAWIYAH

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.25	WANITA - Ulangan
7.44	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	DRAMA CO PRODUCTION: IMBAS
9.25	MUTIARA HUTAN - 'Anggrek Hutan' Bhg. II
10.00	NEWS AT 10
10.30	DRAMA STV 12 - 'Phua Chu Kang'
11.00	MASTER OF ILLUSION
12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT

KHAMIS 7 FEBRUARI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	MUTIARA FIRMAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	MUTIARA FIRMAN
4.10	SUSUNAN RANCANGAN
4.15	ANIMATION HOUR: BLINKY BILL/BATMAN OF THE FUTURE
5.15	WORLD OF AUDUBON - 'Caribbean Cool'
5.45	BERITA
6.33	AZAN MAGHRIB
6.45	FIQHUL MIRATHS

MALAM

7.00	SURAH-SURAH PILIHAN
7.25	GEMA ISLAM

7.44	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	AN NUUR - Siaran Langsung
10.00	NEWS AT 10
10.30	DRAMA: DI LUBUK HATINYA
11.00	WAYANG PILIHAN - 'The Postman'
12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

JUMAAT 8 FEBRUARI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	MUTIARA FIRMAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SUSUNAN RANCANGAN
10.15	SESAME STREET
11.15	FUN TIME - Ulangan
11.30	BERITA
11.40	HOME GREEN HOME - Siri Baru
12.15	DISCOVER ISLAM
12.30	SEMBAHYANG FARDU JUMAAT- Siaran Langsung

PETANG

1.30	GEMA ISLAM - Ulangan
2.00	SUKAN
2.30	ANTARABANGSA DINAMIK - Siaran Langsung
3.00	TAYANGAN GAMBAR - 'Fighting Back: The Story of Rocky Bleier'
3.57	AZAN ASAR
4.03	ANIMATION HOUR: VOLTRON - DEFENDER OF THE UNIVERSE/ SANG WIRA
5.30	TECHNOLOGY WORLD
5.45	BERITA
6.15	SYIAR MASJID
6.32	AZAN MAGHRIB
6.45	AN NAZHAFAH

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.20	ALAM FLORA
7.44	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	DRAMA: ASAM GARAM - Ulangan
9.30	HEALTH WORKS
10.00	NEWS AT 10
10.40	KHUTBAH JUMAAT
10.55	TELEDrama - 'Aku Tak Berdosa' Bhg VI
12.25	DOA DAN SIARAN TAMAT

SABTU 9 FEBRUARI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU
------	----------------

6.02	MUTIARA FIRMAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SUSUNAN RANCANGAN
10.10	ANIMATION HOUR: STORKS TALES/THE ADVENTURES OF BLINKY BILL
11.00	SCIENCE INSIGHT
11.30	BERITA
12.00	DRAMA CO PRODUCTION: CATATAN MISTERI - Ulangan
12.36	AZAN ZUHUR
12.40	DOKUMENTARI TEMPATAN: SELAGI DAYA - 'Perusahaan Membuat Keropok' - Ulangan

PETANG

1.10	PANGGUNG PETANG SABTU - 'Bionic Showdown'
2.45	KAMPUNG KITA - Ulangan
3.15	PETER BENCHLEY'S AMAZON - 'Bible And A Gun'
3.56	AZAN ASAR
4.15	SCIENCE OF THE IMPOSSIBLE - 'Can We Reach The Star'
5.00	ANIMATION HOUR: JIN JIN AND THE PANDA PATROL/CARE BEARS
5.45	BERITA
5.55	PERSPECTIVE
6.33	AZAN MAGHRIB
6.45	WASIAH IMAN

MALAM

7.00	DUNIA ASIA
7.25	GOOD MEDICINE
7.44	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	HIBURAN
10.00	NEWS AT 10
10.30	TAYANGAN GAMBAR - 'Black Magic'
12.05	DOA DAN SIARAN TAMAT

AHAD 10 FEBRUARI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	MUTIARA FIRMAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SUSUNAN RANCANGAN
10.10	SESAME STREET
11.15	KLIKI KLIKI KLIKI

11.30	BERITA
11.40	SUNDAY MATINEE - 'In The South Seas'
12.36	AZAN ZUHUR
12.41	SUNDAY MATINEE - Sambungan

PETANG

1.20	ENGLISH PREMIER LEAGUE 2001/2002 - preview
1.50	ENGLISH PREMIER LEAGUE 2001/2002
2.50	DRAMA STV12 - 'Pasir Panjang Roboh' Bhg III
3.40	ANIMATION HOUR: TOM AND JERRY KIDS III/GET ALONG GANG
3.56	AZAN ASAR
5.00	GOLI GOLI BRUNEI - Siaran Langsung
5.45	BERITA
5.55	MUSLIMS OF THE WORLD - 'Sudan'
6.33	AZAN MAGHRIB
6.45	SINARAN WAHYU

MALAM

7.00	ZIHNUH ISLAM
7.44	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	TIRAI KELUARGA - 'Hadimya Adira'
10.00	NEWS AT 10
10.30	TIRAI KELUARGA - Sambungan
11.00	STINGERS - 'Without Fear of Favour'
11.45	DOA DAN SIARAN TAMAT

ISNIN 11 FEBRUARI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	MUTIARA FIRMAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT

PETANG

4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	MUTIARA FIRMAN
4.12	SUSUNAN RANCANGAN
4.15	ANIMATION HOUR: THE ZETA PROJECT/ THE ADVENTURES OF SUPER MARIO BROS
5.15	SUKAN GLOBAL
5.45	BERITA
5.55	NETWORK EARTH
6.34	AZAN MAGHRIB
6.45	BIMBINGAN KELUARGA

MALAM

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.25	ASBABUN NUZUL
7.45	AZAN ISYAK

8.00	BERITA NASIONAL
8.50	DRAMA CO PRODUCTION - 'Menongkah Arus'
8.50	AMAZING TAIL'S
9.25	MELODI KASIH
10.00	NEWS AT 10
10.30	THE PLANET'S FUNNIEST ANIMALS
11.00	LIGA MALAYSIA 2002
	PERDANA 2 - 'Brunei Darussalam lwn Public Bank Selangor'
12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT

SELASA 12 FEBRUARI

PAGI

6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	MUTIARA FIRMAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SUSUNAN RANCANGAN
10.10	ANIMATION - 'Adventure Of Pinocchio'
11.15	AMAZING SCIENCE
12.00	TAYANGAN GAMBAR MELAYU - 'Siapa Dia?'
12.36	AZAN ZUHUR
12.41	TAYANGAN GAMBAR MELAYU - sambungan

PETANG

1.45	MALAM ANUGERAH RTB - Ulangan
3.56	AZAN ASAR
4.30	ANIMATION HOUR: THE WIZARD OF OZ/ DRAGON TALES
5.15	DOCUMENTARY - 'India'
5.45	BERITA
6.05	DRAMA CO PRODUCTION: SITI AYU - Ulangan
6.34	AZAN MAGHRIB
6.45	BIMBINGAN MUKMIN

MALAM

7.00	COSBY - 'The Two Mr. Lucases'
7.25	DOKUMENTARI TEMPATAN: MOU SERUMPUN - 'Meraut Seni Mencanang Budaya'
7.45	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	KAMPUNG KITA
9.25	ELEMENTS
10.00	NEWS AT 10
10.30	ADRENALIN JUNKIES
11.15	FIRE - 'Doppelganger'
12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT

Enam orang bangsa Cina/Dusun lafazkan ikrar Islam

PULAIE. - Sebuah keluarga dari enam orang berbangsa Cina/Dusun melafazkan ikrar memeluk agama Islam yang berlangsung di Pusat Da'wah Islamiah pada 25 Januari yang lalu.

Majlis Pengislaman tersebut telah disempurnakan oleh pegawai-pegawai dari Unit Pengislaman dan Bimbingan Saudara-saudara Baru sambilan disaksikan oleh Ketua Bahagian Pengislaman dan Pemeliharaan, Awang Haji Muhammad bin Garing.

Majlis Membaca Ikrar Pengislaman didahului

Oleh
Abu Bakar HAR

oleh ketua keluarga, Awang Hartono bin Suing yang memilih nama Islamnya sebagai Awang Mohd. Hafizuddin bin Abdullah, diikuti oleh isterinya Dayang Chok Ming Ai yang dikenali sebagai Dayang Alifah binti Abdul Rahman.

Sementara keempat-empat anak mereka kini dikenali sebagai Dayang Siti Atikah, Awang Muhd. Adi Wewen, Awang Abdul

Hadi Zezen dan Awang Abdul Hadi Doren.

Majlis diserikan dengan persembahan Dikir Ya Man Hadar oleh Kumpulan Dikir Pusat Da'wah Islamiah dan menabur bunga rampai kepada saudara-saudara baru tersebut.

Menurut Pusat Da'wah Islamiah, sejumlah 500 orang telah memeluk Islam pada tahun lepas dan dari jumlah tersebut Daerah Brunei dan Muara merekodkan jumlah yang terbesar sebanyak 260 orang dengan majoriti bangsa yang memeluk agama Islam ialah bangsa Filipina.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Mohiddin ketika menyaksikan Majlis Pengislaman keluarga Awang Muhammad Shadiq bin Abdullah Jan Jam dari Kampong Bukit, Daerah Tutong. Majlis berlangsung di rumah saudara baru itu. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Empat puak Dusun memeluk agama Islam

TUTONG. - Seramai empat orang puak Dusun dari dua buah kampung berlainan telah memeluk agama Islam dengan kerelaan hati mereka sendiri.

